


PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI ISNIN: 15 JUN 2009

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 6 HINGGA 133)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 5
SOALAN NO. 20, 39, 91, 103 DIJAWAB SEKALI DENGAN NO. 1
SOALAN NO. 21, 45, 96 DIJAWAB SEKALI DENGAN NO. 5
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)
TARIKH : 15.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan Kementerian berikutan peningkatan kes ponteng sekolah dan samseng jalanan melibatkan para pelajar seluruh negara tetapi mengapakah mekanisme di Kementerian tidak begitu berfungsi untuk menangani masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat memandang serius terhadap masalah disiplin murid sekolah termasuklah kes ponteng sekolah dan samseng jalanan yang melibatkan murid sekolah. KPM mengakui walaupun pelbagai kaedah dilakukan untuk menangani masalah disiplin murid ini, kejadian salah laku tersebut masih berlaku. Sehubungan itu KPM bersetuju agar pendekatan secara holistik digunakan iaitu dengan melibatkan pelbagai pihak termasuk ibu bapa dalam membendung masalah tersebut. Ini disebabkan faktor yang mempengaruhi salah laku tersebut adalah pelbagai dan tidak hanya berpunca daripada sekolah sahaja.

Mengenai kes ponteng sekolah, KPM mendapati peratus kes tersebut semakin menurun. Sebagai contoh, pada tahun 2006, kes ponteng yang direkodkan

adalah sebanyak 24,227 (0.46%) dan telah menurun kepada 21,134 kes (0.39%) tahun 2007 dan 20,363 kes (0.37%) tahun 2008.

Pelbagai langkah telah dan sedang dilaksanakan oleh KPM dalam membendung salah laku murid. Antaranya;

1. Pelaksanaan dan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 khususnya terhadap tatacara hukuman terhadap murid yang melakukan kesalahan disiplin oleh pihak sekolah. Nasihat dan bimbingan sentiasa diberi kepada sekolah agar tindakan yang dibuat adalah betul dan tidak mendatangkan isu ketidakpuasan kepada pihak awam khususnya ibu bapa. Ini termasuklah pematuhan Pekeliling-Pekeliling Ikhtisas yang dikeluarkan oleh KPM dari semasa ke semasa;
2. Melaksanakan **Program Jati Diri** kepada murid yang telah dikenakan tindakan oleh pihak sekolah khususnya terhadap tindakan buang, gantung sekolah serta kepada murid yang telah dikenakan tindakan kerana melakukan kesalahan berat yang lain;
3. Melaksanakan **Kursus Literasi Undang-Undang kepada Guru Disiplin seluruh negara**;
4. Melaksanakan **Kursus Pengurusan Emosi** kepada guru disiplin;
5. Kempen menerusi media massa seperti **Media Radio digunakan** (Era FM, Sinar FM, X-fresh FM, Hot FM, KL FM dan Klasik FM);
6. Menyediakan **'Poster Anti Ponteng', 'Poster Anti Buli' dan 'Poster Pencegahan Seks Bebas'**;
7. Melaksanakan Program Rintis ***Sistem Merit Demerit***;

8. Menggerakkan **Pasukan Petugas Anti Ponteng**. Program ini akan dimantapkan lagi menerusi **Majlis Permuafakatan Pendidikan Daerah (MPPD)**;
9. Menggerakkan **program keibubapaan kepada anggota PIBG**;
10. Menggerakkan **program khas bersama PDRM di setiap negeri**; dan
11. Pelaksanaan rintis program Piawaian Keselamatan Sekolah dengan menfokuskan kepada lima aspek iaitu Pengurusan Aktiviti Murid, Pengurusan Keselamatan Dalam Menghadapi Krisis dan Bencana, Pengurusan Keselamatan Infrastruktur Sekolah, Pengurusan Keselamatan Dalam Menangani Gejala Sosial dan Pengurusan Keselamatan Dalam Menghadapi Risiko.

KPM berharap semua langkah yang diambil dapat menangani masalah disiplin yang berlaku. Namun kerjasama dari pelbagai pihak amat diperlukan dalam memastikan masalah disiplin ini dapat dibendung.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB
[MARAN]
TARIKH : 15 JUN 2009
SOALAN :

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sepanjang tempoh lima tahun di antara 2004 hingga 2008, berapakah jenis penyakit merbahaya dan penyakit bawaan haiwan yang melibatkan pelbagai negara dan menular ke negara ini. Sehingga hari ini, berapakah kes Virus Selesema Babi atau Influenza A (H1N1) yang dikesan di negara ini dan apakah langkah-langkah yang diambil dalam membendung penyebaran penyakit tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyakit bawaan haiwan juga dikenali sebagai penyakit zoonotik. Penyakit ini biasanya berlaku kepada haiwan, dan jangkitan kepada manusia boleh berlaku jika manusia terdedah kepada kuman atau virus yang menyebabkan penyakit zoonotik tersebut. Cara jangkitan penyakit zoonotik berbeza mengikut penyakit serta agen penyebabnya.

Sebagai contoh, penyakit rabies berlaku melalui gigitan haiwan yang terkena penyakit tersebut, penyakit selesema burung (*avian influenza*) melalui kontak terdekat (*air droplet*) dengan haiwan yang terkena jangkitan tersebut, dan *Japanese Encephalitis*, melalui gigitan nyamuk daripada haiwan dijangkiti kepada manusia. Lain-lain contoh adalah *Nipah Encephalitis* (kontak kepada *body fluid* daripada haiwan yang dijangkiti) dan *Leptospirosis* (kontak kepada kuman liptospira yang mencemari persekitaran).

Sepanjang tempoh 5 tahun dari tahun 2004 hingga 2008, rekod Kementerian Kesihatan tidak menunjukkan sebarang penularan jangkitan penyakit zoonotik di kalangan penduduk negara ini akibat pengimportan penyakit ini dari luar negara.

Penyakit Influenza A (H1N1) atau sebelumnya dikenali sebagai *swine flu* bukan merupakan penyakit zoonotik. Penyakit ini disebabkan oleh virus influenza baru yang berjangkit melalui *close contact*, secara *droplet* daripada batuk dan bersin orang yang mengidap penyakit ini. Untuk makluman, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) secara rasminya telah menukar nama *swine flu* kepada Influenza A (H1N1) pada 30 April 2009, memandangkan penularan penyakit ini tiada kaitan dengan haiwan babi atau khinzir.

Sehingga 15 Jun 2009, sebanyak 15 kes telah disahkan sebagai jangkitan Influenza A (H1N1) dilaporkan di negara ini. Kesemua kes adalah kes import, iaitu mereka mendapat jangkitan di luar negara dan dikesan di

Malaysia. Untuk makluman, fakta berkaitan 15 kes ini adalah seperti berikut;

- a) Lapan daripada 15 kes tersebut adalah melibatkan warganegara Malaysia, yang mendapat jangkitan di negara yang terlibat dengan jangkitan tempatan Influenza A(H1N1). Empat belajar di negara tersebut dan kembali bercuti di Malaysia, sementara 4 lagi adalah warga Malaysia yang pergi melancong dan bercuti di negara yang terlibat dengan wabak Influenza A(H1N1);
- b) Seorang adalah melibatkan penduduk tetap Malaysia yang mendapat jangkitan selepas kembali melawat negara yang terlibat dengan wabak influenza A(H1N1);
- c) Sementara baki, 6 kes adalah di kalangan warganegara asing dari negara yang terlibat dengan wabak Influenza A(H1N1), datang melawat Malaysia untuk bercuti;
- d) Empat daripada kes tersebut, dikesan semasa saringan di pintu masuk kerana mempunyai tanda-tanda jangkitan influenza (demam dan batuk), sementara baki 15 adalah dikesan melalui sistem pengawasan dan pengesanan di fasiliti perubatan dan kesihatan negara. Kes-kes ini semasa sampai di Malaysia tiada tanda jangkitan, dan mula mendapat tanda jangkitan 1 hingga 2 hari selepas ketibaan. Mereka dikesan semasa datang mendapatkan rawatan.

Kementerian Kesihatan telah mengaktifkan aktiviti pencegahan dan kawalan Influenza A(H1N1) sejak 26 April 2009. Antara langkah yang telah diambil untuk mencegah dan mengawal penyebaran virus Influenza A(H1N1) dalam negara ini ialah:

- a) Membuat penyaringan kesihatan ke atas semua pengembara dari negara yang disahkan ada jangkitan virus Influenza A(H1N1) di semua pintu masuk antarabangsa seluruh negara. Setiap pengembara dikehendaki membuat pengisytiharan kesihatan dan menjalani saringan suhu badan;
- b) Kes yang telah disyaki jangkitan virus Influenza A(H1N1) dimasukkan ke hospital yang telah ditetapkan untuk pengawasan dan pemerhatian sehingga keputusan ujian makmal diperolehi;
- c) Kes yang disahkan dijangkiti virus Influenza A(H1N1) diasingkan dan diberikan rawatan *antiviral* sehingga sembuh;
- d) Kontak kepada kes jangkitan virus Influenza A(H1N1) diletakkan di bawah kuarantin di rumah selama 7 hari dari tarikh kontak terakhir dengan kes. Sekiranya mereka menunjukkan tanda-tanda jangkitan virus Influenza A(H1N1) mereka akan dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut;
- e) Petugas-petugas yang terlibat dalam pengendalian kes Influenza A(H1N1) diwajibkan memakai alat perlindungan diri dengan cara yang betul dan kesihatan mereka dipantau setiap hari;
- f) Sebanyak 28 hospital dengan kemudahan sebanyak 168 katil yang mempunyai fasiliti merawat kes Influenza A(H1N1) telah diaktifkan dan bersedia sedia menerima kes;
- g) Aktiviti kesedaran awam diberikan, memaklumkan penyakit Influenza A(H1N1), cara penularan dan langkah pencegahan dan kawalan yang perlu diambil;
- h) Memastikan bekalan stok ubat dan alat perlindungan diri mencukupi;

- i) Menyediakan kenyataan akhbar harian oleh Ketua Pengarah Kesihatan memaklumkan tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan dan situasi semasa dan nasihat yang patut diamalkan oleh warga Malaysia.

Pada 11 Jun 2009 pihak WHO telah menaikkan tahap amaran pandemik influenza daripada 5 kepada 6, memandangkan wabak penyakit Malaysia setakat ini belum melaporkan kes tempatan dan untuk makluman, pihak WHO tiada menyarankan tindakan sekatan perjalanan, ekonomi atau penutupan sempadan.

Pada fasa 6 ini, pihak WHO telah menyarankan untuk negara-negara yang belum ada penularan tempatan, seperti Malaysia supaya terus mengambil langkah-langkah berwaspada (*vigilant*).

Kementerian Kesihatan telah menyediakan pelan *National Influenza Pandemic Preparedness Plan* (NIPPP) pada tahun 2005 sebagai langkah persediaan kepada pandemik influenza dalam masa 5 tahun yang lepas pelan tindakan telah dibuat oleh pelbagai agensi yang terlibat termasuk latihan, *stockpile* ubat dan alat perlindungan diri (PPE). Sesuai dengan saranan WHO, Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan yang berikut sesuai dengan fasa 6 pandemik.

- a) Mengaktifkan JK Kebangsaan Antara Kementerian untuk menangani wabak fasa 6 yang akan dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan;

- b) Mengaktifkan Majlis Keselamatan Negara untuk menyelaraskan aktiviti pencegahan dan kawalan yang perlu dilaksanakan;
- c) Aktiviti surveilan, pencegahan dan kawalan seperti yang telah dinyatakan dalam NIPPP akan ditingkatkan; dan
- d) Tindakan *social distancing* untuk membanteras penularan penyakit akan diambil jika penularan tempatan dilaporkan di Malaysia ini bertujuan mengawal penularan penyakit jadi menjadi luas. Contoh tindakan adalah seperti penutupan sekolah, institusi dan pembatalan majlis perhimpunan dan perjumpaan awam.

Kami yakin dengan kerjasama semua pihak termasuk penduduk Malaysia, kita akan dapat meminimumkan kesan dan impak daripada pandemik influenza di Malaysia melalui pelaksanaan aktiviti kawalan dan pencegahan yang cekap dan berkesan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]
TARIKH : 15 JUN 2009
RUJUKAN : 1748

SOALAN:

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan bagi menangani masalah kesesakan teruk di depot tahanan Imigresen di seluruh negara ekoran sikap "lepas tangan" beberapa kedutaan asing yang enggan mengaku pendatang tanpa izin (PATI) terbabit adalah warganegara mereka sehingga menyukarkan urusan penghantaran balik PATI.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Gombak yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah kurang tepat untuk menuduh bahawa sikap 'lepas tangan' beberapa kedutaan asing yang enggan mengaku PATI terbabit adalah warganegara mereka telah menyebabkan kesesakan di Depot Tahanan Sementara (DTS) Imigresen. Sebaliknya, **kerajaan mendapat kerjasama yang sangat baik dari kedutaan-kedutaan asing yang ada di negara ini.**

Sebenarnya, pihak kedutaan sendiri menghadapi masalah dalam mengesahkan kewarganegaraan seseorang PATI yang tidak memiliki sebarang dokumen. Dalam kes seperti ini, **kedutaan terpaksa membuat siasatan yang mendalam, termasuk merujuk ke negara asal, untuk mendapatkan bukti-bukti sebelum mengesahkan kewarganegaraan seseorang PATI.** Ini melewati proses pengusiran, dan ini menyumbang terhadap kesesakan di DTS. Manakala bagi PATI yang memiliki dokumen perjalanan atau pengenalan adalah mudah diusir dengan cepat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani kesesakan PATI di DTS seluruh negara, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mengatasi masalah ini. Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) **Mengadakan mesyuarat dengan kedutaan-kedutaan dari semasa ke semasa bagi membincangkan pelbagai isu termasuk isu PATI.** Hasil perbincangan mesyuarat ini, kerajaan telah mendapat respons yang amat baik dari pihak kedutaan. Sebagai contoh, bagi menyelesaikan masalah PATI di Sabah, kedua-dua belah negara jiran iaitu Indonesia dan Filipina telah bersetuju untuk mengeluarkan dokumen bagi rakyatnya di Sabah. Akibatnya kesesakan di DTS di Sabah telah dapat dikurangkan;
- (ii) **Mewujudkan Mahkamah PATI di setiap DTS seluruh negara** supaya PATI dapat dibicarakan secepat mungkin dan di usir dalam tempoh yang paling singkat;
- (iii) **Mewujudkan kerjasama yang erat dengan kedutaan dari negara-negara berkaitan dalam proses pengusiran PATI.** Sebagai contoh, PATI dari Indonesia dapat diusir dalam tempoh tujuh (7) hari hasil dari perjanjian khas yang diwujudkan di antara kerajaan Malaysia dan Indonesia; dan

- (iv) Menghubungi kedutaan dari negara-negara berkaitan dengan kadar segera bagi membolehkan pegawai kedutaan menemuduga PATI.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN (REMPAU)

TARIKH : 15 JUN 2009

SOALAN:

Minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meminda Akta Pilihan Raya 1958 dengan mengenakan hukuman kepada parti politik terbabit bagi menghalang wakil rakyat mengosongkan kerusi tanpa sebab munasabah dan mempersendakan prinsip dan amalan demokrasi negara.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan nombor 4 pada 22 Jun 2009 oleh Y. B. Datuk Dr. Marcus Mojigoh kerana mempunyai persamaan.

Mengikut peraturan sekarang, kekosongan sesuatu kerusi sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri akan disahkan kekosongan jika seseorang Ahli Dewan meninggal dunia, muflis, dikenakan hukuman penjara melebihi satu tahun atau didenda melebihi RM 2000.00, diisytiharkan oleh mahkamah kerusi tersebut kosong berikutan kes petisyen pilihan raya atau meletakkan jawatan.

Berhubung dengan soal perletakan jawatan adalah dibenarkan berdasarkan peruntukan Perkara 51 Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan-Perlembagaan Negeri, oleh itu Akta Pilihan Raya 1958 tidak boleh melarang seseorang ahli dewan meletak jawatan atas

kemahuannya sendiri kerana ini akan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan-Perlembagaan Negeri.

Mengenai dengan hukuman yang dicadangkan ia telah ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan di bawah Fasal (6) Perkara 48 yang menyatakan bahawa seseorang yang meletakkan jawatan akan hilang kelayakan untuk bertanding selama lima tahun bermula dari tarikh perlepasan jawatannya berkuat kuasa.

Selain daripada itu jika terdapat perletakan jawatan yang dibuat berasaskan paksaan, SPR mempunyai kuasa untuk menentukan kesahihan kekosongan kerusi tersebut seperti mana yang dilakukannya untuk perletakan jawatan bagi kerusi DUN N.14 Cahangkat Jering, N.31 Jelapang dan N.59 Behrang Perak baru-baru ini.

Berhubung dengan jumlah kos yang ditanggung oleh SPR untuk setiap pilihan raya kecil ia adalah antara RM 300,000.00 hingga RM 700,000.00 bergantung kepada keadaan bahagian pilihan raya, sama ada bahagian pilihan raya Parlimen atau Negeri, manakala anggaran kos yang ditanggung oleh pihak Penguatkuasa Undang-Undang adalah

antara RM 3 juta hingga RM 15 juta bergantung kepada keadaan keselamatan yang dihadapi.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
(PENGKALAN CHEPA)**

TARIKH : 15.06.2009

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan mengikut statistik, kemiskinan di luar bandar sama ada di Sabah, Terengganu dan Kelantan sangat tinggi. Terangkan rancangan jangka pendek dan jangka panjang serta tempoh masa bagi menurunkan kadar kemiskinan tersebut.

JAWAPAN:

Berdasarkan Kajian Separuh Penggal RMKe9, kadar kemiskinan di luar bandar Malaysia direkodkan pada tahap 7.1% dengan bilangan isi rumah seramai 132,590 keluarga. Secara relatifnya, negeri Sabah mencatatkan kadar kemiskinan luar bandar yang agak tinggi iaitu pada tahap 26.3%, diikuti negeri Terengganu pada kadar 9.3% dan negeri Kelantan pada kadar 7.4%.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan terus komited dalam membasmi kemiskinan di luar bandar. Pelbagai program telah dirangka dan dilaksanakan. Melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan

Wilayah (KKLW), tiga (3) program utama di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) telah dilaksanakan iaitu:

- i. Program Peningkatan Pendapatan (PPP)
- ii. Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)
- iii. Program Bantuan Rumah (PBR).

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, menerusi program PPP, bantuan berbentuk projek-projek kecil ekonomi akan diberi kepada kumpulan sasar di bawah empat (4) bidang utama iaitu perniagaan kecil-kecilan, pemprosesan sumber asas tani serta aktiviti berasaskan perkhidmatan dan ternakan serta pertanian. Manakala di bawah program PLKK, kumpulan sasar akan diberi peluang untuk meningkatkan potensi modal insan mereka menerusi kursus-kursus latihan kemahiran yang memberikan jaminan peluang pekerjaan. Di bawah program PBR pula, kumpulan sasar yang layak akan diberikan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa. Dalam tahun 2009 ini, Kerajaan telah menambah peruntukan sejumlah RM500 juta bagi membina 15,000 unit rumah kepada keluarga miskin dan miskin tegar di seluruh negara di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama.

Seterusnya, dalam memastikan usaha pembasmian kemiskinan menyeluruh ke kawasan mundur, terpencil dan terbiar, Kementerian juga melaksanakan Program Lonjakan Mega Luar Bandar yang berkonsepkan Agropolitan, di mana fokus pelaksanaan adalah lebih menyeluruh, merangkumi aspek ekonomi, fizikal dan modal insan.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan bertekad untuk menghapuskan kemiskinan tegar sepenuhnya pada tahun 2010 di samping mengurangkan separuh daripada bilangan golongan miskin pada tahun yang sama.

MAKLUMAT TAMBAHAN:

STATISTIK KEMISKINAN LUAR BANDAR BERDASARKAN KEPADA
KAJIAN SEPARUH PENGGAL RMKe9

BIL.	NEGERI	BIL. KETUA ISI RUMAH	PERATUS
1	SABAH	56,162	26.3
2	TERENGGANU	9,060	9.3
3	PERLIS	2,624	8.3
4	KELANTAN	14,338	7.4
5	SARAWAK	15,032	6.3
6	PERAK	10,122	5.2
7	KEDAH	10,184	4.3
8	WP LABUAN	129	3.2
9	SELANGOR	2,839	2.6
10	PAHANG	4,036	2.5
11	PULAU PINANG	1,426	2.4
12	MELAKA	841	2.2
13	JOHOR	4,302	2.1
14	NEGERI SEMBILAN	1,495	1.7
	MALAYSIA	132,590	7.1

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, JPM

SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE DUA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B DATUK HJ IDRIS BIN HJ HARON

[TANGGA BATU]

TARIKH : 15 JUN 2009

SOALAN : 11

Minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dari segi melindungi dan mempertahankan serangan atau peperangan siber dari dalam dan luar negara.

Jawapan:

Tuan Yang diPertua,

Bagi melindungi dan mempertahankan negara dari serangan siber baik dari dalam atau luar negara, Kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengambil 7 langkah berikut:

1. **Mewujud dan melaksanakan Dasar Keselamatan Siber Nasional** yang memberi tumpuan terhadap keselamatan Prasarana Kritikal Maklumat Negara (*Critical National Information Infrastructure* atau CNII);
2. **Membangunkan perkhidmatan amaran awal siber (*Cyber early warning service*)** yang dilengkapi dengan infrastruktur dan kepakaran untuk

mengawasi, memberi amaran dan tindak balas terhadap ancaman siber di peringkat nasional dan antarabangsa;

3. **Melaksanakan program kesedaran dan latihan keselamatan maklumat** bertujuan meningkatkan kesedaran dan mendidik pengguna Internet mengenai ancaman dan isu-isu terkini di dalam bidang keselamatan maklumat.
4. **Menjalin kerjasama keselamatan siber di peringkat antarabangsa** melalui jalinan kerjasama keselamatan siber bertujuan untuk berkongsi maklumat dan kepakaran.
5. **Membangunkan Pelan Pengurusan Krisis Keselamatan Siber Negara** di bawah kawal selia Majlis Keselamatan Negara;
6. **Melaksanakan program-program keselamatan siber di bawah projek Rancangan Malaysia Ke-9** termasuklah penilaian dan pensijilan keselamatan ICT, penilaian kelemahan teknologi dan sistem maklumat, pembangunan perkakasan dan kepakaran forensik digital; dan
7. **Menjalankan kajian terhadap kelemahan dan kelompondan undang-undang** Malaysia sedia ada dalam menghadapi cabaran di persekitaran siber.

Tuan Yang Dipertua

Dengan tindakan-tindakan ini, keselamatan negara dari segi serangan atau ancaman siber sentiasa berada dalam keadaan terjamin.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD. TAIB
(BALING)**

TARIKH : 15 JUN 2009

SOALAN:

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa dengan kongkongan Kerajaan terhadap kebebasan media, rakyat terutama di kawasan bandar mendapatkan maklumat dari Internet, seperti *blog, website, Youtube* dan lain-lain menyebabkan jualan akhbar dan penonton berita TV tempatan semakin merosot.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedar bahawa kemunculan media baru telah memberi kesan kepada populariti media konvensional. Kemerosotan ini bukanlah disebabkan oleh kawal selia Kerajaan menerusi akta dan undang-undang sedia ada dalam negara tetapi pada kelazimannya, sesuatu yang baru memanglah lebih diminati masyarakat secara umumnya. Tambahan pula, dewasa ini banyak akhbar sama ada

akhbar arus perdana mahupun bukan, telah menyediakan bahan secara *online* serta menjadi pilihan utama masyarakat dan ini merupakan kecenderungan dalam industri media seantero dunia.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG]

TARIKH : 15 JUN 2009

SOALAN :

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sehingga sekarang berapa buah negeri yang telah menggunakan Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (e-KAS) dan apakah usaha Kementerian bagi mempertingkatkan mutu sistem ini dalam usaha memantau kualiti alam sekitar dengan lebih berkesan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua Jabatan Alam Sekitar Negeri telah menggunakan Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (e-KAS).

Sistem ini sentiasa ditambahbaik dari segi aplikasi berdasarkan kepada kehendak semasa dalam melaksanakan kerja-kerja rasmi dalam memantau kualiti alam sekitar terutamanya penguatkuasaan seperti berikut :

- i. Pematuhan dan Lawatan Penguatkuasaan Kilang Kelapa Sawit, Kilang Getah dan Buangan Terjadual ;
- ii. Pematuhan dan Lawatan Penguatkuasaan Premis Bukan Yang Ditetapkan;
- iii. Pengendalian Aduan;
- iv. Pembakaran terbuka; dan
- v. Kes-kes kompaun.

Di samping itu, semua data inventori maklumat pencemar alam sekitar yang berada di dalam format *non-spatial* sedang digabungkan dengan Sistem Maklumat Geografi Alam Sekitar (SMGAS) dengan menggunakan teknologi *Geographic Information System* (GIS). Ini bertujuan untuk mewujudkan satu sistem yang komprehensif bagi membantu pengguna membuat pemantauan dan untuk memproses laporan EIA.

Sekian, terima kasih.

No = 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

TARIKH : 15.06.2009

SOALAN : NO. 14

Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sebab-sebab syarikat-syarikat minyak tidak dibenarkan bersaing secara terbuka dan dibenarkan menjual petrol dengan harga yang lebih rendah daripada harga yang ditentukan oleh Kerajaan.

Jawapan :

Tuan Yang Dipertua,

Seperti yang kita sedia maklum, produk petroleum seperti petrol dan diesel adalah merupakan barang yang dikawal bekalan dan harganya oleh Kerajaan. Harga runcit petrol dan diesel ditetapkan melalui mekanisme *Automatic Pricing Mechanism* (APM) yang digunakan sejak 1 Mac 1983. Objektif APM adalah untuk memastikan kestabilan harga dan bekalan, mengawal inflasi dan memberi jaminan keuntungan kepada pengusaha stesen minyak dan syarikat minyak. Antara komponen di dalam APM adalah cukai jualan dan subsidi. Subsidi diberikan apabila harga sebenar lebih tinggi daripada harga runcit

yang ditetapkan setelah mengambil kira pengecualian cukai jualan. Dengan menggunakan APM ini maka syarikat minyak atau pengusaha stesen minyak tidak dibenarkan untuk menentukan sendiri harga jualan petrol di stesen minyak masing-masing.

Sekiranya syarikat minyak dibenarkan untuk menetapkan sendiri harga runcit petrol maka sudah semestinya pengguna perlu membayar pada harga yang berbeza-beza pada setiap masa. Disamping itu, harga jualan akan menjadi lebih tinggi apabila harga minyak mentah meningkat di pasaran dunia. Keadaan ini boleh memberi kesan kepada kenaikan kadar inflasi di dalam negara. Pada masa kini, jika keadaan ini berlaku Kerajaan akan menampung kenaikan tersebut dengan mengecualikan cukai dan memberi subsidi agar harga runcit adalah stabil.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH (LENGGONG)

TARIKH : 15 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:-

- (a) bilangan bukan Melayu yang menyertai angkatan tentera dan apakah usaha yang dilakukan bagi menarik bukan Melayu menganggotai Angkatan Tentera Malaysia; dan**
- (b) apakah usaha membantu pesara-pesara tentera dan adakah cadangan memberikan sugu hati kepada bekas tentera pelbagai pangkat bagi Askar Wataniah Kerahan yang tidak mencarum dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) semasa mereka berkhidmat.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penyertaan bukan Melayu di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah seramai 502 pegawai dan 12,777 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) iaitu sebanyak 13 peratus (%) daripada kekuatan ATM.

Kementerian sentiasa berusaha menarik minat golongan bukan Melayu untuk menyertai ATM. Di antara langkah-langkah yang telah dilakukan adalah seperti berikut:

- (1) Mengadakan Expo Kerjaya ATM dua (2) kali setahun.
- (2) Mengadakan promosi-promosi kerjaya di IPTA/IPTS/sekolah-sekolah.
- (3) Mengadakan '*road tour*' mempromosikan kerjaya ketenteraan di sekolah-sekolah terpilih.
- (4) Mengadakan sesi penerangan berhubung aspek ketenteraan semasa Pameran LIMA, DSA dan Hari Ulangtahun ATM (Darat, Laut dan Udara).

- (5) Mengadakan hebahan melalui media cetak dan elektronik termasuk akhbar berbahasa Cina dan India.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai usaha membantu Veteran ATM, Kerajaan telah menyediakan beberapa insentif bagi membantu Veteran ATM termasuklah bagi yang tidak berpencen, berpencen kecil atau tidak boleh bekerja. Di antara bantuan yang disediakan adalah:

- (1) Kemudahan rawatan perubatan.
- (2) Bantuan peralatan perubatan iaitu manfaat membenarkan tuntutan bayaran bagi pembelian peralatan perubatan.
- (3) Bantuan sara hidup iaitu bantuan kewangan bagi meringankan beban Veteran ATM atau tanggungannya yang kurang mampu.
- (4) Bantuan sekolah iaitu bantuan kewangan bagi membantu menampung kos kemasukan ke sekolah. Jumlah bantuan bagi sekolah rendah ialah RM500.00 sementara bagi sekolah menengah ialah RM700.00

- (5) Bantuan institut pengajian tinggi iaitu, bantuan kewangan bagi membantu menampung kos kemasukan ke IPTA. Jumlah bantuan bagi peringkat Diploma ialah RM700.00 sementara bagi peringkat Ijazah ialah RM1000.00

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini Kerajaan belum berhasrat untuk memberi sugu hati kepada bekas Askar Wataniah Kerahan disebabkan tidak mencarum di dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT). Namun, mereka akan dibayar Elaun Tamat Perkhidmatan Mobilisasi (ETPM). Di atas keperihatinan kerajaan, bekas Askar Wataniah yang telah menamatkan perkhidmatan dan mempunyai tempoh perkhidmatan genap 21 tahun atau lebih boleh dipertimbangkan untuk mendapatkan pencen dan ganjaran perkhidmatan. Bayaran pencen dan ganjaran perkhidmatan ini akan diselaraskan semula dengan ETPM yang telah mereka nikmati sebelum ini.

SOALAN NO. 16

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
KAWASAN : BALIK PULAU
TARIKH : 15.06.2009 (ISNIN)
NO. SOALAN : 16

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [Balik Pulau] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan tentang kerjasama MIDA di dalam membantu mempermudah pelaburan dana asing ke negeri yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat.

Jawapan

Tuan Yang Dipertua,

Pemilihan lokasi dan penempatan projek oleh pelabur asing dan tempatan di Malaysia adalah berdasarkan kepada pelbagai faktor. Faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan ini antaranya adalah seperti kewujudan prasarana terbina seperti taman teknologi tinggi, taman perindustrian, zon perindustrian bebas dan kewujudan jalinan Koridor Multimedia serta kewujudan Institusi pengajian tinggi tempatan dan pusat penyelidikan berhampiran. Di samping itu, para pelabur turut mengambil kira faktor mengenai kemudahan utiliti lain

seperti kualiti bekalan elektrik, air dan gas serta sokongan kemudahan telekomunikasi terkini.

Untuk kemudahan operasi projek, pelabur turut mempertimbangkan faktor mengenai kemudahan rangkaian jalan raya dan kereta api yang efisien serta kewujudan terminal kargo udara dan laut yang berdekatan.

Tuan Yang Dipertua,

Di dalam membuat pemilihan lokasi, para pelabur lazimnya terlebih dahulu menyenarai pendek lokasi dengan mengambilkira faktor lokasi berhampiran dengan kewujudan projek lain yang menjadi pelanggan atau pembekal utamanya. Pelabur turut mempertimbangkan faktor kewujudan kluster industri tempatan untuk menyokong kelancaran operasi projek di dalam urusan pembekalan bahan mentah, komponen dan perkhidmatan oleh vendor tempatan.

MIDA sentiasa berusaha untuk memastikan supaya projek yang dibawa oleh para pelabur di dalam pelbagai bidang ini berjaya terpilih untuk ditempatkan di Malaysia. Walaubagaimanapun, keputusan terpulang kepada para pelabur untuk menjayakan projek ini di mana-mana negeri di Malaysia.

Terdapat juga situasi di mana para pelabur meminta pandangan MIDA untuk cadangan lokasi yang bersesuaian dengan operasi mereka. Melalui usaha 'handholding', pelabur akan dijemput untuk melawat pilihan lokasi di mana-mana negeri termasuk negeri yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat, dengan kerjasama agensi pelaburan negeri berkenaan. Setelah dikenalpasti tapak lokasi yang menepati kriteria pemilihan pelabur, Pejabat MIDA Negeri akan membantu pelabur untuk berurusan dengan pelbagai pihak berkuasa tempatan termasuk

agensi penggalakan pelaburan negeri di dalam memastikan projek itu dapat dilaksanakan tanpa sebarang masalah dan mengikut jadual.

Selain daripada itu, MIDA turut menganjurkan Seminar Penggalakan Pelaburan Tempatan yang diadakan setiap tahun di kawasan wilayah utara, tengah, selatan dan pantai timur Semenanjung serta di Sabah dan Sarawak termasuk negeri-negeri yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

Pertanyaan : PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada : Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang]
Tarikh Menjawab.. : 15 Jun 2009 (Isnin)
Soalan : [No. 17]

SOALAN

Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah perancangan Kementerian tentang penanaman getah di Sarawak. Sila senaraikan jumlah peruntukan yang diberi amnya untuk Sarawak setiap tahun secara keseluruhannya, serta mengikut bahagian dari tahun 2000 hingga 2009

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) Sarawak, telah dan sedang melaksanakan program-program pembangunan tanaman getah di Sarawak dengan memberi tumpuan terhadap perkara-perkara berikut:

- i) Mengalakkan penanaman klon lateks balak (*Latex Timber Clone – LTC*) oleh pekebun kecil dan perladangan untuk meningkatkan tahap produktiviti kepada sekurang-kurangnya 1,000 kg/ha/tahun pada tahun 2010.
- ii) Menubuhkan pusat pemprosesan berkelompok (*Group Processing Centre – GPC*) di kawasan strategik dengan tujuan untuk menghasilkan getah kepingan (*Unsmoked Sheet - USS*) berkualiti yang dapat dijual pada harga premium dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan pekebun kecil. Sehingga Disember 2008, sebanyak 21 buah GPC telah dibina dan 6 buah lagi akan dibina dalam tahun 2009.
- iii) Melaksanakan aktiviti-aktiviti pengembangan dan pemindahan teknologi kepada pekebun-pekebun kecil melalui aktiviti latihan, khidmat nasihat dan lawatan ladang. Bagi tempoh 2007 hingga 2008, seramai 1,845 orang pekebun kecil yang terlibat dalam

Skim LITS 3 telah diberi latihan dan tunjuk ajar mengenai penggunaan teknologi berkenaan.

- iv) Membangunkan nurseri sumber bahan mata tunas atau ranting tunas seluas 30 hektar di Km 68 Jalan Bintulu-Miri sebagai sumber bekalan bahan tanaman getah berkualiti untuk dicambahkan bagi penanaman getah oleh pekebun-pekebun kecil di Sarawak.

Selain itu, LGM Sarawak juga menyediakan plot-plot demonstrasi dan kebun getah contoh terutamanya di kawasan penanaman klon-klon baru dan di bawah skim LITS 3 sebagai model untuk memberi latihan dan tunjuk ajar kepada pekebun kecil mengenai amalan pertanian yang baik bagi meningkatkan pengeluaran hasil getah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) (2000 – 2005), LGM Sarawak telah diberi peruntukan sejumlah RM4.13 juta untuk penanaman getah di sektor pekebun kecil dan pembangunan Stesen Penyelidikan Similajau. Manakala dalam RMKe-9 (2006 – 2010) pula sejumlah RM4.39 juta diperuntukkan. Dengan ini, jumlah peruntukan penanaman getah di Sarawak bagi 2000 hingga 2010 adalah berjumlah RM8.52 juta. Agihan peruntukan mengikut Bahagian bagi tempoh RMKe-9 adalah seperti berikut:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEDUA BELAS 2009

31L.	BAHAGIAN	RMKe-9 (2006 – 2010) RM
1.	Kuching	2,713,429.00
2.	Sri Aman	395,000.00
3.	Sarikei	225,000.00
4.	Kapit	150,000.00
5.	Bintulu	150,000.00
6.	Limbang	275,800.00
7.	Miri	434,760.00
8.	Samarahan	18,500.00
9.	Sibu	31,740.00
	JUMLAH	4,394,229.00

Di samping itu, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi ke-2, sejumlah RM3 juta telah diluluskan untuk pelaksanaan Program Galakan Penanaman Getah Klon Lateks Balak (LTC) kepada Pekebun Kecil Getah di Sarawak. Melalui program ini, seluas 700 hektar kawasan baru akan ditanam dengan LTC. Pekebun kecil akan diberi bantuan secara percuma bahan tanaman LTC, baja dan racun rumpai serta latihan secara *in-situ* mengenai amalan penanaman getah yang baik. Program ini dijangka akan memberi manfaat kepada 736 orang pekebun kecil di Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]
TARIKH : 15 JUN 2009
RUJUKAN : 1749

SOALAN:

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes penyeludupan manusia yang berlaku di kawasan perairan Malaysia dari tahun 2005 hingga 2008.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ingin memaklumkan bahawa tangkapan pendatang tanpa izin yang keluar masuk di perairan Malaysia dari tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti berikut :- Pada Tahun 2006 seramai 868 orang, Tahun 2007 seramai 2636 orang, Tahun 2008 seramai 1219 orang, Kesemua berjumlah 4723 orang.

Bagi membanteras kegiatan penyeludupan dan kegiatan pemerdagangan manusia, Akta Antipemerdagangan Orang 2007 telah pun diwujudkan dan telah berkuatkuasa sepenuhnya pada Februari 2008.

Melalui Akta ini sebuah majlis yang dikenali Majlis Antipemerdagangan Orang yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan dianggotai oleh Ketua-ketua Setiausaha daripada Kementerian Luar Negeri, Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Penerangan, Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah Imigresen, Ketua Pengarah Kastam, Ketua Pengarah Maritim Malaysia dan juga wakil daripada tiga pertubuhan bukan kerajaan. Majlis ini

bertanggungjawab untuk menyelaraskan pelaksanaan Akta, merumuskan dasar dan program pencegahan dan penghapusan peredaran orang termasuklah program perlindungan serta program pendidikan kesedaran awam.

NW: 69

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Chua Tee Yong [Labis]

TARIKH : 15 Jun 2009 (Isnin)

SOALAN : ~~21~~

Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa jumlah kemalangan yang berlaku di Jalan Gemas ke Air Hitam, Johor dari tahun 2006 hingga Mei 2009. Adakah pembinaan beberapa jambatan berkembar di sepanjang jalan Gemas ke Ayer Hitam telah menyebabkan kekeliruan kepada pengguna jalan raya sehingga menyebabkan kemalangan berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Perkara yang dibangkitkan ini bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Walau bagaimanapun, berdasarkan sumber dari Polis Diraja Malaysia, perangkaan jumlah kemalangan yang berlaku di Negeri Johor dari tahun 2006 hingga 2009 adalah sebanyak 155,393 kes. Daripada jumlah ini, sebanyak 206 kemalangan berlaku di jalan Gemas ke Air Hitam termasuk 7 kemalangan maut:

Kementerian ini tidak mempunyai perangkaan berhubung dengan jumlah kemalangan yang berlaku akibat pembinaan jambatan berkembar di sepanjang jalan Gemas ke Ayer Hitam. Menurut Jabatan Kerja Raya (JKR), terdapat 12 jambatan di sepanjang laluan tersebut. JKR merancang untuk melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan terhadap jambatan-jambatan berkenaan tertakhluk kepada kelulusan peruntukan. Adalah dianggarkan kos-kos penambahbaikan jambatan-jambatan tersebut adalah sebanyak RM 11 juta.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' IBRAHIM BIN ALI (PASIR
MAS)
TARIKH : 15 JUN 2009 (ISNIN)
SOALAN : **DATO' IBRAHIM BIN ALI** minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:
Apakah Kementerian bercadang untuk
menyusun semula struktur dan
organisasi KADA dengan melantik
pengerusi, ahli lembaga pengarah dan
kakitangan kerana KADA dilihat gagal
sebelum ini dalam menjalankan fungsi
dan mencapai matlamat untuk
memajukan pertanian luar bandar dan
meningkatkan ekonomi kaum petani.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian tidak bercadang untuk menyusun semula struktur dan organisasi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) kerana KADA telah pun berjaya menjalankan fungsi dan peranan yang telah ditetapkan. Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) yang telah ditubuhkan pada 30 Mac 1972 melalui Akta 69 Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, 1972 adalah berfungsi untuk mengeluarkan padi dan beras bagi menampung keperluan beras negara, menggalak dan memajukan Industri Asas Tani dalam kawasan KADA, membangun dan memperteguhkan Institusi Peladang untuk menaungi keluarga tani serta meningkatkan pendapatan perkapita keluarga tani selaras dengan pendapatan perkapita negara.

Dalam usaha KADA untuk meningkatkan taraf hidup golongan sasaran (petani) dalam kawasan pengendaliannya beberapa program telah dilaksanakan seperti memperkasakan Industri

Asas Tani bagi melahirkan usahawan-usahawan dari kawasan luar bandar, memulihkan tanah terbiar, menyalurkan bantuan dan insentif daripada Kerajaan Persekutuan kepada masyarakat petani serta memberikan khidmat nasihat melalui pegawai/kakitangan di padang untuk meningkatkan hasil pertanian samada dalam komoditi padi, buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan ternakair.

Jumlah pendapatan golongan sasar juga telah meningkat daripada setahun ke setahun sepertimana berikut :-

Pencapaian (RM) Sebelum KADA (1968)	Pencapaian (RM)		
	2006	2007	2008
647	13,220	14,665	14,884

KADA sudahpun melaksanakan peranan, tugas dan tanggungjawab serta berfungsi untuk meningkatkan taraf ekonomi golongan sasar, meningkatkan pengeluaran hasil padi beras dan lain makanan dalam negara serta sentiasa berusaha kearah meningkatkan hasil dan kualiti produk yang dikeluarkan oleh petani dalam kawasan pengendalian.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
(KINABATANGAN)**

TARIKH : 15.06.2009

SOALAN:

Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan tentang tarikh permulaan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Kg. Paris, Sekolah Menengah Kebangsaan Kg. Sukau dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kg. Entilibon di daerah Kinabatangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyenaraikan ketiga-tiga sekolah ini iaitu SMK Kg. Paris, SMK Kg. Sukau dan SMK Kg. Entilibon di daerah Kinabatangan di bawah RMke-9 sebagai projek baru. Pada masa ini, KPM telah memutuskan cadangan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Entilibon akan ditender secara terbuka seawal-awalnya pada bulan Oktober 2009. Manakala bagi projek SMK Kg. Paris dan SMK Kg. Sukau, Kementerian masih lagi meneliti cadangan tapak yang sesuai dari pihak Jabatan Pelajaran Negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian telah menerima cadangan penjualan tapak dengan segera. Justeru, adalah dijangkakan pelaksanaan bagi SMK Kg. Sukau akan dilaksanakan pada pertengahan tahun 2010 sekiranya Kementerian mempunyai baki peruntukan RMKe-9 di negeri

Sabah. Manakala bagi projek SMK Kg. Paris pula, projek ini terpaksa ditangguhkan ke RMKe-10 berikutan Kementerian menghadapi masalah kekangan peruntukan siling RMKe-9.

Rjm 01

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ
[SRI GADING]
TARIKH : 15 JUN 2009
SOALAN :

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa ramaikah doktor yang telah melanggar etika kedokteran dan apakah jenis tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari tahun 2003 hingga hujung Mei 2009, sejumlah 105 orang pengamal perubatan telah dikenakan pelbagai hukuman akibat daripada melanggar tatacara dan etika kedokteran. Antara tindakan yang dikenakan termasuklah nama dipotong dari Buku Daftar, digantung lesen pendaftaran untuk tempoh 1 bulan hingga 2 tahun dan dikenakan celaan.

Antara kaedah dan tindakan yang diambil bagi memastikan pengamal perubatan tidak melanggar tata etika adalah sebagaimana berikut :

- i. Mengenakan hukuman yang setimpal kepada yang bersalah sehingga boleh menjadi tauladan kepada yang lain;
- ii. Hukuman yang dikenakan kepada yang bersalah dihebahkan di dalam media massa;
- iii. Menyediakan kod etika serta pelbagai garis panduan berkaitan tata etika untuk dijadikan panduan;
- iv. Memastikan subjek berkaitan etika perubatan diajar sebagai matapelajaran di peringkat universiti; dan
- v. Menyampaikan maklumat kepada pengamal perubatan dan juga orang awam demi meningkatkan kesedaran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
[SIK]**

**TARIKH JAWAPAN : 15 JUN 2009 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

NO. SOALAN : 25

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengapa Kerajaan menarik balik sebahagian peruntukan dari Projek Bekalan Air Kuala Muda/Sik Pakej A, B dan C kerana projek ini amat diperlukan untuk pembekalan air di daerah Kuala Muda/ Sik.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Terlebih dahulu saya ingin menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidak pernah menarik balik mana-mana peruntukan bagi projek bekalan air yang sedang dalam pelaksanaan. Apa yang sering berlaku adalah timing peruntukan bagi satu-satu projek tidak mencukupi. Apabila keadaan ini berlaku, pihak berkuasa air negeri akan mengambil pendekatan sama ada mengubah suai skop ataupun menyusun semula jadual pelaksanaan projek mengikut keutamaan selari dengan peruntukan yang diterima.

Tuan Yang Dipertua,

Situasi sedemikian turut dialami oleh Projek Bekalan Air Kuala Muda/Sik. Skop kerja projek tersebut yang turut meliputi bekalan air ke kawasan Kuala Muda akan merangkumi pembinaan komponen muka sauk, loji rawatan air berkapasiti 25 juta liter sehari, tangki air, paip air utama, paip agihan, pam penggalak dan sistem *Supervisory Control and Data Acquisition* (SCADA). Mengikut perancangan Kerajaan Negeri Kedah, projek tersebut akan dilaksanakan secara

berperingkat mulai Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan dibahagikan kepada 3 pakej utama iaitu Pakej A, B dan C.

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah RMKe-9, projek ini telah menerima peruntukan sebanyak RM40 juta. Dengan peruntukan sebanyak itu, Kerajaan Negeri Kedah telah memutuskan untuk melaksanakan dahulu Pakej A dan sebahagian Pakej C yang meliputi komponen utama dan kritikal seperti muka sauk, loji rawatan air dan paip-paip air mengikut keutamaan kawasan yang keperluannya sangat mendesak.

Pendekatan ini diambil bagi membolehkan bekalan air dapat dibekalkan ke kawasan tersebut sebaik sahaja kerja-kerja tersebut disiapkan. Dengan adanya muka sauk dan loji rawatan air, tumpuan seterusnya kelak adalah untuk mendapatkan peruntukan tambahan bagi kerja-kerja pemasangan dan naik taraf paip-paip air dan tangki servis.

Tuan Yang Dipertua,

Setakat hari ini, kerja-kerja sedang giat dilaksanakan seperti dijadualkan. Walau bagaimanapun, peruntukan sebanyak RM40 juta

sememangnya tidak mencukupi. Oleh yang demikian, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak RM50 juta lagi sebagai peruntukan tambahan kepada projek ini.

Melalui tambahan peruntukan tersebut, keseluruhan skop projek di bawah Pakej A dan C yang meliputi kerja-kerja bagi komponen utama dan kritikal tersebut akan dapat dilaksanakan sepenuhnya dan dijangka dapat disiapkan seperti dirancang iaitu pada suku keempat tahun ini. Kerajaan akan meneruskan keseluruhan skop kerja di bawah Pakej B projek ini di bawah RMKe-10 akan datang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 15 JUN 2009

RUJUKAN : 1750

SOALAN:

Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mencegah kegiatan penyeludupan manusia yang kebelakangan ini menjadikan Malaysia sebagai pusat transit terhadap kegiatan tersebut untuk ke negara lain.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiawangsa yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ingin memaklumkan bahawa tangkapan pendatang tanpa izin yang keluar masuk di perairan Malaysia dari tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti berikut :- Pada Tahun 2006 seramai 868 orang, Tahun 2007 seramai 2636 orang, Tahun 2008 seramai 1219 orang, Kesemua berjumlah 4723 orang.

Bagi membanteras kegiatan penyeludupan dan kegiatan pemerdagangan manusia, Akta Antipemerdagangan Orang 2007 telah pun diwujudkan dan telah berkuatkuasa sepenuhnya pada Februari 2008.

Melalui Akta ini sebuah majlis yang dikenali Majlis Antipemerdagangan Orang yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan dianggotai oleh Ketua-ketua Setiausaha daripada Kementerian Luar Negeri, Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Penerangan, Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah Imigresen, Ketua Pengarah Kastam, Ketua Pengarah Maritim Malaysia dan juga wakil daripada tiga pertubuhan bukan kerajaan. Majlis ini

bertanggungjawab untuk menyelaraskan pelaksanaan Akta, merumuskan dasar dan program pencegahan dan penghapusan pemerdagangan orang termasuklah program perlindungan serta program pendidikan kesedaran awam.

Untuk mempergiatkan lagi usaha memerangi jenayah penyeludupan dan memperdagangkan orang ini, pihak majlis telah melaksanakan beberapa dasar.

5 jawatankuasa telah diwujudkan iaitu:-

- 1) Jawatankuasa Perundangan yang dipengerusikan oleh Peguam Negara untuk meneliti dari segi permasalahan perundangan sekiranya berbangkit.
- 2) Jawatankuasa Penguatkuasaan yang terdiri daripada 4 agensi penguatkuasaan iaitu PDRM, Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen dan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) yang dipengerusikan oleh Ketua Polis Negara. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyelaraskan tindakan penguatkuasaan mengenai jenayah penyeludupan dan pemerdagangan orang.
- 3) Jawatankuasa Perlindungan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk melindungi mangsa pemerdagangan orang.

4) Menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi memantau isu pemerdagangan buruh yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia.

5) Mewujudkan satu Jawatankuasa Media dan Publisiti Antipemerdagangan Orang dipengerusikan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk melaksanakan kempen dan aktiviti kesedaran awam tentang jenayah penyeludupan dan pemerdagangan orang.

Tuan yang Dipertua,

Pihak kerajaan juga memberi tumpuan kepada peningkatan kerjasama dari segi perkongsian dan pertukaran maklumat serta risikan di antara Agensi-Agensi Penguatkuasa di peringkat serantau dan antarabangsa.

Pada masa ini pihak PDRM dan pihak Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia telah mempertingkatkan pemantauan dan penguatkuasaan di semua laluan yang sering digunakan untuk tujuan kegiatan penyeludupan manusia, khususnya di sepanjang perairan Pantai Barat Semenanjung Malaysia, dari Selatan Perak hingga Timur Johor.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN DING KUONG HIING (SARIKEI)**
TARIKH : **15.6.2009**
SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apakah kriteria pihak Kementerian untuk meluluskan program Bekalan Elektrik Luar Bandar (RES) yang disalurkan kepada penduduk. Adakah ia berdasarkan pertimbangan dan ulasan oleh Ahli Parlimen atau hanya kelulusan Pegawai Daerah tanpa sebarang kawalan. Nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kriteria meluluskan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) tidak dibuat berdasarkan pertimbangan dan ulasan oleh Ahli Parlimen atau Pegawai Daerah tetapi senarai keutamaan projek ini diselaraskan oleh Kementerian Kemudahan Awam (KKA) Sarawak dengan mengambil kira pandangan teknikal dari syarikat SESCO Berhad. Perkara ini penting kerana skop pelaksanaan projek BELB di bawah KKLW hanya melibatkan pembinaan talian sehingga had maksimum 33kV. Sekiranya keupayaan bekalan talian utama SESCO telah mencapai tahap maksimum, maka Kementerian tidak dapat meneruskan pelaksanaan projek untuk mengelakkan masalah susutan beban bekalan kelak.

SOALAN NO : 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
[KUALA KRAI]
TARIKH : 15 JUN 2009
SOALAN :

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada pembinaan Hospital Kuala Krai yang hanya dijangka dimulakan pada RMK-10 dapat dipercepatkan ke RMK-9 kerana keadaan kesesakan yang keterlaluan pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan sedia maklum akan keperluan bagi membina Hospital Kuala Krai yang baru bagi menggantikan hospital sedia ada. Projek ini yang telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) terpaksa ditangguhkan di bawah Kajian Separuh Penggal RMK-9 kerana peruntukan yang terhad. Oleh itu, cadangan projek pembinaan hospital ini perlu dimasukkan semula untuk dipertimbangkan di bawah RMK-10 kelak.

SOALAN NO: ~~25~~
29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]
TARIKH : 15 JUN 2009
RUJUKAN : 1751

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Ketua Polis Perak dan Ketua Polis Daerah Ipoh mengambil arahan daripada Setiausaha Dewan Undangan Negeri Perak dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan bukannya arahan daripada Speaker Dewan Undangan Negeri berkenaan dengan Persidangan Dewan Undangan Negeri Perak yang hendak diadakan dalam Dewan Undangan Negeri Perak pada 3/3/2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Di dalam kejadian 3 Mac 2009 berhubung dengan tindakan pihak polis menghalang Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Perak dari memasuki Dewan, ingin saya jelaskan di sini bahawa pihak polis bertindak setelah menerima maklumat bahawa satu perhimpunan haram akan diadakan di sekitar Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SUK) pada tarikh tersebut. Pada waktu yang sama, Ketua Polis Daerah Ipoh juga telah dimaklumkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bahawa tidak ada persidangan Dewan Undangan Negeri Perak diadakan pada tarikh berkenaan. Ekoran dari itu, pihak polis telah mengadakan kawalan di sekitar Bangunan SUK bagi mencegah mana-mana pihak berkumpul di hadapan bangunan tersebut termasuk mereka yang mendakwa kononnya untuk menghadiri persidangan Dewan.

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah seksyen 27 Akta Polis 1967, pihak polis mempunyai kuasa untuk menghentikan mana-mana perhimpunan, perjumpaan atau perarakan yang dianjurkan di tempat awam tanpa permit. Manakala kuasa yang sama turut diperuntukkan kepada pihak polis di bawah seksyen 27A bagi mencegah dan menyuraikan mana-mana perhimpunan, perjumpaan atau perarakan yang dianjurkan selain di tempat awam tanpa permit. Pihak polis hanya bertindak berdasarkan kepada maklumat yang telah diterima dan bukan atas arahan mana-mana pihak sepertimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN AZAN BIN ISMAIL
(INDERA MAHKOTA)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.06.2009

Tuan Azan bin Ismail (Indera Mahkota) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah proses serta kriteria yang digunakan oleh Kerajaan semasa keputusan untuk mengeluarkan lesen-lesen kepada bank-bank asing untuk beroperasi di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, keputusan untuk melaksanakan langkah-langkah liberalisasi sektor kewangan adalah berdasarkan proses yang komprehensif dan menyeluruh serta mengambil kira peranan sektor kewangan pada masa hadapan. Proses tersebut meliputi kajian perbandingan (*benchmarking studies*) dengan negara-negara yang mempunyai sektor kewangan yang maju. Kajian ini telah mengambilkira keperluan untuk membentuk sektor kewangan yang berdaya maju, berdaya saing dan dapat menyokong pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, memperkukuh hubungan ekonomi dan kewangan Malaysia dengan negara-negara lain serta memperkasa kelebihan kompetitif Malaysia yang sedia ada. Penilaian juga dilakukan untuk memastikan supaya sektor kewangan mampu memenuhi keperluan ekonomi dan merangsang perkembangan dalam sektor sasaran yang pada masa ini, tidak dapat dipenuhi oleh institusi perbankan yang sedia ada.

2. Hasil daripada langkah-langkah peningkatan kapasiti yang dilaksanakan sejak pelancaran Pelan Induk Sektor Kewangan pada tahun 2001, Bank Negara Malaysia berpendirian bahawa institusi kewangan tempatan berada dalam kedudukan yang kukuh dan mampu bersaing apabila keadaan menjadi lebih kompetitif dengan penyertaan institusi kewangan asing yang lebih besar.

3. Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan tiga kategori lesen perbankan kepada institusi kewangan asing yang berkeelayakan. Pemberian lesen tersebut akan dilaksanakan melalui proses pemilihan yang tegas, berdasarkan keupayaan pemohon untuk memberikan manfaat besar kepada Malaysia seperti yang dinyatakan di atas. Bank-bank baru ini juga tidak dijangka akan bersaing di dalam pasaran yang sudah penuh sesak (*overcrowded*).

4. Di samping itu, lesen baru hanya akan diberikan kepada institusi kewangan asing yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, bereputasi tinggi dan mempunyai rekod prestasi yang teguh. Selain itu, pemohon lesen perbankan perlu dipantau oleh pihak berkuasa kawalselia yang berwibawa di negara asalnya, dan disokong oleh pemegang saham bereputasi tinggi yang boleh memberi sokongan berterusan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.6.2009

Datuk Chua Soon Bui (Tawau) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan: -

- (a) Berapakah bilangan penyumbang KWSP yang belum melantik benefisiari sehingga sekarang; dan
- (b) Berapakah aduan yang terima oleh KWSP berkenaan kehilangan maklumat perlantikan benefisiari dalam sistem KWSP sejak tahun 2000.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setakat 31 Mei 2009, bilangan ahli KWSP yang belum melantik benefisiari adlaah lebih kurang 9.4 juta orang atau 77% daripada bilangan ahli berdaftar yang berjumlah 12.2 juta orang. Bilangan ahli yang telah melantik benefisiari adalah seramai 2.8 juta orang (23%).

2. Sehingga ini, KWSP tidak menerima aduan secara rasmi daripada ahli mengenai kehilangan maklumat perlantikan benefisiari dalam sistem KWSP sejak tahun 2000. Walau bagaimanapun, KWSP ada menerima e-mail berantai melalui salah seorang ahli KWSP mengenai aduan kehilangan rekod penamaan ibunya. Siasatan telah dibuat ke atas perkara ini telah dibuat siasatan dan

didapati aduan tersebut tidak benar. KWSP juga telah menghubungi penulis e-mail berantai berkenaan untuk memaklumkan hasil siasatan yang dijalankan dan beliau telah berpuas hati dengan penjelasan KWSP.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, KWSP terus komited untuk melindungi kepentingan dan akan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada ahli. Bagi memastikan semua maklumat penamaan ahli adalah selamat dan terjamin, KWSP telah mengambil langkah untuk menyimpan rekod penamaan ahli dalam bentuk fizikal, data dan juga imej.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DR. RAMASAMY A/L
PALANISAMY (BATU KAWAN)**

TARIKH : **15 JUN 2009 (ISNIN)**

SOALAN : **Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
[Batu Kawan] minta Perdana Menteri
menyatakan mengapakah hubungan di antara
kaum telah merosot sejak beberapa dekad
yang lalu dan apakah usaha –usaha
Kerajaan Persekutuan untuk memulihkan
perpaduan kaum.**

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

Secara keseluruhannya perpaduan kaum di Negara ini masih terkawal. Kebanyakan kes yang melibatkan ketegangan kaum disebabkan oleh perkara atau pergaduhan kecil secara peribadi yang kemudiannya menjadi lebih besar dan merebak apabila ia melibatkan campurtangan atau disertai oleh kawan-kawan atau kumpulan-kumpulan dari kedua-dua pihak.

Selain dari itu, kadangkala terdapat juga ketegangan yang berlaku di kalangan masyarakat disebabkan oleh faktor atau reaksi politik kepada sesuatu isu yang melibatkan kaum-kaum tertentu. Suara-suara yang seolah-olah memperjuangkan hak sesuatu kaum tertentu kadangkala menjadi melampau atau merebak menjadi demonstrasi dan menyentuh hak atau kesensitifan kaum lain. Ini mencetuskan reaksi dan membangkitkan perasaan marah, maka terdoronglah kaum yang disentuh haknya itu untuk bersuara dan membantah isu-isu yang dibangkitkan dan dengan demikian timbullah ketegangan.

Walau apa pun keadaannya, jika dilihat kembali sejarah Negara, sejak 13 Mei 1969, iaitu 40 tahun yang lepas, Malaysia cuma mencatat satu kes pergaduhan kaum yang mencemaskan dan mengakibatkan maut, iaitu di Kampung Medan pada tahun 2001. Dalam tahun 2007, sebanyak 1583 kes pergaduhan antara kaum telah dilaporkan dan 1522 kes pada tahun 2008. Kaedah pengukuran ini merupakan satu ukuran dalam menentukan tahap perhubungan kaum di negara ini. Jika itu asasnya, didapati bahawa hubungan kaum di Malaysia adalah dalam keadaan terkawal dan masyarakatnya hidup dalam suasana harmoni.

Pada tahun 2006, Jemaah Menteri telah meluluskan Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Lima Tahun 2006-2010(PTPNIN). Objektif utama pelan ini adalah untuk memupuk dan meningkatkan semangat perpaduan, patriotik dan megah sebagai rakyat Malaysia dan ingin meningkatkan toleransi dan keharmonian antara kaum. Pelan ini juga mempunyai 19 strategi dan melibatkan 36 agensi kerajaan,

swasta dan badan bukan Kerajaan dalam melaksanakan program-program yang berunsur kepada pengukuhan penyatuan dan perpaduan masyarakat.

JPNIN sentiasa bekerjasama rapat dengan polis bagi memantau perhubungan kaum di Negara ini. Selain itu, antara usaha lain yang diambil oleh JPNIN dalam mengurangkan bilangan kes pergaduhan antara kaum adalah mengadakan Program Mediasi Komuniti yang melibatkan pemimpin-pemimpin masyarakat khususnya dari Rukun Tetangga dan pegawai-pegawai JPNIN.

Di samping itu JPNIN juga sentiasa berusaha memberi tumpuan kepada pendidikan perpaduan melalui Tabika Perpaduan, kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah, sekretariat Rukun Negara di Institut Pengajian Tinggi. Ianya bertujuan untuk menyuburkan nilai-nilai perpaduan di kalangan generasi muda supaya dapat mengukuhkan perpaduan kaum di Negara ini.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT
(KUALA TERENGGANU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.6.2009

Tuan Mohd Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah wang royalti petroleum yang dijanjikan untuk dibayar balik kepada Kerajaan Negeri Terengganu oleh PETRONAS pada bulan September 2008 masih belum dibayar. Sila nyatakan jumlah yang sepatutnya dibayar dari tahun 2000 hingga tahun 2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, proses penyediaan perjanjian penyerahan wang royalty petroleum kepada Kerajaan Negeri Terengganu sedang dalam peringkat akhir untuk dimuktamadkan. Jumlah yang telah diterima daripada Petronas dari tahun 2000 hingga bulan Jun 2009 adalah berjumlah RM15.18 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Selatan, pemasangan, dengan izin, **Integrated Traffic Information System** atau **ITIS** yang di dalamnya terkandung pemasangan **Variable Message Sign (VMS)** telah siap sepenuhnya pada bulan Disember 2005.

Selepas tempoh itu, tiada sebarang pemasangan baru dilaksanakan untuk VMS. Justeru, tiada jumlah peruntukan tertentu yang diperuntukkan bagi pemasangan VMS.

Bagaimanapun, kerja-kerja penyelenggaraan peralatan-peralatan ITIS, samada di dalam bangunan pusat kawalan seperti *server*, *video wall*, kelengkapan pusat panggilan, peralatan komputer serta peralatan luar yang terdiri dari VMS, *CCTV Automatic Incident Detector (AID)*, dan *Communication Cabinet (CC)* dari tahun 2006 hingga 2009 telah diperuntukkan kos operasi sebanyak **RM121.3 juta**.

VMS berfungsi sebagai paparan penyampaian maklumat lalu lintas kepada pengguna-pengguna jalan raya di Lembah Klang. Maklumat-maklumat yang sering dipaparkan adalah berkaitan dengan halangan lalu lintas yang berpunca dari kemalangan jalan raya, kenderaan rosak, banjir kilat,

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]**

TARIKH : ISNIN, 15 JUN 2009

RUJUKAN : 01

SOALAN :

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :

(a) berapakah jumlah peruntukan yang diluluskan untuk pemasangan VMS (*Variable Message Sign*) di sekitar jalan raya di Lembah Klang; dan

(b) adakah ia berkesan dalam usaha untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas.

penutupan jalan bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan serta penutupan terowong SMART.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan VMS adalah berkesan untuk memberikan isyarat awal kepada pengguna-pengguna jalanraya mengenai halangan-halangan yang bakal ditempuhi di hadapan dan ini dapat menjadikan mereka lebih bersedia untuk bertindak menghadapi halangan-halangan tersebut seperti menggunakan jalan alternatif.

Bagi penutupan jalan yang disebabkan oleh acara-acara khas, maklumat kepada pengguna-pengguna jalan raya akan dipaparkan selewat-lewatnya 3 hari sebelum acara bermula.

Maklumat-maklumat ini membolehkan para pengguna untuk merancang perjalanan mereka dan secara tidak langsung dapat membantu usaha Kerajaan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalanraya.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RAIME BIN UNGGI [TENOM]

TARIKH : 15 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-

- (a) apakah kajian pihak Kerajaan terhadap tahap kebersihan sungai-sungai di seluruh negara; dan
- (b) apakah status pelaksanaan oleh Kementerian bagi mencegah dan membaik pulih kawasan tebing sungai di kawasan Parlimen Tenom yang telah runtuh akibat hakisan dan menjejaskan kawasan kediaman penduduk-penduduk di tebing sungai berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melaksanakan Program Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Sungai sejak tahun 2001. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti air sungai di mana lembangan-lembangan sungai yang dikenalpasti sebagai sumber bekalan air dan berpotensi sebagai tarikan pelancongan tetapi sedang menghadapi bahaya pencemaran dipilih untuk dijalankan kajian terperinci. Lembangan-lembangan sungai yang terpilih adalah lembangan Sungai Segget dan Sungai Tebrau di Johor, Sungai Melaka (Melaka), Sungai Langat (Selangor),

Batang Rajang (Sarawak), Sungai-sungai di Cameron Highlands (Pahang), Sungai Linggi (N.Sembilan), Sungai Sepetang (Perak) dan Sungai Merbok (Kedah). Manakala kajian sedang dilaksanakan bagi Sungai Kinabatangan (Sabah) yang dijangka siap pada November 2009 dan bagi Sungai Kuantan kajian ini akan dimulakan selewat-lewatnya Ogos 2009.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabah sedang melaksanakan projek *River Bank Protection Works* di Kg. Pantungan Sapon, Tenom dengan kos RM 2.5 juta yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sabah. Kerja-kerja ini apabila siap kelak akan memberi perlindungan tebing sungai di Kg. Pantungan Saga dan Kg. Pantungan Sapon.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]
TARIKH : 15 JUN 2009
RUJUKAN : 1752

PERTANYAAN :

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 memandangkan Akta tersebut adalah tidak relevan pada masa kini. Sekiranya tidak, sila nyatakan sebab-sebab.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama soalan-soalan dari Yang Berhormat Nibong Tebal bertarikh 15 Jun 2009, Yang Berhormat Batu bertarikh 23 Jun 2009, Yang Berhormat Rantau Panjang bertarikh 29 Jun 2009 dan Yang Berhormat Bukit Katil bertarikh 30 Jun 2009 kerana soalan-soalan tersebut adalah berkaitan antara satu sama lain. Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat Bukit Gelugor, Nibong Tebal, Batu, Rantau Panjang dan Bukit Katil yang telah mengemukakan soalan-soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga kini, Kerajaan tidak berhasrat untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960, memandangkan undang-undang tersebut masih lagi relevan dan terpakai dalam suasana keselamatan dan ketenteraman awam semasa negara ketika ini.

AKDN 1960 perlu dikekalkan kerana keberkesannya di dalam mencegah sebarang perbuatan, kegiatan atau aktiviti berbentuk subversif ataupun yang boleh mengancam atau memudaratkan keselamatan negara dan ketenteraman awam. Di samping itu, daripada forum-forum yang diadakan oleh Kementerian, maklumbalas yang diterima menunjukkan sebahagian besar masyarakat masih merasakan bahawa AKDN 1960 itu masih relevan dan tidak bersetuju akta tersebut dimansuhkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN
KAWASAN : JEMPOL
TARIKH : 15.06.2009 (ISNIN)

Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) berapa IKS yang telah didirikan di daerah Jempol; dan
- (b) bolehkah SMIDEC mendirikan IKS Khas untuk usahawan yang berasaskan makanan di Jempol.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

- a) Berdasarkan pada Banci Pertubuhan dan Enterpris 2005 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat 2,019 syarikat di daerah Jempol di mana 2,014 ataupun 99.9 peratus adalah enterpris kecil dan sederhana (EKS). Pecahan bilangan EKS mengikut sektor adalah:

<u>Sektor</u>	<u>Jumlah Syarikat</u>	<u>Jumlah EKS</u>
• Perkilangan	119	117 (98.3%)
• Perkhidmatan	136	135 (99.3%)
• Pertanian	1,764	1,762 (99.9%)
<u>JUMLAH</u>	<u>2,019</u>	<u>2,014</u>

Tuan Yang Dipertua,

- b) Untuk makluman YB, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) tidak mendirikan IKS atau melaksanakan pembinaan premis untuk usahawan. Walaubagaimanapun, bantuan atau kemudahan yang diberikan kepada EKS adalah dalam bentuk geran dan pinjaman mudah bagi pembangunan kapasiti serta penyediaan khidmat nasihat bagi penyaluran maklumat. Geran dan pinjaman mudah di bawah SMIDEC adalah terbuka kepada semua jenis IKS di sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan termasuk sektor makanan.

Salah satu geran SMIDEC iaitu Geran Bersamaan bagi Permulaan Perniagaan menawarkan bantuan kewangan bagi penyewaan premis di lokasi yang strategik. Bantuan diberikan dalam bentuk geran dimana 50 peratus daripada kos keseluruhan projek akan dibiayai oleh Kerajaan dan bakinya dibiayai oleh pemohon. Bagi IKS dalam sektor perkilangan yang berdaftar di bawah Ordinan Perniagaan 1956, bantuan geran diberikan sehingga 80 peratus daripada kos yang diluluskan. Jumlah maksima peruntukan geran untuk setiap permohonan ialah RM100,000. Usahawan-usahawan

IKS yang berminat untuk menjalankan perniagaan berasaskan makanan adalah dijemput untuk memohon geran ini.

Antara perbelanjaan yang layak menerima bantuan geran tersebut ialah:

- **penyediaan perancangan perniagaan;**
- **kajian-kajian kemungkinan yang berkaitan;**
- **kos sewa inkubator dan premis perniagaan sehingga 24 bulan;**
- **kos sewa peralatan dan mesin;**
- **pembangunan prototaip;**
- **pengujian dan sampel produk;**
- **pembelian mesin atau peralatan pejabat; dan**
- **yuran langganan *broadband* selama setahun.**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
(HULU TERECCANU)**

TARIKH : 15.06.2009

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan jumlah peruntukan yang dibelanjakan di Tasik Kenyir mulai tahun 2005 hingga 2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Sejak dari tahun 2005 hingga 2008, KETENGAH telah memperuntukkan sejumlah RM10.08 juta bagi melaksanakan pembangunan di kawasan Tasik Kenyir di bawah Program Pembangunan Tasik Kenyir. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM9,188,563.55 atau 91.2% telah dibelanjakan. Secara ringkas, peruntukan serta perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
2005	2,580,000.00	2,574,842.04
2006	1,700,000.00	1,700,000.00
2007	3,100,000.00	2,885,065.30
2008	2,700,000.00	2,028,656.21
Jumlah	10,080,000.00	9,188,563.55

Maklumat Tambahan

Tindakan berterusan yang dilakukan oleh KETENGAH bagi mempopularkan Tasik Kenyir dengan mengekal dan menambah baik aset tarikan semula jadi melalui aktiviti memberi nilai tambah, meningkatkan kemudahan perhubungan, penyediaan penginapan serta mempelbagaikan aktiviti promosi telah berjaya menyenaraikan Tasik Kenyir sebagai di antara 12 destinasi pelancongan unggul di Malaysia (Malaysia Fascinating Destinations).

Penjenamaan semula Tasik Kenyir sebagai "Taman Pelancongan Akua Eko" dan kerjasama erat dengan Kerajaan Negeri dan *Tourism* Malaysia telah menyerlahkan lagi Tasik Kenyir di Pentas Pelancongan Dunia.

Ini dibuktikan dengan peningkatan jumlah kedatangan pelancong seramai 326,389 orang yang dicatat dari tahun 2005 hingga 2008 ke Tasik Kenyir. Perincian kedatangan pelancong adalah seperti **Jadual 1**.

Jadual 1 : Perangkaan Kedatangan Pelancong Ke Tasik Kenyir Bagi Tempoh 2005 Hingga 2008

Tahun	Bilangan	Peningkatan Peratusan Daripada Tahun Sebelumnya (%)
2005	50,815	21
2006	60,532	19
2007	92,199	52
2008	122,843	33
JUMLAH	326,389	

Malahan kewujudan produk pelancongan baru seperti Santuari Kelah di samping pelbagai acara/aktiviti tahunan pelancongan peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti di **Jadual 2** telah menambah dimensi pelancongan di Tasik Kenyir.

Jadual 2 : Acara Dan Aktiviti Pelancongan
Di Tasik Kenyir

Bil.	Acara/Aktiviti
1	Kenyir <i>Motorcross Championship</i>
2	Kenyir <i>International Mountain Bike Challenge</i>
3	Kenyir <i>Lake International Triathlon</i>
4	Karnival Sukan Air Tasik Puteri
5	XPDC Gatih Tasik Kenyir

Kesimpulannya,

Impak daripada pembangunan Tasik Kenyir telah dapat meningkatkan tahap sosio ekonomi penduduk setempat di mana lebih daripada 90 orang penduduk telah mendapat manfaat secara langsung melalui aktiviti-aktiviti pelancongan seperti pengusaha rumah bot, bot laju, restoran, pemandu pelancong dan sebagainya.

Selain daripada itu, seramai 14 orang penduduk Tasik Kenyir juga telah diambil bekerja dengan anak syarikat KETENGAH.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN
(PENDANG)**

TARIKH : 15.06.2009

SOALAN:

Y.B. DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN [PENDANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan setakat ini apakah dasar PPSMI yang melibatkan rundingan meja bulat dengan NGO dan pakar bahasa menghasilkan apa-apa resolusi yang konkrit dalam meneruskan dasar pendidikan dalam bahasa kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengambil kira semua pandangan termasuk hasil perbincangan daripada persidangan meja bulat, pakar bahasa dan NGO dalam menentukan hala tuju PPSMI. Memandangkan PPSMI merupakan satu dasar yang besar, KPM memerlukan lebih masa untuk membuat keputusan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Menteri Pelajaran akan memberikan jawapan bagi kesemua persoalan mengenai dasar ini dalam sesi Persidangan Parlimen ini nanti.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan : PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada : Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]
Tarikh Menjawab : 15 Jun 2009 [Isnin]
Soalan : [No. 41]

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi** menyatakan untuk mengambil pendirian tegas bagi terus mengharamkan penggunaan parakuat (racun serangga atau racun rumpai) di ladang-ladang terutama sekali di ladang kelapa sawit kerana penggunaan ini telah mengancam pekerja-pekerja ladang yang juga terdiri daripada kaum wanita.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Paraquat masih digunakan secara campuran di perladangan sawit kerana ia merupakan salah satu bahan aktif untuk mengurangkan *voluntary oil palm seedlings* berbanding bahan-bahan aktif lain di pasaran. Ini berikutan kos penggunaan sehektar paraquat adalah lebih murah berbanding racun-racun rumpai lain.

Berdasarkan penyelidikan bersama di antara Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Lembaga Koko Malaysia, didapati bahawa penggunaan paraquat tidak memudaratkan penyembur sekiranya ia berpakaian lengkap sepenuhnya (*Personal Protection Equipment - PPE*). Ujian ke atas sampel air kencing dan darah penyembur yang berpakaian lengkap didapati negatif paraquat. Sehubungan itu, penggunaan paraquat oleh pekerja-pekerja ladang perlu diawasi dan langkah-langkah keselamatan penggunaannya perlu dipatuhi.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD (KUALA
SELANGOR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.6.2009

SOALAN NO : 42

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada dana KWSP akan dizinkan untuk dilaburkan di luar (abroad) memandangkan suasana krisis global yang memberi peluang kepada dana pencen terbesar yang kini sebanyak RM342 bilion membeli aset pada harga kompetitif dan juga kerana dana melebihi keupayaan pasaran kewangan tempatan untuk menyerap pelaburannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, KWSP telah mula melabur di pasaran luar Negara semenjak tahun 2006 dengan tujuan untuk mempelbagaikan pelaburan. Setakat bulan April 2009, jumlah

pelaburan luar Negara KWSP ialah USD5.13 bilion atau lebih kurang RM18.3 bilion yang mana sejumlah besar dana dilaburkan pada suku ke-4 tahun 2008 bagi mengambil peluang kejatuhan pasaran saham akibat krisis kewangandan ekonomi global.

2. Antara pasaran saham yang dilabur oleh KWSP ialah pasaran saham di Negara-negara Asean, Asia dan pasaran saham global yang merangkumi Negara-negara msju seperti Amerika Syarikat, Britain, Jepun dan Australia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]
TARIKH : 15 JUN 2009
RUJUKAN : 1753

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap anggota-anggota polis dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak yang telah melanggar Undang-undang di bawah Seksyen 124 Kanun Keseksaan kerana mereka menghindar dan melarang Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perak dari memasuki Dewan Undangan Negeri pada 3/3/2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Di dalam kejadian 3 Mac 2009 berhubung dengan tindakan pihak polis menghalang Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Perak dari memasuki Dewan, ingin saya jelaskan di sini bahawa pihak polis bertindak setelah menerima maklumat bahawa satu perhimpunan haram akan diadakan di sekitar Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SUK) pada tarikh tersebut. Pada waktu yang sama, Ketua Polis Daerah Ipoh juga telah dimaklumkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bahawa tidak ada persidangan Dewan Undangan Negeri Perak diadakan pada tarikh berkenaan. Ekoran dari itu, pihak polis telah mengadakan kawalan di sekitar Bangunan SUK bagi mencegah mana-mana pihak berkumpul di hadapan bangunan tersebut termasuk mereka yang mendakwa kononnya untuk menghadiri persidangan Dewan.

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah seksyen 27 Akta Polis 1967, pihak polis mempunyai kuasa untuk menghentikan mana-mana perhimpunan, perjumpaan atau perarakan yang dianjurkan di tempat awam tanpa permit. Manakala kuasa yang sama turut diperuntukkan kepada pihak polis di bawah seksyen 27A bagi mencegah dan menyuraikan mana-mana perhimpunan, perjumpaan atau perarakan yang dianjurkan selain di tempat awam tanpa permit.

Tuan Yang Dipertua,

Menyentuh mengenai peruntukan Seksyen 124 Kanun Keseksaan iaitu berhubung kesalahan menghalang Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Perak dari menghadiri persidangan Dewan sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, ingin saya tegaskan di sini bahawa perkara tersebut adalah tidak berbangkit sama sekali. Ini kerana kehadiran pihak polis ke kawasan Bangunan SUK adalah seperti yang saya jelaskan tadi, iaitu bertujuan untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman awam. Tindakan tersebut diambil berdasarkan kepada maklumat yang telah diterima oleh pihak polis dan bukan dibuat atas arahan mana-mana pihak sepertimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat.

NO. SOALAN: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BAGI JAWAPAN LISAN
DARIPADA: YB. HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
 [BATANG SADONG],
TARIKH: 15 JUN 2009
SOALAN:

44. PR-022-L19111
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN , WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mendatangkan kesedaran masyarakat terhadap isu kesaksamaan gender.

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN YANG BERKENAAN.

PERTANYAAN NO: 47 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]
TARIKH : 15 JUN 2009
RUJUKAN : 1754

PERTANYAAN:

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan struktur gaji dalam Polis Diraja Malaysia bagi setiap jawatan dari konstabel hingga Ketua Polis dan apakah cadangan Kementerian untuk menaikkan gaji konstabel memandangkan gaji mereka sebanyak RM897 adalah di bawah pendapatan garis kemiskinan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan berkaitan struktur gaji mengikut jawatan PDRM adalah mengelirukan kerana struktur perjawatan polis adalah berasaskan pangkat. Gaji permulaan bagi Konstabel Polis lantikan baru adalah RM897 sebulan tidak termasuk elaun-elaun tetap yang lain. Jumlah ini adalah lebih tinggi berbanding Garis Kemiskinan Negara iaitu RM720 sebulan.

Struktur gaji mengikut pangkat adalah seperti berikut :

PANGKAT	GAJI PERMULAAN (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)
KETUA POLIS NEGARA	9615.98	13849.67
TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA	7875.03	9853.30
PESURUHJAYA	7162.83	8969.70
TIMBALAN PESURUHJAYA	6688.03	8363.02
PENOLONG PESURUHJAYA KANAN I	5870.50	7905.14
PENOLONG PESURUHJAYA KANAN II	5456.32	7056.85
PENOLONG PESURUHJAYA	5031.52	6632.05
SUPERINTENDAN	4244.76	6036.72
DEPUTI SUPRINTENDAN	3034.96	5106.55
ASISTAN SUPERINTENDAN	2060.28	4962.39
CIF INSPEKTOR	2681.90	4199.80
INSPEKTOR	1423.50	3710.66
SUB INSPEKTOR	2032.71	3497.95
SARJAN MEJAR	1773.16	3220.40
SARJAN	1513.62	3132.26

KOPERAL	1386.21	2865.29
PANGKAT	GAJI PERMULAAN (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)
LANS KOPERAL	1071.61	2515.57
KONSTABEL	897	2256.19

Pada masa ini, Kerajaan sedang mengkaji semula Skim Perkhidmatan Polis bagi menambahbaik struktur gaji dan elaun sedia ada. Kajian di peringkat KDN dan PDRM telah selesai dan sedang dalam pertimbangan Agensi Pusat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
TARIKH : 15 JUN 2009 (ISNIN)
SOALAN : NO. 47

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapakah Universiti Sains Malaysia (USM) dipilih sebagai Universiti APEX memandangkan statusnya tidak seperti Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia dimana dalam bancian The Times Higher Education & Quacquarelli Symonds, USM mencapai tempat ke-69 dibelakang Universiti Malaya (39) dan UKM (51).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penilaian APEX (*Accelerated Programme For Excellence*) dan 'ranking' adalah dua sistem penilaian yang berbeza. APEX menilai sesebuah institusi yang mempunyai potensi untuk memacu ke arah kecemerlangan di masa hadapan manakala ranking menunjukkan keadaan semasa institusi tersebut.

Keputusan pemilihan APEX tidak berpandukan keputusan yang dikeluarkan oleh THES-QS (*Times Higher Education Supplement-Quacquarelli Symonds*). Pemilihan USM untuk menyertai APEX adalah berdasarkan kepada pelan transformasi dan strateginya yang jelas dan mantap yang melibatkan sebahagian besar warga universiti serta mendapat komitmen pengurusan tertinggi universiti. USM mempunyai strategi pengurusan perubahan yang kukuh dan berterusan, malah telah memulakan visi dan transformasinya sejak tahun 2001 lagi. USM juga mempunyai mekanisme komunikasi yang bersesuaian dan terdapat juga tanda-tanda berlakunya perubahan paradigma dan budaya cemerlang di institusi tersebut. Selain itu warga USM juga telah menunjukkan tanda-tanda perubahan paradigma dan budaya cemerlang yang mana akan dapat mempergiatkan usaha-usaha ke arah kecemerlangan. Kesiediaan dan fleksibiliti untuk berubah dan berinovatif akan dapat memacu USM ke peringkat yang lebih tinggi.

Pemberian status APEX kepada USM tidak bermakna institusi tersebut telah mencapai kedudukannya di antara universiti terkemuka dunia, namun dengan bantuan dan sokongan yang sewajarnya, USM mampu menuju ke arah kedudukan tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN
BIN ABAS (TELOK KEMANG)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 15.06.2009

Dato' Kamarul Baharin bin Abas (Telok Kemang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a) kesahihan Pulau Perdagangan Bebas Labuan di senarai hitamkan oleh beberapa badan kewangan dunia akibat kegiatan kewangan haram di sana; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan agar hal sedemikian tidak berulang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak *Organisation for Economic Co-operation And Development* (OECD) telah menyenaraihitamkan Malaysia (Labuan) atas dasar bahawa negara telah tidak mematuhi piawaian percukaian antarabangsa (*internationally agreed tax standard*). Oleh itu penyenaiaan tersebut bukanlah disebabkan Labuan terlibat dalam kegiatan kewangan

haram. Tindakan pihak OECD tersebut telah dibuat secara unilateral dengan alasan Malaysia tidak menggunakan sepenuhnya Artikel 26 mengenai *Exchange of Information* dalam Model Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali (*Double Taxation Agreement*) yang dipakai oleh semua negara ahli OECD.

Untuk makluman Yang Berhormat, setelah Malaysia memberikan komitmen untuk mematuhi sepenuhnya Artikel 26 tersebut, OECD telah bersetuju Malaysia dikeluarkan daripada senarai hitam tersebut. Bagi tujuan memenuhi komitmen tersebut, Malaysia akan mengambil tindakan untuk memastikan prosedur pertukaran maklumat antara Malaysia dengan negara rakan pejanjinya di bawah Perjanjian DTA dilaksanakan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Datuk Ong Ka Chuan [Tanjong Malim]
TARIKH : 15 Jun 2009
SOALAN : Datuk Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Projek Kerajaan Elektronik yang dilancarkan pada tahun 1996 telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang diPertua,

Pada amnya, pelaksanaan Kerajaan Elektronik didapati telah dapat mempercepatkan proses kerja, meningkatkan kecekapan dan ketelusan penyampaian perkhidmatan serta mengurangkan kos dan masa.

Perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Elektronik boleh dikategorikan dalam tiga jenis iaitu Citizen to Government (C2G); Business to Government (B2G) dan Government to Government (G2G).

Di antara projek-projek Kerajaan Elektronik yang telah dilaksanakan dan berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan adalah termasuk seperti berikut:

- i. Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB) merupakan sistem yang memenuhi keperluan kawalan kewangan dan maklumat kewangan projek-projek perintis di bawah aplikasi Kerajaan Elektronik. Ia membantu dalam proses kawalan belanjawan, memantau

perbelanjaan Pusat –Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan mempercepatkan proses penyediaan dokumen kewangan. Projek-projek perintis yang telah dilaksanakan termasuklah e-Perolehan, SPP II, *HRMIS*, e-GL, JobsMalaysia, *MyGovernment Portal*, e-Syariah, ePBT, e-Filing, *Tele-Consultation*, BLESS dan e-Khidmat yang dihuraikan secara ringkas di bawah.

- ii. e-Perolehan yang memudahkan proses perolehan Kerajaan. Aplikasi ini telah diguna pakai di semua Kementerian dan telah dilaksanakan di 2,249 daripada 2,559 Pusat Tanggungjawab (PTJ) ,yang melibatkan nilai transaksi lebih daripada RM7,500 juta pada tahun 2008.
- iii. Sistem Pemantauan Projek (SPP II) telah diguna pakai di semua Kementerian termasuk agensi-agensi di bawahnya. Aplikasi ini telah memudahkan penjana laporan status pelaksanaan projek-projek Kerajaan serta pemantauan perbelanjaan bagi setiap projek pembangunan.
- iv. Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) yang memudahkan pelaksanaan fungsi pengurusan sumber manusia sektor awam dengan lebih cekap dan berkesan. Sehingga kini, hampir 1,250,000 data perjawatan dan hamper 1,000,000 data personel dari 600 agensi Kerajaan telah dimasukkan di pangkalan data HRMIS.
- v. Electronic Guarantee Letter (e-GL) iaitu kemudahan pengenalan diri bagi perkhidmatan perubatan di hospital Kerajaan. Dengan pelaksanaan sistem ini di 135 buah hospital Kerajaan, pekerja sektor awam, pesara dan keluarga mereka tidak perlu membawa surat jaminan atau *guarantee letter* ke Hospital untuk mendapat rawatan sebab maklumat dapat dicapai melalui e-GL.

- vi. JobsMalaysia iaitu kemudahan pencarian pekerjaan untuk orang ramai khususnya di sektor swasta. Pada tahun 2008, jumlah majikan yang mendaftar di dalam aplikasi ini adalah lebih daripada 34,000 majikan dan jumlah pencari kerja lebih daripada 175,000 orang.
- vii. MyGovernment Portal yang merupakan pusat elektronik setempat yang memudahkan orang ramai mencapai sebanyak 1222 perkhidmatan online dan 3,794 borang muat turun. Melalui Portal ini orang ramai boleh berurusan dengan Kerajaan 24 jam sehari bagi 7 hari seminggu atau “24x7” , dan dari mana-mana lokasi.
- viii. e-Syariah yang merupakan satu sistem pengurusan kes bersepadu yang mengintegrasikan semua proses yang terlibat di dalam pengendalian kes-kes di 123 buah Mahkamah Syariah di seluruh negara yang dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- ix. ePBT merupakan aplikasi yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), yang mengandungi 23 modul, termasuk modul hasil, modul perakaunan, modul pelaporan kepada SUK, modul aduan dan sebagainya.
- x. Aplikasi e-Filing adalah kaedah penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan elektronik melalui Internet yang disediakan secara percuma, untuk pembayar cukai Korporat dan pembayar cukai individu secara lebih

cepat. Bilangan pengguna sistem e-Filing setakat ini adalah lebih daripada 1,250,000 orang.

- xi. *Tele-Consultation* adalah aplikasi yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan bertujuan untuk menyampaikan perkhidmatan pakar ke kawasan yang tidak memperolehi perkhidmatan tersebut atau jauh daripada *centres of excellence*. Aplikasi ini juga membantu mendapatkan *second opinion* untuk diagnosa spesifik dan menambahbaik protokol pengurusan klinikal. Perkhidmatan ini telah digunapakai di 38 lokasi hospital dan melibatkan 3,680 jumlah kes pada tahun 2008.
- xii. *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS) yang merupakan hasil cadangan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) bagi membantu dan memudahkan individu atau komuniti perniagaan untuk mendapatkan lesen perniagaan secara efisien dan teratur. Selain itu, ia juga menyediakan maklumat berpusat bagi menjalankan analisis, perancangan masa depan dan peningkatan mutu perkhidmatan.
- xiii. e-Khidmat merupakan aplikasi yang menyediakan kemudahan kepada orang ramai untuk berurusan dengan Kerajaan melalui pelbagai saluran elektronik seperti kiosk, telefon dan Internet. e-Khidmat boleh dicapai melalui myGovernment di alamat www.malaysia.gov.my dan juga melalui kiosk. Terdapat 18 jenis perkhidmatan secara elektronik telah dilaksanakan dalam memberi kemudahan perkhidmatan kepada orang ramai. Agensi-agensi yang terlibat terdiri daripada Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Jabatan Insolvency Malaysia.

NO: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' RASYID BIN DIN
TARIKH : 15 JUN 2009 (ISNIN)
SOALAN : NO. 51

Dato' Rasyid bin Din [Merbok] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah peratusan tenaga pengajar Institut Pengajian Tinggi yang mempunyai pengalaman bekerja dan pendedahan teknologi perindustrian yang ditawarkan sebagai pensyarah, berbanding dengan hanya kelulusan akademik. Apakah tindakan/dasar yang diguna pakai untuk memastikan tenaga pengajar IPT didedahkan dengan perubahan teknologi dan permasalahan industri yang terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sememangnya menggalakkan individu yang mempunyai pengalaman bekerja di industri untuk memohon bertugas sebagai tenaga pengajar di IPT. Walau bagaimanapun, kelulusan akademik tetap tidak akan diabaikan dalam pemilihan tenaga pengajar bagi memastikan graduan yang dihasilkan adalah berkualiti.

Buat masa ini Kementerian tidak mempunyai data yang spesifik mengenai peratusan pensyarah IPT yang mempunyai pengalaman bekerja di industri. Namun berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi, hanya 10 peratus tenaga pengajar IPTA mempunyai pengalaman industri.

Justeru, bagi meningkatkan peratusan tenaga pengajar berpengalaman industri dan mendedahkan tenaga pengajar sedia ada dengan perubahan teknologi dan permasalahan industri yang terkini, Kementerian telah dan sedang melaksanakan beberapa langkah termasuklah:-

- i. membenarkan IPTA melantik pensyarah secara kontrak (*contract for service*);
- ii. menjalankan program "Mobiliti Pensyarah ke Industri";
- iii. melaksanakan "Program Sangkutan Industri Pensyarah" (SIP); dan
- iv. menjemput profesional dari industri sebagai pensyarah sambilan/jemputan di IPTA untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan praktikal yang diamalkan di industri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]

TARIKH : 15 JUN 2009

SOALAN #52 : Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan:

- a) apakah peranan negara dalam "Human Rights Council" dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
- b) langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam menangani masalah "Human Trafficking" ke negara ini terutama sekali dari kalangan negara miskin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Putatan di atas soalan yang dikemukakan.

2. Malaysia sebagai salah sebuah negara anggota PBB sentiasa berusaha dalam membantu menangani isu-isu antarabangsa berpaksikan prinsip multilateralisme. Dalam hal ini, Malaysia percaya jalan terbaik bagi menangani sesuatu konflik antarabangsa adalah melalui '*constructive engagement*'.

3. Sehubungan itu, *Human Rights Council* (HRC) merupakan sebuah badan yang relevan di peringkat antarabangsa bagi mengenengahkan isu-isu hak asasi manusia. Sebagai sebuah negara ahli HRC, Malaysia bukan sahaja telah memainkan peranan yang aktif dalam menyuarakan dan mempertahankan pendirian serta kepentingan negara dalam isu-isu hak asasi manusia, malah ia turut menjadi sebahagian daripada suara utama dalam kumpulan negara-negara membangun, khususnya NAM dan OIC. Pendekatan yang diambil terhadap nilai-nilai hak asasi manusia turut mengambil kira latar belakang negara serta faktor-faktor sosial, budaya dan kepercayaan masyarakat setempat.

4. Malaysia juga telah terlibat aktif dalam perundingan yang membawa kepada penambahbaikan Majlis Hak Asasi Manusia termasuk mekanismenya seperti *Advisory Committee* dan *Special Procedure* HRC. Malaysia juga sentiasa berusaha untuk menggalakkan jaringan hubungan kerja yang lebih erat di antara HRC serta agensi-agensi PBB yang lain ke arah pelaksanaan hak asasi manusia yang lebih bersifat menyeluruh. Dalam masa yang sama, sokongan juga diberikan kepada usaha-usaha antarabangsa untuk memajukan hak bagi kumpulan-kumpulan wanita, kanak-kanak serta golongan kurang upaya.

Tuan Yang Dipertua,

5. Kementerian ingin memaklumkan bahawa tangkapan pendatang tanpa izin yang keluar masuk di perairan Malaysia dari tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti berikut :- Pada Tahun 2006 seramai 868 orang, Tahun 2007 seramai 2636 orang, Tahun 2008 seramai 1219 orang, Kesemua berjumlah 4723 orang.

6. Bagi membanteras kegiatan penyeludupan dan kegiatan pemerdagangan manusia, Akta Antipemerdagangan Orang 2007 telah pun diwujudkan dan telah berkuatkuasa sepenuhnya pada Februari 2008.

7. Melalui Akta ini sebuah majlis yang dikenali Majlis Antipemerdagangan Orang yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan dianggotai oleh Ketua-

ketua Setiausaha daripada Kementerian Luar Negeri, Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Penerangan, Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah Imigresen, Ketua Pengarah Kastam, Ketua Pengarah Maritim Malaysia dan juga wakil daripada tiga pertubuhan bukan kerajaan. Majlis ini bertanggungjawab untuk menyelaraskan pelaksanaan Akta, merumuskan dasar dan program pencegahan dan penghapusan pemerdagangan orang termasuklah program perlindungan serta program pendidikan kesedaran awam.

8. Untuk mempergiatkan lagi usaha memerangi jenayah penyeludupan dan memperdagangkan orang ini, pihak majlis telah melaksanakan beberapa dasar.

9. 5 jawatankuasa telah diwujudkan iaitu:-

i) Jawatankuasa Perundangan yang dipengerusikan oleh Peguam Negara untuk meneliti dari segi permasalahan perundangan sekiranya berbangkit.

ii) Jawatankuasa Penguatkuasaan yang terdiri daripada 4 agensi penguatkuasaan iaitu PDRM, Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen dan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) yang dipengerusikan oleh Ketua Polis Negara. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyelaraskan tindakan penguatkuasaan mengenai jenayah penyeludupan dan pemerdagangan orang.

iii) Jawatankuasa Perlindungan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk melindungi mangsa pemerdagangan orang.

iv) Menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi memantau isu pemerdagangan buruh yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia.

v) Mewujudkan satu Jawatankuasa Media dan Publisiti Antipemerdagangan Orang dipengerusikan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk melaksanakan kempen dan aktiviti kesedaran awam tentang jenayah penyeludupan dan pemerdagangan orang.

Tuan yang Dipertua,

10. Pihak kerajaan juga memberi tumpuan kepada peningkatan kerjasama dari segi perkongsian dan pertukaran maklumat serta risikan di antara Agensi-Agensi Penguatkuasa di peringkat serantau dan antarabangsa.

11. Pada masa ini pihak PDRM dan pihak Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia telah mempertingkatkan pemantauan dan penguatkuasaan di semua laluan yang sering digunakan untuk tujuan kegiatan penyeludupan manusia, khususnya di sepanjang perairan

Pantai Barat Semenanjung Malaysia, dari Selatan Perak hingga Timur Johor.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN
DARIPADA : YB DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG]
TARIKH : ISNIN, 15 JUN 2009
RUJUKAN : 02
SOALAN :

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :

Hasil kajian awal cadangan projek pembinaan jambatan yang menghubungkan Labuan dengan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang, **Kajian Kemungkinan Pembinaan Jambatan Dari Labuan ke Menumbok/Mempakul, Sabah** telah bermula pada 1 Februari 2009.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah dilantik untuk melakukan kajian berkenaan. Tempoh kajian adalah selama **8 bulan** dan ianya dijangka siap pada **Oktober 2009**.

Kajian Kemungkinan ini telah masuk kepada bulan kelima dan telah mencapai 60% status pelaksanaan dan mengikut jadual. ***Inception report*** telah dikemukakan oleh pihak Konsultan pada bulan April 2009 dan dijangka **laporan interim** akan dikeluarkan oleh pihak Konsultan pada hujung Julai 2009. Jika bersesuaian, Kementerian bercadang untuk memasukkan projek ini sebagai projek **RMK-10** kelak.

Memandangkan Kajian Kemungkinan Pembinaan Jambatan ini masih lagi di peringkat pelaksanaan, maka hasil daripada kajian ini masih belum dapat dikemukakan. **Hasil kajian hanya akan diperolehi pada awal Oktober 2009** dan akan dibincangkan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kajian Kemungkinan Pembinaan Jambatan Dari**

Labuan Ke Menumbok/ Mempakul, Sabah. Hanya selepas itu, hasil kajian akan diterbitkan untuk rujukan dan tindakan sewajarnya.

SOALAN NO: 4854

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN
[PADANG SERAI]**

TARIKH : - 15 JUN 2009

RUJUKAN : 1755

SOALAN :

TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN [PADANG SERAI]
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak polis
telah membelakangi segala prosedur penangkapan dan peruntukan
undang-undang sehingga menembak mati 6 lelaki rakyat Malaysia di
Karangan, Kulim pada 17 Februari 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Padang Serai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, dalam setiap operasi pencegahan jenayah, pihak polis sentiasa mematuhi prosedur yang ditetapkan. Penggunaan senjata api merupakan pilihan terakhir pihak polis dalam usaha menumpaskan penjenayah selain untuk mempertahankan diri. Pada kejadian tersebut, polis berada dalam langkah mempertahankan diri setelah lelaki-lelaki tersebut melepaskan tembakan ke arah polis terlebih dahulu setelah pihak polis memperkenalkan diri.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pihak polis mempunyai asas yang kukuh dalam membuat serbuan tersebut. Kesemua lelaki terbabit dipercayai aktif menjalankan kegiatan rompakan bersenjata api di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor. Hasil serbuan tersebut polis telah menemui dua pucuk senjata api dan sebakul serbuk putih yang disyaki syabu selain tiga buah kereta. Beberapa peralatan memproses dan melebur emas telah ditemui di rumah berkenaan yang dijadikan pusat melebur emas hasil daripada rompakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
TARIKH : 15 JUN 2009
SOALAN : [55] Y.B TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU (Telok Intan) minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menyingkirkan Myanmar dari ASEAN sebab Kerajaan Junta Myanmar terus tidak mempedulikan seruan Komuniti Antarabangsa untuk mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi dan mengadakan pilihan raya umum yang bebas serta membebaskan Aung San Suu Kyi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Setakat ini, Malaysia tidak berhasrat untuk membawa usul supaya Myanmar disingkirkan dari ASEAN. Bagi Malaysia, tindakan drastik sedemikian bukanlah pendekatan yang baik dan produktif. Tindakan menyingkir Myanmar akan hanya meminggirkan negara berkenaan dan membawa kesusahan kepada rakyatnya.

2. Malaysia percaya ASEAN perlu terus mengambil pendekatan perhubungan yang membina iaitu "constructive engagement", dengan izin, dengan Myanmar bagi menggalakkan negara tersebut mempercepatkan proses pendemokrasian dan perdamaian nasionalnya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MIN
(TAIPING)**

TARIKH : 15.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada sekolah rendah mengikut aliran iaitu SRK, SJK (C), SJK (T) dari RMK-1 hingga RMK-9.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak mempunyai maklumat terperinci berkaitan peruntukan pembangunan kepada pendidikan rendah termasuk SK, SJK(C), SJK(T) dari Rancangan Malaysia Pertama. Namun demikian, jumlah peruntukan kepada sekolah-sekolah tersebut sejak RMKe-6 hingga RMKe-9 adalah seperti berikut:

Butiran	RMKe-6 (RM juta)	RMKe-7 (RM juta)	RMKe-8 (RM juta)	RMKe-9 (RM juta)		
				SK*	SJKC	SJKT
Prasekolah	1,045.1	1,396.1	175.4	319.2	19.2	5.3
Pendidikan Rendah			6,404.1	4,468.1	142.5	119.1
Pendidikan Khas			5.5	352.5	3.8	1.9
USNT Rendah	13.8	81.6	1,875.9	530.0	18.6	5.6
USNT Sokongan			2.2	222.4	0.1	0.02
Program Pembangunan Pend. Luar Bandar Sabah dan Sarawak	-	-	1,164.1	1,971.0	15.6	-

* termasuk sekolah mubaligh

Peruntukan Bantuan Modal Mengikut Jenis Sekolah adalah seperti berikut:

Butiran	RMKe-8 (RM juta)				RMKe-9 (RM juta)			
	SJKC	SJKT	Mubaligh	Sek. Agama	SJKC	SJKT	Mubaligh	Sek. Agama
Bantuan Modal	27.9	26.1	25.4	8.5	50.8	30.9	21.6	1.5

Rjm 02

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.6.2009

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan memberi statistik penuh bagi senarai syarikat-syarikat yang telah memohon sokongan jaminan pasaran bon sebanyak RM15 bilion menerusi Danajamin Nasional Bhd.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak pembentukan Danajamin Nasional Berhad (Danajamin) diumumkan pada 15 Mei 2009, pelbagai syarikat-syarikat swasta telah menghubungi Danajamin dan beberapa institusi-institusi kewangan untuk mendapat nasihat mengenai penerbitan bon masing-masing. Syarikat-syarikat ini terdiri daripada golongan syarikat dari sektor pembinaan, hartanah, perusahaan dan perkhidmatan.
2. Hasil perbincangan awal dengan para penasihat kewangan syarikat-syarikat berkenaan, lebih daripada 60 syarikat telah menunjuk minat untuk menerbit bon dengan jaminan daripada Danajamin. Danajamin dijangka akan menerima permohonan rasmi daripada syarikat-syarikat berkenaan pada hujung bulan Jun 2009 dan akan menandatangani perjanjian jaminan pertama pada bulan Julai 2009. Hanya syarikat yang ditarafkan "investment grade" (kadaran BBB ke atas) dan juga memenuhi dasar kredit dalaman Danajamin layak untuk mendapat sokongan Danajamin.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.06.2009

Tuan Loke Siew Fook (Rasah) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa syarikat-syarikat insurans tempatan enggan menawarkan perlindungan insurans kelas ketiga kepada pemilik-pemilik kenderaan lama dan apakah dasar Kerajaan terhadap insurans untuk kereta lama dan langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah ini untuk meringankan beban pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kadangkala penanggung insurans menolak risiko-risiko tertentu termasuk kenderaan lama, yang dianggap berisiko tinggi memandangkan pengalaman tuntutan yang buruk bagi kategori kenderaan jenis ini. Walau bagaimanapun, memandangkan insurans motor adalah diwajibkan di bawah Akta Pengangkutan 1987, industri insurans am telah menubuhkan 'Malaysian Motor Insurance Pool' (MMIP) yang bertindak sebagai penanggung insurans terakhir. Sebagai penanggung insurans terakhir, MMIP wajib menawarkan perlindungan insurans seperti yang diminta oleh pemilik kenderaan. Pemilik kereta boleh mendapatkan perlindungan insurans daripada MMIP melalui cawangan-cawangan dua penanggung insurans, iaitu sama ada melalui Multi-Purpose Insurans Berhad ataupun Uni.Asia General Insurance Berhad. Industri insurans sedang dalam proses mengkaji penambahan jumlah penanggung insurans yang menyediakan khidmat MMIP.

2. Bank Negara Malaysia tidak membenarkan penanggung insurans memaksa pemilik kenderaan untuk membeli perlindungan insurans yang tidak diingini oleh pemilik kenderaan, sama ada perlindungan Komprehensif mahupun Pihak Ketiga. Pemilik kenderaan yang menghadapi masalah ini bolehlah berhubung dengan Pusat Hubungan Bersepadu Bank seperti di bawah:

Alamat: Pusat Hubungan Bersepadu,
Jabatan Komunikasi Korporat,
Bank Negara Malaysia
Tingkat 14, Blok B,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

Nombor telefon: 1-300-88-5465

Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

SOALAN NO.59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN
ABDULLAH. (KOTA BHARU)**

TARIKH : 15 JUN 2009

SOALAN:

Dato' Haji Wan Abd Rahim Bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan mengguna pakai kaedah Imbasan Jari Pemilih pada hari mengundi.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) belum dapat menentukan bilakah kaedah imbasan jari pemilih pada hari mengundi dapat digunakan, kerana penggunaan kaedah tersebut memerlukan kajian yang teliti dan mendalam. Penggunaan kaedah ini juga melibatkan peruntukan kewangan yang besar dan tahap penerimaan yang berbeza oleh pemilih-pemilih sendiri. Pada masa ini SPR sedang meneliti dan mengkaji kebaikan serta kesesuaian penggunaan kaedah tersebut dan akan mencadangkannya kepada kerajaan jika didapati sesuai untuk digunakan dalam pilihan raya umum atau pilihan raya kecil pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
[MACHANG]

TARIKH : 15 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Saifuddin Nasution Bin Ismail [Machang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan menyatakan bagaimanakah Kerajaan menangani isu pertikaian sempadan dengan Thailand melibatkan Jeli, Padang Besar dan Wang Kelina, sejauh mana pertikaian ini memberi kesan terhadap hubungan dua negara

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertamanya saya ingin menyatakan bahawa hubungan dua hala Malaysia dan Thailand kini berada pada tahap yang cemerlang. Lawatan rasmi Perdana Menteri Thailand ke Malaysia baru-baru ini pada 8 Jun 2009 telah mempererat serta mengukuhkan lagi hubungan negara kita dengan Thailand. Semasa lawatan tersebut juga kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Thailand turut sepakat untuk menyatakan bahawa tiada sebarang masalah sukar yang membelenggu hubungan dua hala Malaysia dan Thailand.

Berhubung pertikaian sempadan dengan Thailand yang melibatkan Jeli, Padang Besar dan Wang Kelian yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, ingin saya memaklumkan bahawa Malaysia dan Thailand telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Sempadan Bersama sebagai mekanisme untuk merunding permasalahan sempadan. Rundingan dan perbincangan dengan pihak Thailand masih terus berjalan dalam suasana aman dan harmoni.

Sebagaimana yang dimaklumi, rundingan mengenai sempadan biasanya mengambil masa yang panjang. Namun kita berpandangan bahawa cara duduk berunding dan berbincang ini adalah cara terbaik bagi mencapai kata sepakat dengan pihak Thailand serta dapat mengelak sebarang pertikaian mengenai sempadan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN LIAN TECK MENG
(SIMPANG RENGAM)**

TARIKH : **15 JUN 2009 (ISNIN)**

SOALAN : **Y.B. Tuan Lian Teck Meng[Simpang Renggam]**
minta Perdana Menteri menyatakan apakah cadangan untuk memperkasakan perpaduan negara dan apakah inisiatif baru yang akan dilancarkan oleh Jabatan Perpaduan untuk menangani rintangan-rintangan kepada integrasi nasional.

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

i). Cadangan Untuk Memperkasakan Perpaduan.

Kerajaan memang sentiasa berusaha untuk memperkukuh dan memperkasakan perpaduan rakyat di Negara ini. Walau bagaimana pun ia bukan satu perkara yang mudah untuk dilaksanakan. Pelbagai cabaran dan rintangan terpaksa dihadapi kerana perpaduan melibatkan pengurusan tingkahlaku manusia yang mempunyai latar belakang sosio-budaya, politik, agama yang berbeza antara satu kaum dengan kaum yang lain.

Walaupun demikian, kerajaan tetap meneruskan dan melipatgandakan usaha memperkasakan perpaduan itu. Antara inisiatif-inisiatif baru yang sedang dirancang dan dilaksanakan ialah :

- a). Menjadikan perpaduan Negara dan integrasi nasional sebagai satu teras utama dalam pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam semua bidang termasuk bidang pendidikan, ekonomi, sosial di mana matalamatnya adalah untuk memupuk persefahaman, keadilan serta semangat perkongsian supaya pembangunan seimbang boleh diwujudkan. Ini selaras dengan gagasan **“1Malaysia”**
- b). Menerokai strategi-strategi baru untuk memupuk persefahaman dan perpaduan antara kaum secara lebih berkesan berasaskan kepada ;
 - i). Penyelidikan ke atas isu-isu yang menjejaskan perpaduan serta mencari jalan penyelesaian.
 - ii). Menganjurkan sesi-sesi dialog dengan pemimpin-pemimpin masyarakat tentang isu-isu yang berkaitan dengan perpaduan untuk meningkatkan persefahaman.
 - iii). Menggubal petunjuk-petunjuk keharmonian sosial dan petunjuk-petunjuk perpaduan dan hubungan etnik secara lebih tepat lagi dengan kerjasama dan sumbangan dari Institut Kajian Perhubungan Etnik (KITA) UKM dan beberapa IPTA, institut penyelidikan yang lain.

- c). Memberi perhatian khusus kepada kawasan-kawasan tumpuan yang berisiko tinggi (hot spots), iaitu yang mempunyai latarbelakang perselisihan kaum dan mengambil tindakan-tindakan susulan yang tepat.
- d). Menambah bilangan pegawai secara tetap atau kontrak untuk setiap daerah bagi meningkatkan lagi keberkesanan program memajukan Kawasan Rukun Tetangga dan mengendalikan isu-isu tempatan.
- e). Menjalankan latihan intensif yang lebih berkesan dalam semua bidang kemahiran hubungan sosial (social relation skills), termasuk kemahiran mediasi, untuk meningkatkan lagi kemahiran pengurusan organisasi dan perhubungan sosial di peringkat akar umbi serta mengendalikan kes-kes perselisihan antara kaum.

Langkah-langkah tersebut adalah selaras dengan gagasan “**Rakyat Didahulukan, Prestasi Diutamakan**” dari segi memupuk perpaduan.

Selain dari itu, kerajaan akan meneruskan dan mempertingkatkan lagi segala program dan usaha untuk memperkasakan perpaduan seperti:-

- a). **Melaksanakan Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Lima Tahun (2006-2010).**

Pelan Tindakan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada semua agensi Kerajaan, swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGOs) tentang strategi dan tindakan kearah memperkasakan perpaduan melalui program dan aktiviti perpaduan. Pelan ini akan dikaji semula dan akan ditambahbaikkan di mana yang perlu

supaya dapat menyediakan pelan tindakan bagi tempoh lima tahun selanjutnya, iaitu bagi 2011 - 2015.

b). Perpaduan Melalui Pendidikan.

Usaha-usaha memperkasakan perpaduan juga dilakukan melalui pendidikan. Pendidikan perpaduan diterapkan melalui penubuhan Tabika Perpaduan secara berperingkat di seluruh Negara. Setakat ini terdapat 1591 buah tabika yang mempunyai seramai 40,566 murid. Jumlah ini dijangka akan meningkat dari setahun ke setahun.

Selain dari usaha-usaha meningkatkan bilangan penubuhan Tabika Perpaduan, JPNIN dengan kerjasama dari Kementerian Pelajaran Malaysia telah menubuhkan sebuah jawatankuasa Kurikulum Perpaduan yang membincangkan langkah-langkah bagaimana untuk memperkukuhkan lagi kurikulum yang menitikberatkan aspek-aspek perpaduan dan persefahaman kaum di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

c). Pengukuhan dan Penghayatan Rukun Negara dan Nilai-nilai Patriotisma.

Kaedah ini memberi tumpuan kepada golongan pelajar di sekolah rendah, menengah serta pelajar IPTA dan IPTS. Penekanan diberi kepada penghayatan lima prinsip Rukun Negara serta nilai-nilai positif yang terkandung di dalamnya. Setakat ini sebanyak 1946 Kelab Rukun Negara (KRN) telah ditubuhkan di sekolah-sekolah

dan 12 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di IPTA dan IPTS. Usaha menubuhkan kelab dan sekretariat ini akan diperluaskan ke kolej-kolej, maktab-maktab serta institusi pengajian swasta.

d). Memupuk Persefahaman dan Keharmonian Antara Agama.

Beberapa badan dan pertubuhan agama turut terlibat dalam usaha meningkatkan persefahaman dan keharmonian di kalangan penganut pelbagai agama di Negara ini. Sebuah Jawatankuasa Penyelaras telah diwujudkan dan akan meneruskan usaha-usaha murni ini dengan pertubuhan-pertubuhan agama utama dalam negara kita.

e). Aktiviti Kemasyarakatan

Institusi Rukun Tetangga yang ditubuhkan di seluruh negara telah banyak memainkan peranan penting di dalam memperkasakan perpaduan di peringkat masyarakat akar umbi. Aktiviti-aktiviti kemasyarakatan setempat yang disertai oleh pelbagai kaum seperti aktiviti kejiranan, keselamatan, sukan, kebudayaan, kesihatan, ekonomi akan terus dipertingkatkan supaya lebih berkesan dan berhasil.

ii). Inisiatif-Inisiatif Baru Untuk Menangani Rintangan Integrasi Nasional.

a). Didalam perspektif JPNIN, integrasi nasional lebih tertumpu kepada usaha-usaha untuk menjalinkan hubungan dan meningkatkan persefahaman antara para penduduk yang tinggal di wilayah Sabah,

Sarawak dengan para penduduk di wilayah Semenanjung Malaysia.

Inisiatif yang telah dan akan terus diusahakan adalah seperti berikut:-

- i). Bekerjasama dengan media massa untuk menyalurkan maklumat yang terdapat dikedua-dua wilayah.
- ii). Menyokong dan memajukan kadar tambang penerbangan harga murah oleh syarikat-syarikat penerbangan MAS dan Air Asia.
- iii). Memperkenalkan kebudayaan pelbagai kaum yang terdapat dikedua-dua wilayah.
- iv). Mengadakan program Titian Integrasi yang melibatkan keluarga angkat kepada pelajar-pelajar dari Sabah, Sarawak di Semenanjung yang tidak berkesempatan balik ke rumah masing-masing semasa cuti sekolah atau cuti semester.
- v). Mengadakan program Titian Padu yang melibatkan penyertaan bersama pelajar-pelajar Sabah, Sarawak, WP Labuan dan Semenanjung di dalam khemah-khemah kerja anjuran JPNIN.
- vi). Menganjurkan Kursus Orientasi Pegawai-pegawai Kerajaan yang akan berkhidmat di Sabah, Sarawak dan sebaliknya. Tujuan kursus ini adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada pegawai-pegawai tentang budaya, adat resam masyarakat tempatan sebelum mereka dihantar berkhidmat ke sesuatu tempat itu.

b). Kerajaan dari masa kesemasa turut menjalankan kajian tentang keberkesanan kaedah ini dan akan membuat penambahbaikan atau perubahan yang perlu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN
[AMPANG]**

TARIKH : 15 JUN 2009

**SOALAN : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN
[AMPANG]**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah yang dibelanjakan untuk urusan penyelenggaraan masjid dan surau di seluruh negara.

JAWAPAN: Y.B. TAN SRI NOR MOHAMED BIN YAKCOP

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk tahun 2009, sehingga 1 Jun 2009, jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk tujuan penyelenggaraan masjid dan surau adalah sebanyak **RM26,898,196.52**, iaitu melibatkan **1,386** projek.

TAHUN	PENYELENGGARAAN	PERBELANJAAN(RM)	BIL. PROJEK
2009	MASJID	19,346,365.01	477
	SURAU/MADRASAH	7,551,831.51	909
	JUMLAH	26,898,196.52	1,386

Peruntukan yang dinyatakan ini tidak termasuk peruntukan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan agensi-agensi lain.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN : LISAN
- DARIPADA : YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
- TARIKH : 15 Jun 2009
- SOALAN : Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai kod etika penggunaan laman web Kerajaan oleh pegawai Kerajaan di pejabat mereka. Sila nyatakan laman web yang telah dilarang oleh Kerajaan untuk dilawat oleh pegawai Kerajaan dengan perkhidmatan Internet Kerajaan dan jumlah penulis laman web yang telah diambil tindakan oleh pihak Kerajaan setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang diPertua,

Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2003 bertajuk Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet Dan Mel Elektronik Di Agensi-Agensi Kerajaan dan boleh dicapai di Laman Web MAMPU <http://www.mampu.gov.my>. Ini sebagai panduan kepada Penjawat Awam terhadap penggunaan kemudahan internet.

Antara lain, Penjawat awam adalah dilarang daripada melakukan sebarang aktiviti yang melanggar tatacara penggunaan Internet seperti berikut:

- i. merosak dan mengancam keselamatan dengan menggunakan hak akses pengguna lain untuk mencapai sistem komputer, mendapatkan maklumat dan mengubah komponen sistem tanpa kebenaran;
- ii. memuat naik, memuat turun, menyimpan dan menggunakan perisian tidak berlesen;
- iii. menyedia dan menghantar maklumat berulang-ulang berupa gangguan;
- iv. menyedia, memuat naik, memuat turun dan menyimpan material, teks, ucapan, imej atau bahan-bahan yang mengandungi unsur-unsur lucah;
- v. menyedia, memuat naik, memuat turun dan menyimpan maklumat Internet yang melibatkan sebarang pernyataan fitnah atau hasutan yang boleh memburuk dan menjatuhkan imej Kerajaan;
- vi. menyalahgunakan kemudahan perbincangan awam atas talian seperti *newsgroup* dan *bulletin board*;
- vii. memuat naik, memuat turun dan menyimpan gambar, lagu atau teks yang bercorak penentangan yang boleh membawa keadaan huru-hara dan menakutkan pengguna Internet yang lain;
- viii. memuat turun, menyimpan dan menggunakan perisian berbentuk hiburan atas talian seperti permainan elektronik, video dan lagu;
- ix. menggunakan kemudahan *chatting* melalui Internet;
- x. menggunakan kemudahan Internet untuk tujuan peribadi;
- xi. menjalankan aktiviti-aktiviti komersial dan politik;

- xii. melakukan aktiviti jenayah seperti menyebarkan bahan yang membabitkan perjudian, senjata dan aktiviti pengganas;
- xiii. menyebarkan kod perosak seperti *virus*, *worm*, *trojan horse* dan *trap door* yang boleh merosakkan sistem komputer dan maklumat pengguna lain;
- xiv. memuat naik, memuat turun, menghantar dan menyimpan kad elektronik, video, lagu dan kepingan fail melebihi saiz 10 megabait yang boleh mengakibatkan kelembapan perkhidmatan dan operasi sistem rangkaian komputer; dan
- xv. menggunakan kemudahan modem untuk membuat capaian terus ke Internet.

Senarai laman web dan blog yang telah dilarang oleh Kerajaan adalah termasuk seperti berikut:

Laman web dan blog berunsur "Offensive" (termasuk "Obscene")

1. <http://ghairah-betul.blogspot.com>
2. <http://www.videokita.net/home.php>.
3. <http://melayu3gp.videosof.us> <http://papajahat.myhardman.com>
4. <http://asian.pornparks.com/terlampauvcd/skodeng>
<http://asianseks.blogspot.com>
5. <http://pejuanglelakimelayu.blogspot.com>
6. <http://skodengawek.blogspot.com> dah berpindah ke laman baru
<http://skodengkrewz.blogspot.com/>
7. <http://stim-video.blogspot.com>
8. http://groups.yahoo.com/group/malaysian_swinger_club

9. <http://arkibsabul.wordpress.com>
10. <http://sabul2u.wordpress.com>
11. <http://www.sabul.wordpress.com>
12. <http://www.sabul2u.blogspot.com>
13. [http:// www.myselfdotcom.blogspot.com](http://www.myselfdotcom.blogspot.com)
14. <http://melayuseks.nudepal.com>
15. <http://www.melayuseks.tk>
16. <http://malaysia3gp.blospot.com>
17. <http://3gp.penzpro.com>
18. <http://3gpmalaysia.blogspot.com>
19. <http://zarina-an-julie.blogspot.com/>
20. <http://www.sabul-skodeng.blogspot.com/>
21. <http://celebrityxpose.blogspot.com/>
22. <http://ibu-bugil.blogspot.com>
23. <http://perempuan-melayu-bogel.blogspot.com>
24. <http://www.otakblue.com>
25. <http://e-3gp.blogspot.com>
26. <http://3gpplanet.blogspot.com>
27. <http://bestmelayuboleh.blogspot.com>
28. <http://videomelayuonline.ning.com>
29. <http://honeydigger.blogspot.com>
30. <http://bilikmandi.ning.com>
31. <http://3gppanas.ning.com>
32. <http://syafeera.blogspot.com>
33. <http://syurga-islam.blogspot.com>
34. <http://www.3gpsyok.com>
35. <http://3gpmelayuboleh.com>

36. <http://katakz.blogspot.com>
37. <http://my3gpp.blogspot.com>
38. <http://skandalmelayu.blogspot.com>

Laman web dan blog berunsur hasutan (termasuk fitnah)

1. <http://www.shilesjack.com> disekat

Terdapat beberapa laman web dan blog yang sedang dalam siasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) tetapi masih belum dikenakan tindakan larangan melayari.

Sehingga kini 9 suspek telah diambil tindakan iaitu 8 suspek oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan 1 suspek oleh Polis Diraja Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK TIONG THAI KING
[LANANG]
TARIKH : 15 JUN 2009
SOALAN :**

Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian mempertimbangkan penguatkuasaan undang-undang untuk memastikan pengusaha pengurusan makanan menyediakan *dispenser* sabun cair untuk menggantikan sabun ketul yang mungkin berisiko merebakkan penyakit berjangkit.

Tuan Yang di-Pertua,

Penguatkuasaan undang-undang untuk mewajibkan pengusaha premis-premis makanan menyediakan *dispenser* sabun cair akan dilaksanakan pada Mac 2010 selaras dengan pewartaan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 pada 28 Februari 2009. Peruntukan dalam Peraturan 27(2)(b):Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009 menyatakan bahawa sinki cuci tangan

hendaklah pada setiap masa dibekalkan dengan sabun atau bahan cuci cecair yang sesuai di dalam *dispenser* yang telah disediakan. Setakat ini, tiada kajian yang menunjukkan bahawa sabun ketul berisiko merebakkan penyakit berjangkit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN
BUMBURING @ WILFRED
[TUARAN]
TARIKH : 15 JUN 2009
SOALAN :**

Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pembinaan fasa kedua Hospital Tuaran seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri tahun lalu dan berapakah peruntukan yang sedia ada untuk projek ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, perancangan bagi pembinaan Hospital Tuaran telah dimulakan dan sedang dalam peringkat penyediaan rekabentuk bagi tujuan rundingan harga. Hasil rundingan harga yang dipersetujui kelak serta diluluskan oleh Kementerian Kewangan akan membolehkan pihak kontraktor memulakan pembinaan hospital ini.

Kementerian Kesihatan telah menyediakan peruntukan yang cukup untuk membiayai projek ini yang dijangka akan melangkaui ke RMK-10.

NO=66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD
TARIKH : 15 JUN 2009 (ISNIN)
SOALAN : NO.66

Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bentuk bantuan kepada pelajar yang mengikuti program 'foundation' kerana tidak ada bantuan kewangan yang diberikan. Adakah pihak Kerajaan berhasrat membuka PTPTN untuk pelajar-pelajar peringkat 'foundation'.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini PTPTN telah menawarkan pembiayaan pengajian bagi program peringkat Doktor Falsafah, Sarjana, Kursus Profesional, Ijazah Pertama, dan Diploma. Pada masa ini, PTPTN belum bercadang untuk memperluaskan skop pembiayaan sedia ada kepada program 'foundation' disebabkan oleh peruntukan yang terhad.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)**

**TARIKH : 15 JUN 2009
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada Panglima Tentera Laut pernah menyatakan permohonan Kerajaan meminta TLDM melaksanakan strategi "Sea Denial" di masa hadapan dan seperti yang diumumkan dalam sidang akhbar 17 April di KEMENTAH. Apakah rasional Kerajaan untuk melaksanakan strategi ini.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menggariskan di dalam Dasar Pertahanan Negara (DPN) bahawa kepentingan maritim negara hendaklah sentiasa terpelihara. Ini berikutan dari kepentingan maritim negara itu sendiri terhadap *survival* dan masa hadapannya. DPN turut menggariskan bahawa konsep pertahanan secara '*Sea Denial*' sebagai konsep pertahanan yang terbaik bagi memelihara keselamatan kepentingan negara tersebut.

Strategi '*Sea Denial*' ditakrifkan sebagai operasi yang bertujuan untuk menafikan pihak musuh dari penguasaan penuh ke atas kawasan perairan tertentu. Dalam operasi ini, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) tidak perlu menghadapi musuh, terutamanya yang lebih kuat, secara berdepan. Sebaliknya, taktik '*hit and run*' dan penggunaan senjata pasif seperti ranjau dan periuk api dimanfaatkan. Pada asasnya, strategi ini dinilai paling tepat kerana ia bersesuaian dengan keadaan geografi maritim negara yang sangat luas berbanding keupayaan yang mampu dimiliki oleh TLDM.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN TAIB
[BALING]**

TARIKH : 15 JUN 2009

RUJUKAN : 1756

SOALAN :

TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN TAIB [BALING] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan Barisan Nasional tidak bertanding dalam Pilihanraya Kecil DUN Penanti, adakah kerajaan akan mengurangkan jumlah pasukan polis ketika kempen pilihanraya tersebut nanti, atau masih tetap menghantar pasukan polis yang ramai seperti di Kuala Terengganu dan Bukit Gantang serta Bukit Selambau dulu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Baling yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, penugasan polis semasa kempen pilihanraya tidak bergantung kepada penyertaan Barisan Nasional ataupun mana-mana parti politik sebaliknya penetapan bilangan anggota yang ditugaskan di mana-mana kawasan pilihanraya adalah berdasarkan analisis situasi keselamatan di kawasan berkenaan yang diperolehi melalui risikan.

Tuan Yang Dipertua,

Ingin saya memaklumkan di dewan yang mulia ini perkara-perkara yang diambil kira adalah bilangan pengundi, calon yang bertanding serta isu-isu yang ditimbulkan semasa kempen. Tujuan utama kehadiran polis adalah bagi memastikan proses pilihanraya berjalan lancar dan menjamin keadaan keselamatan di kawasan tersebut terkawal. Apa yang penting ialah pengundi-pengundi dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sempurna melalui proses demokrasi yang kita amalkan.

No: 69

**PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

SOALAN 69

- PERTANYAAN : JAWAB LISAN**
DARIPADA : Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
(SEREMBAN)
TARIKH : 15 JUN 2009
SOALAN : Tuan John A/L Fernandez [Seremban]
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan:
- a) apakah hasil siasatan berkenaan seorang rakyat Malaysia yang terbunuh di Perairan Singapura iaitu P.Ramlee Bin Salam Awan telah selesai; dan
 - b) adakah terdapat sebarang usaha bagi membawa balik bekas abang ipar mangsa iaitu Khamis Bin Muhammad ke negara ini untuk siasatan lanjut.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Seremban ke atas soalan yang dikemukakan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai di perwakilan Malaysia di luar negara untuk memberikan bantuan konsular kepada rakyat Malaysia yang menghadapi masalah di luar negara.

a). Untuk makluman Yang Berhormat Seremban, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura telah dimaklumkan oleh pihak Polis Singapura bahawa siasatan berhubung dengan kematian Allahyarham Encik P.Ramlee Bin Salam di perairan Singapura masih belum selesai. Hasil siasatan tersebut akan dibentangkan di Mahkamah Singapura semasa (dengan izin-*Coroner Enquiry*). Walau bagaimanapun tarikh perbicaraan masih belum ditetapkan dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura masih menunggu notis tarikh (dengan izin-*Coroner Enquiry*) tersebut. Susulan akan diteruskan dengan pihak berkuasa Singapura berhubung perkara ini.

b) (i) Berhubung dengan kes Encik Khamsi, beliau telah mengaku bersalah atas kesalahan kerana bersubahat dalam kegiatan penyeludupan masuk pendatang asing dari China ke Singapura. Lanjutan dari pengakuan tersebut beliau telah dijatuhkan hukuman penjara selama 2 tahun 6 bulan dan sebatan rotan 15 kali. Encik Khamis menjalankan hukuman penjara di Queenstown, Singapura mulai 19 Mac 2009. Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura telah mengadakan lawatan susulan konsular terakhir pada 24 Mac 2009.

(ii) Kementerian Luar Negeri melalui Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura, telah menghulurkan khidmat konsular kepada Encik Khamis Bin Muhammad sebaik sahaja berita berhubung penahanan beliau di terima daripada pihak berkuasa Singapura dengan melakukan lawatan konsular serta menghadiri sesi perbicaraan beliau. Encik Khamis akan diberi bantuan konsular selepas beliau tamat menjalani tempoh penjara beliau untuk dihantar pulang ke Malaysia seperti mana bantuan yang sama diberikan kepada tahanan-tahanan Malaysia di luar negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 15 JUN 2009

RUJUKAN : 1757

SOALAN :

Tuan William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk menyelesaikan masalah rakyat Malaysia yang belum mempunyai Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan khususnya mereka yang tinggal di pedalaman negeri Sarawak khasnya daerah Lubok Antu.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Lubok Antu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri pada setiap masa memandang serius akan masalah ketiadaan dokumen pengenalan diri di kalangan rakyat khususnya mereka yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman termasuklah juga di kawasan pedalaman negeri Sarawak. Salah satu faktor yang menyumbang kepada masalah ketiadaan dokumen ini berlaku adalah disebabkan keluasan negeri Sarawak dan juga keadaan permukaan buminya yang tidak rata dan berbukit-bukau. Keadaan ini menyukarkan penduduk-penduduk terutamanya di kawasan pedalaman untuk hadir bagi memohon mendapatkan dokumen pengenalan diri termasuk Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan dari Jabatan Pendaftaran Negara.

Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak mengambil pendekatan "**turun padang**" dengan mengadakan **Program-Program Operasi Bergerak** dari tahun 2008 dan sepanjang tahun 2009. Satu Program Operasi Bergerak telah diadakan di daerah Lubok Antu pada 23 hingga 29 November 2008, di mana sebanyak 165 permohonan dokumen pengenalan diri telah diterima dan

diproses. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 118 permohonan telah diluluskan. Hasil daripada program tersebut, majlis penyerahan Sijil Kelahiran telah diadakan pada 5 April 2009 di Rumah Panjang Johnson di Lubok Antu. Program operasi bergerak ini akan diteruskan lagi melalui program yang sama pada tahun 2009 ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Program Operasi Bergerak akan diadakan lagi di Daerah Lubok Antu termasuk di kawasan Engkilili pada 29 Jun 2009.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi memantapkan keberkesanan Program Operasi Bergerak ini, program-program perjumpaan dan perbincangan telah disusun di antara pemimpin-pemimpin tertinggi Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara dengan pemimpin-pemimpin dan ketua-ketua masyarakat tempatan bagi mengenal pasti penduduk-penduduk yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri. Penduduk-penduduk yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri akan dikumpulkan di tempat-tempat yang strategik untuk diberi penerangan dan kemudahan oleh Jabatan Pendaftaran Negara tentang bagaimana permohonan untuk mendapatkan dokumen pengenalan diri dapat diuruskan dengan cara yang lebih berkesan, teratur dan lebih cepat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]
TARIKH : 15 JUN 2009
RUJUKAN : 1758

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

(a) sama ada Kerajaan menyiasat perkara seperti mana dituduh oleh Richard Lugar, Senator Amerika Syarikat mengatakan bahawa penglibatan pegawai kerajaan dalam penyeludupan pelarian-pelarian Burma; dan

(b) jika ya, apakah hasil siasatan

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kementerian mengambil maklum dan memandang serius akan dakwaan dari pihak Senat Amerika Syarikat mengenai berlakunya kegiatan pemerdagangan orang di Malaysia yang melibatkan pegawai kerajaan. Sehubungan dengan itu, siasatan ke atas perkara ini telah dijalankan. Walau bagaimanapun tiada bukti yang menunjukkan penglibatan pegawai kerajaan di dalam kegiatan ini sebagaimana yang didakwa. Pihak Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana penjawat awam sekiranya terdapat kebenaran dan bukti kukuh mengenai dakwaan ini.

Penghantaran pulang pendatang tanpa izin yang telah menjalani hukuman hanya dibenarkan melalui pintu keluar yang sah sahaja mengikut *standard operating procedure* yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang salah laku dan untuk memperlihatkan ketelusan dalam tindakan pegawai awam di dalam melaksanakan tugas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 15 JUN 2009

RUJUKAN : 1759

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah balai polis yang ditenggelami oleh banjir di seluruh negara sejak tahun 1990, berapakah jumlah kerugian yang dialami dan apakah implikasi terhadap operasi dan pentadbiran balai polis terlibat. Dan apakah penyelesaian Kementerian terhadap Balai Polis Rantau Panjang yang saban tahun ditenggelami banjir.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah bangunan polis yang ditenggelami banjir sejak tahun 1990 ialah sebanyak 18 buah dan nilai kerugian dianggarkan sebanyak RM9 juta. Walaupun ditenggelami banjir, anggota PDRM di balai berkenaan terus memberikan perkhidmatan mengikut keadaan pada masa itu.

Tuan Yang Dipertua,

Mengenai Balai Polis Rantau Panjang yang sering ditenggelami banjir, Kerajaan telah memutuskan untuk membina balai tersebut di tapak yang baru. Pada masa ini, tapak cadangan balai telah dikenal pasti dan sedang dalam proses permohonan hak milik. Sekiranya permohonan tersebut berjaya, cadangan pembangunan ini akan disenaraikan dalam RMK-10.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN (BANDAR KUCHING)

TARIKH : 15 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN NO: 73

Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada kerajaan akan memastikan bahawa tarikh Sukan Malaysia di masa hadapan tidak akan jatuh pada Hari Gawai (1 Jun) supaya ahli-ahli sukan kaum Dayak dapat meraikan Hari Gawai dengan keluarga mereka.

JAWAPAN:

1. Kementerian sentiasa prihatin dalam menentukan sesuatu tarikh kejohanan seperti Sukan Malaysia (SUKMA) agar tidak bertembung dengan perayaan Hari Gawai atau lain-lain perayaan yang disambut di negara ini.
2. Namun, penentuan tarikh SUKMA bergantung kepada tuan rumah dengan dipersetujui oleh Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia. Faktor-faktor yang diberikan pertimbangan antara lain seperti berikut:
 - (i) kemudahan penginapan;
 - (ii) pertembungan dengan temasya sukan antarabangsa, acara-acara rasmi negeri/negara dan hari-hari kebesaran negara; dan
 - (iii) tempoh cuti persekolahan dan cuti semester institusi pengajian tinggi tempatan bagi memberi ruang kepada atlet daripada pelajar sekolah dan mahasiswa menyertai SUKMA.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, kemeriahan Hari Gawai tetap dirasakan kerana kontinjen negeri Sarawak mengambil peluang menganjurkan sambutan Hari Gawai di perkampungan sukan yang turut diraikan oleh kontinjen dari negeri-negeri lain yang bertanding. Semasa penganjuran Sukan Malaysia XII Terengganu 2008, seramai 300 dari 440 atlet kontinjen Sarawak menyambut Hari Gawai di perkampungan sukan.

MAKLUMAT TAMBAHAN :

1. Sukan Malaysia (SUKMA) dipertandingkan secara dwi-tahunan bermula tahun 1986 bertujuan untuk mencungkil serta mengenal pasti bakat-bakat muda dalam bidang sukan di seluruh negara.
2. Sukan Malaysia 2006 yang telah diadakan di Kedah pada 25 Mei hingga 4 Jun 2006 terpaksa diadakan pada tarikh tersebut kerana beberapa perkara iaitu bersesuaian dengan cuti persekolahan, kedatangan bulan Ramadhan yang dijadualkan pada bulan September, "demam Piala Dunia" dan kesibukan negara menghadapi Sukan Asia pada bulan November/Disember 2006. Ini diikuti dengan Sukan Malaysia 2008 yang telah berlangsung di Terengganu pada 31 Mei hingga 9 Jun 2008 juga merupakan cuti penggal persekolahan dan negara ketika itu juga dalam persiapan menghadapi Sukan Olimpik Beijing pada bulan Ogos 2008.
3. Pada keseluruhannya wawasan Sukan Malaysia telah dapat dicapai memandangkan setiap kali Sukan Malaysia diadakan kita telah dapat melahirkan jaguh-jaguh sukan remaja di peringkat kebangsaan. Di samping itu, setiap kali Sukan Malaysia diadakan juga banyak rekod-rekod baru telah dicipta dan ini membuktikan bahawa mutu pertandingan sukan di Sukan Malaysia sentiasa meningkat dari semasa ke semasa.

4. Sukan Malaysia edisi ke-13 yang akan diadakan di negeri Melaka pada tarikh 28 Mei hingga 6 Jun 2010 berdasarkan tarikh cuti penggal persekolahan tahun 2010 dan negara juga ketika itu sedang bersiap sedia menghadapi Sukan Komanwel, New Delhi pada bulan Oktober 2010 dan Sukan Asia, Guangzhou pada bulan November 2010.
4. Tarikh dan tempat edisi Sukan Malaysia (SUKMA) yang lalu dan akan datang

EDISI	TARIKH	TEMPAT
I	9 – 16 April 1986	Kuala Lumpur
II	9 – 12 November 1988	Kuala Lumpur
III	18 – 27 Julai 1990	Sarawak
IV	2 – 12 Julai 1992	Johor
V	9 – 18 Jun 1994	Perak
*VI	1 – 10 Jun 1996	Pahang
VII	17 – 26 April 1998	Selangor
*VIII	25 Mei – 4 Jun 2000	Pulau Pinang
IX	5 – 14 September 2002	Sabah
*X	28 Mei – 6 Jun 2004	Negeri Sembilan
*XI	25 Mei – 4 Jun 2006	Kedah
*XII	31 Mei – 9 Jun 2008	Terengganu
*XIII	28 Mei – 6 Jun 2010	Melaka

(*) Kejohanan yang jatuh pada tarikh Hari Gawai (1 Jun) & Pesta Keamatan (30–31 Mei)

6. Negara Brunei Darussalam telah di undang menyertai Sukan Malaysia sebagai kontinjen jempunan negara sejak tahun 1996 dan telah mengambil bahagian di setiap Sukan Malaysia selepas itu kecuali tahun 1998.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA
[PARIT]
TARIKH : 15 JUN 2009
SOALAN :

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana syarikat-syarikat herba tempatan berdaftar dengan Kementerian dalam memastikan ketulenan ubat-ubatan tradisional yang dijual kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan kualiti dan keselamatan produk-produk tradisional yang berada di pasaran, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut :

- i. Sebelum sesuatu ubat tradisional dipasarkan di negara ini, permohonan perlu dikemukakan ke Pihak Berkuasa Kawalan Dadah terlebih dahulu. Semua permohonan akan dinilai untuk

memastikan produk tersebut adalah sesuai digunakan dari segi kandungan dan tuntutan yang dibuat. Sampel produk akan diuji di makmal Kerajaan bagi memastikan bahawa produk tersebut mematuhi piawaian yang ditetapkan dari segi had logam berat, tahap mikro organisme dan produk tersebut adalah bebas daripada bahan larangan sebelum ia boleh didaftarkan ;

- ii. Pemeriksaan terhadap pengilang-pengilang juga dilakukan bagi memastikan tahap pematuhan pengilang ubat-ubatan tradisional terhadap Amalan Perkilangan Baik (APB) ;
- iii. Aktiviti pemantauan juga dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan di mana sampel-sampel yang berada di pasaran akan diambil dan diuji semula bagi memastikan bahawa produk-produk tersebut adalah selaras dengan apa yang telah diluluskan. Sampel produk yang diambil dari pasaran bagi tujuan pemantauan adalah seperti berikut :
 - a. Tahun 2005 : 1,240 sampel
 - b. Tahun 2006 : 1,320 sampel
 - c. Tahun 2007 : 1,376 sampel
 - d. Tahun 2008 : 1,012 sampel

- iv. Kementerian Kesihatan juga telah mengambil tindakan untuk tidak membenarkan penggunaan *premix* dalam penyediaan ubat tradisional. Ini bermaksud pengilang ubat tradisional harus menggunakan bahan mentah dalam bentuk tulen supaya kejadian campurpalsu dengan bahan larangan tidak boleh berlaku ;
- v. Kementerian Kesihatan juga telah mewajibkan penggunaan hologram *Meditag* kepada semua produk berdaftar. Farmasi Komuniti (*Retail Pharmacies*) dan juga kedai ubat yang menjual ubat tradisional telah dibekal dengan alat *Decoder* supaya orang ramai boleh memeriksa hologram yang ditampal pada label produk bagi memastikan produk yang dijual adalah ubat berdaftar ;
- vi. Melalui aktiviti penguatkuasaan farmasi, Kementerian Kesihatan juga telah berjaya merampas lebih kurang 21 ribu perkara bagi produk *counterfeit* dan produk tidak berdaftar dengan anggaran nilai RM11.6 juta pada tahun 2008; dan
- vii. Melalui jalinan hubungan rangkaian yang berkesan dengan pihak regulatori antarabangsa, Kementerian Kesihatan juga telah mewujudkan sistem yang berkesan supaya tindakan yang wajar dapat diambil bagi memastikan produk yang dipasarkan di negara ini adalah selamat digunakan oleh rakyat Malaysia.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Soalan No 75

Pertanyaan : Lisan

Daripada : Tuan Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam]

Tarikh : 15 Jun 2009

Soalan : Tuan Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh mana pihak Kerajaan dapat membantu golongan usahawan tani yang menjalankan tanaman dan ternakan secara kecil-kecilan di kawasan luar bandar dalam memasarkan produk mereka seperti hasil tanaman cili, serai dan ternakan ikan keli, talapia, cacing dan sebagainya, agar membantu meningkatkan pendapatan mereka.

Jawapan :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA telah menyediakan program-program berikut untuk membantu memasarkan produk usahawan tani kecil khususnya di luar bandar yang seterusnya boleh meningkatkan jualan dan pendapatan mereka. Pada tahun ini FAMA telah berjaya memasarkan sebanyak RM1,026 juta secara langsung dan tidak langsung produk-produk dari usahawan kecil ini. :-

i) Jualan terus melalui Pasar Tani.

Usahawan tani boleh menjual secara terus di Pasar-Pasar Tani sedia ada dengan menjadi peserta Pasar Tani. Mereka juga boleh membuat jualan promosi di Pasar Tani terutama semasa berlaku lambakan, dan ianya digalakkan dibuat secara berkumpulan. Sehingga bulan Mei 2009, FAMA telah menyediakan 334

buah Pasar Tani di seluruh negara yang memberi faedah kepada seramai 14,950 orang peserta dan telah mencatatkan jualan sebanyak RM 200 juta.

ii) **Jualan terus melalui Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS).** Usahawan tani yang mengeluarkan buah-buahan boleh juga memasarkan produk mereka melalui GBBS yang disediakan oleh FAMA samada gerai secara tetap atau gerai bermusim. Mereka juga boleh memohon menjadi peserta GBBS jika mempunyai lokasi jualan. Sehingga Jun 2009, FAMA telah mewujudkan 356 buah gerai di seluruh negara melibatkan peserta seramai 291 orang dengan nilai jualan yang dicapai adalah RM 18.5 juta. Semasa musim buah-buahan sebanyak 500 tambahan GBBS sementara telah disediakan dan ini boleh ditambah jika perlu.

iii) **FAMA juga menyediakan perkhidmatan membeli produk keluaran usahawan tani ini secara langsung atau memadankan dengan pembeli swasta lain.**

Bagi memastikan perancangan pemasaran dapat diatur dengan lebih cekap dan pengeluaran dibuat berpacu pasaran, perjanjian hadapan (forward agreement) dibuat diantara petani dengan FAMA seperti projek FAMA bersama FELDA.

iv) **Jualan terus melalui Agrobazar Kedai Rakyat.**

Usahawan tani juga boleh memasarkan produk mereka secara terus melalui Agrobazaar Kedai Rakyat berhampiran. Sehingga kini FAMA telah mewujudkan 16 buah Agrobazaar Kedai Rakyat yang diuruskan oleh usahawan-usahawan berdaftar dengan FAMA. Dalam tempoh terdekat ini juga FAMA akan melantik seramai 80 usahawan peraih bermotosikal yang akan membeli dari petani kecil di kampung dan memasarkan produk tersebut ke outlet-outlet runcit termasuk Agrobazaar Kedai Rakyat dan Pasar Tani.

Disamping itu FAMA juga telah menyediakan khidmat sokongan pemasaran seperti pusat-pusat pengumpulan ladang bagi petani untuk menambah nilai produk mereka, mengadakan aktiviti-aktiviti promosi dan pesta-pesta jualan bagi tujuan menyediakan ruang pasaran tambahan. FAMA juga membekalkan maklumat pasaran yang boleh digunakan oleh usahawan tani bagi merancang pengeluaran, meningkatkan kuasa tawar menawar dan merancang pemasaran produk-produk mereka.

Usaha-usaha oleh FAMA ini telah berjaya membantu golongan usahawan tani memasarkan produk mereka dengan lebih berkesan dan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN**
[KULIM BANDAR BARU]
TARIKH : **15 JUN 2009**

SOALAN :

TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) Adakah Kerajaan sedar bahawa Akta Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) mengandungi peruntukan-peruntukan yang bercanggah dengan Al-Quran dan hadis Rasulullah S.A.W.
- (b) Mengapa Kerajaan tidak meminda Akta Mahkamah Syariah (bidang kuasa jenayah) 1965 supaya ianya bersesuaian dengan Al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Peruntukan-peruntukan di dalam Akta Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) tidak boleh dikatakan sebagai bercanggah dengan Al-

NO SOALAN : 76

Quran mahupun Al-Sunnah memandangkan semua peruntukan dan hukuman yang digunapakai adalah berbentuk kesalahan-kesalahan takzir yang hukumannya tidak ditetapkan di dalam Al-Quran sebagaimana kesalahan Hudud dan Qisas. Hukuman bagi kesalahan takzir adalah bertujuan bagi menjaga kemaslahatan umat Islam dan maqasid al-Syariah. Berlandaskan pendekatan Siyasa al-Syariah, pemerintah boleh menetapkan berbagai bentuk hukuman yang difikirkan sesuai untuk mengawal kemaslahatan umat Islam. Memandangkan tahap pembuktian dan kesaksian dalam kes-kes hudud adalah terlalu tinggi, maka para ulamak dan cendikiawan Islam di Malaysia berpandangan adalah wajar kesalahan-kesalahan berbentuk kesalahan takzir seperti kesalahan berkhawat diperkenalkan bagi mencegah atau menghalang kesalahan zina.

- (b) Kerajaan sedar bahawa Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 sebenarnya telah ketinggalan zaman kerana kali terakhir ia dipinda pada tahun 1984. Ia dipinda dengan menggantikan peruntukan yang diberikan dalam Seksyen 2 iaitu antara lain memberikan kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mengenakan hukuman tidak melebihi 3 tahun penjara atau denda tidak melebihi RM5,000.00 atau hukuman sebat tidak melebihi 6 sebatan atau kombinasi mana-mana hukuman tersebut.

Kerajaan melalui Jawatankuasa Teknikal Syarak Dan Sivil yang ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Hal Ehwal Islam (MKI) kini sedang memperhalusi dan mempertimbangkan cadangan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 bagi

NO SOALAN : 76

memastikan ianya menepati keperluan semasa perundangan dalam konteks kesalahan dan hukuman Takzir.

SOALAN NO: 77

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]
TARIKH : 15 JUN 2009
RUJUKAN : 1760

SOALAN:

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing termasuk golongan profesional mengikut kategori pekerjaan di negara ini pada tahun 2006, 2007, 2008 dan enam bulan pertama tahun 2009.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Libaran di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan pekerja asing yang telah direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia adalah mengikut jenis pas yang dikeluarkan. Pekerja asing kurang mahir akan diberikan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS). Bilangan pekerja asing kurang mahir yang telah direkodkan pada tahun 2006 ialah seramai 1,869,209 orang, pada tahun 2007 ialah seramai 2,044,805 orang, pada tahun 2008 seramai 2,062,596 manakala bagi tahun 2009 suku pertama ialah seramai 1,918,146 orang.

Bagi pekerja asing mahir akan diberikan Pas Pegawai Dagang. Berdasarkan rekod, bilangan pekerja asing professional pada tahun 2006 ialah seramai 33,634 orang, pada tahun 2007 ialah seramai 36,554 orang, pada tahun 2008 ialah seramai 36,794 orang dan pada tahun 2009 ialah seramai 34,153.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MATULIDI BIN JUSOH
[DUNGUN]

TARIKH : 15 JUN 2009

SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
MENYATAKAN:

berapa banyak peruntukan yang telah disalurkan di daerah Dungun pada tahun 2008 bagi meningkatkan industri pelancongan dan adakah pihak Kementerian bercadang membangunkan semula kawasan pelancongan di daerah Dungun yang pernah terkenal suatu masa dulu seperti Rantau Abang dan Bukit Besi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) sebanyak RM 3.7 juta telah disalurkan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan kemudahan pelancongan di Daerah Dungun. Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pula, sebanyak RM 840 ribu lagi telah diluluskan bagi tujuan yang sama. Bagi tahun 2008, jumlah peruntukan tambahan yang diluluskan ialah sebanyak RM 110 ribu.

Projek-projek yang telah diluluskan ini bertujuan bagi meningkatkan industri pelancongan di Daerah Dungun khususnya di kawasan produk pelancongan utama seperti di Rantau Abang, Hutan Lipur Chemerong, Pantai Kuala Dungun, Pantai Teluk Lipat dan Taman Rekreasi Teluk Gadong. Kementerian bersedia menimbang untuk memperakukan permohonan daripada Kerajaan Negeri berkenaan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) sekiranya terdapat keperluan bagi lain-lain kawasan di masa akan datang bagi menyediakan dan meningkatkan kemudahan-kemudahan pelancongan yang diperlukan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MATULIDI BIN JUSOH
[DUNGUN]

TARIKH : 15 JUN 2009

SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
MENYATAKAN:

berapa banyak peruntukan yang telah disalurkan di daerah Dungun pada tahun 2008 bagi meningkatkan industri pelancongan dan adakah pihak Kementerian bercadang membangunkan semula kawasan pelancongan di daerah Dungun yang pernah terkenal suatu masa dulu seperti Rantau Abang dan Bukit Besi.

Selain pembangunan infrastruktur pelancongan, Kementerian juga berusaha mempromosi daerah Dungun melalui acara dan aktiviti bagi menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke daerah Dungun seperti cabaran candat sotong, pelayaran, menyelam dan menunggang kuda. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk menjadikan industri pelancongan negara sebagai satu sektor utama, berdaya maju dan berkualiti bagi memastikan daya tarikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik bukan sahaja dari sudut domestik malah secara global.

SOALAN NO: 79

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH: 15.06.2009

SOALAN : DATUK HAJI BAHARUM MOHAMED minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan akan menyediakan dana untuk membantu generasi ke-2 FELDA bagi membina rumah setelah mereka mendapat lot tapak rumah di dalam kawasan FELDA.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Perumahan Warga FELDA (PWF) didirikan bertujuan membantu generasi kedua FELDA untuk memiliki rumah. Projek berkonsepkan mampu milik ini didirikan

di kawasan kosong rancangan yang sesuai dan berdasarkan permintaan rumah di kalangan generasi FELDA. Pemohon rumah yang layak dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk memastikan pembeli yang benar-benar layak memiliki rumah.

Pihak Kerajaan tidak menyediakan dana untuk generasi baru memiliki rumah kerana Kerajaan terpaksa menanggung subsidi infrastruktur yang tinggi dalam pembinaan rumah ini. Kos pembinaan seunit rumah adalah RM50,000 hingga RM60,000. Harga rumah tiga (3) bilik berukuran 22' x 60' dijual dengan harga hanya RM35,000 seunit manakala kos subsidi infrastruktur seperti perparitan, kemudahan asas, *sewerage*, jalan, tiang elektrik dan lain-lain dianggarkan di antara RM15,000 hingga RM20,000 bergantung kepada kedudukan kawasan dan topografi.

Bagi memastikan generasi baru mampu memiliki rumah tersebut, pinjaman menerusi bank-bank tempatan turut disediakan. Bagi pembeli yang tidak mendapat pembiayaan bank, FELDA turut menyediakan peluang kepada generasi FELDA menerusi skim sewa-beli. Melalui skim ini, generasi FELDA membayar sewa bulanan yang

minimum tanpa dikenakan faedah. Apabila cukup tempoh masa, pembeli akan memiliki rumah tersebut.

-----XXX-----

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
(JERAI)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 15.06.2009

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar (Jerai) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah keseluruhan kutipan cukai pendapatan di negeri Kedah bagi tahun 2008 dan nyatakan jumlah pulangan balik melalui peruntukan geran tahunan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan negeri Kedah untuk tahun 2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kutipan cukai pendapatan di negeri Kedah bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM583 juta.

2. Jumlah pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Kedah yang telah dibayar sehingga 10 Jun 2009 adalah sebanyak RM82.72 juta yang terdiri daripada:

- i) Pemberian Mengikut Bilangan Orang (*Capitation Grant*)
– RM13.46 juta;

- ii) Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri – RM63.14 juta;
- iii) Pemberian Tahunan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan – RM6.11 juta; dan
- iv) Pemberian Tahunan Kedah – RM10 ribu.

3. Jumlah Pemberian-pemberian lain yang akan dibayar sebelum akhir tahun 2009 adalah berdasarkan tuntutan dan had kelayakan yang ditetapkan. Pemberian tersebut adalah terdiri daripada:

- i) Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup;
- ii) Pemberian Senarai Bersama;
- iii) Bantuan Bayaran Bil Elektrik Lampu Jalan Dan Lampu Isyarat PBT;
- iv) Pemberian Bayaran Perkhidmatan Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Pelaksanaan Projek Persekutuan; dan
- v) Pemberian Kekurangan Dalam Akaun Mengurus.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah Pemberian yang diterima oleh Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2008 adalah sebanyak RM268.67 juta.

NO SOALAN: 81

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : YB. DR MUJAHID BIN YUSOF RAWA

TARIKH : 15 JUN 2009

SOALAN :

YB Dr Mujahid Bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah apa-apa tindakan yang akan diambil oleh **SPRM** terhadap calon-calon dalam pemilihan **UMNO** yang disabitkan dengan rasuah politik sedangkan mereka memegang jawatan penting dalam Kerajaan.

JAWAPAN

Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Siasatan dan pendakwaan yang dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah berdasarkan Undang-Undang dan berpandukan keterangan yang diperolehi. Hakikat dan rekod SPRM membuktikan bahawa SPRM bebas dan telah menyiasat "without fear or favour" terhadap mana-mana pihak tanpa mengira kedudukan sama ada anggota pentadbiran atau Ahli-Ahli Parlimen, dan tanpa mengira sama ada mereka dari pihak Kerajaan atau pun parti pembangkang mengikut peruntukan undang-undang. Sekiranya siasatan SPRM membuktikan mana-mana orang terlibat dalam pemberian atau penerimaan rasuah berkaitan pertandingan jawatan dalam mana-mana parti politik tindakan yang diambil adalah mengikut peruntukan dibawah undang-undang yang sedia ada iaitu Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
(PADANG TERAP)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.06.2009

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap) minta MENTERI
KEWANGAN menyatakan: -**

- (a) secara terperinci portfolio pelaburan Amanah Saham Bumiputera dan Amanah Saham Nasional yang diuruskan oleh Permodalan Nasional Berhad; dan
- (b) sama ada ia menepati piawaian syariah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Portfolio pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Nasional (ASN) adalah dilaporkan secara terperinci dalam laporan tahunan yang diberikan kepada para pelabur setiap akhir tahun kewangan. Antara maklumat yang dilaporkan adalah jumlah pelaburan mengikut sektor dan senarai 20 syarikat yang mempunyai pelaburan terbesar dengan kedudukan digambarkan dalam peratusan

Nilai Aset Bersih portfolio. Adalah menjadi polisi PNB dan tabung-tabung unit amanahnya untuk tidak melabur di dalam syarikat yang berkaitan dengan arak, judi serta kegiatan penternakan babi.

2. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Malaysia yang bermuzakarah bagi kali ke-80 pada 1 hingga 3 Februari 2008 telah memutuskan bahawa hukum melabur dalam ASB dan ASN serta dividen atau bonus yang diterima adalah harus bagi umat Islam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

KAWASAN : LEMBAH PANTAI

TARIKH : 15.06.2009 (ISNIN)

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (LEMBAH PANTAI) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan persediaan dalam memeterai perjanjian FTA dengan Amerika Syarikat dalam bidang

- (a) harta intelek: untuk memastikan tiada paksaan penerimaan akta dari AS yang mengakibatkan bayaran royalti berlebihan; dan**
- (b) perubatan: supaya subsidi perubatan sedia ada tidak terkesan dengan monopoli besar.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Harta intelek merupakan antara isu yang dibincang dalam rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) di antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

2. Sepertimana rundingan-rundingan FTA yang lain, Kerajaan tidak akan menerima cadangan-cadangan yang tidak membawa faedah kepada negara. Begitu juga bagi harta intelek, akta dari Amerika Syarikat yang membebankan atau merugikan negara tidak akan diterima. Oleh itu, tidak akan timbul isu bayaran royalti yang berlebihan.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Mengenai perundingan subsidi perubatan, Kerajaan sentiasa memastikan perjanjian perdagangan dua hala dengan mana-mana negara tidak mempunyai peruntukan yang mungkin boleh menjejaskan hak negara untuk mengamalkan fleksibiliti-fleksibiliti yang terkandung dalam perjanjian pelbagai hala seperti Perjanjian *Trade Related Aspects of Intellectual Property Rights (TRIPS)* (dengan izin). Langkah-langkah seperti pengeluaran lesen wajib dan *parallel import* (dengan izin) adalah antara fleksibiliti-fleksibiliti yang boleh digunakan dengan berkesan sekiranya harga ubat-ubatan baru adalah di luar kemampuan rakyat negara ini.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Liberalisasi perdagangan tidak semestinya hanya membawa kesan negatif kepada sektor kesihatan. Terdapat juga faedah-faedah daripada perjanjian perdagangan yang boleh mendatangkan kesan positif. Sebagai contoh, pengurangan tariff boleh mengurangkan harga barangan kesihatan seperti farmaseutikal dan peralatan perubatan. Selain daripada itu, liberalisasi dalam sektor perkhidmatan kesihatan juga boleh membantu membangunkan sektor perkhidmatan kesihatan yang akan memajukan negara sebagai pusat kesihatan.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Dengan memeterai perjanjian FTA dengan Amerika Syarikat, keupayaan Kerajaan untuk mengadakan subsidi perubatan tidak akan terjejas.

SOALAN NO: 85

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN TEE BENG [NIBONG TEBAL]

TARIKH : 15 JUN 2009

RUJUKAN : 1761

SOALAN:

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI DALLAM Negeri** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil atau dipertimbangkan oleh Kementerian untuk memansuhkan ISA.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama soalan-soalan dari Yang Berhormat Nibong Tebal bertarikh 15 Jun 2009, Yang Berhormat Batu bertarikh 23 Jun 2009, Yang Berhormat Rantau Panjang bertarikh 29 Jun 2009 dan Yang Berhormat Bukit Katil bertarikh 30 Jun 2009 kerana soalan-soalan tersebut adalah berkaitan antara satu sama lain. Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat Bukit Gelugor, Nibong Tebal, Batu, Rantau Panjang dan Bukit Katil yang telah mengemukakan soalan-soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga kini, Kerajaan tidak berhasrat untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960, memandangkan undang-undang tersebut masih lagi relevan dan terpakai dalam suasana keselamatan dan ketenteraman awam semasa negara ketika ini.

AKDN 1960 perlu dikekalkan kerana keberkesanannya di dalam mencegah sebarang perbuatan, kegiatan atau aktiviti berbentuk subversif ataupun yang boleh mengancam atau memudaratkan keselamatan negara dan ketenteraman awam. Di samping itu, daripada forum-forum yang diadakan oleh Kementerian, maklumbalas yang diterima menunjukkan sebahagian besar masyarakat masih merasakan bahawa AKDN 1960 itu masih relevan dan tidak bersetuju akta tersebut dimansuhkan.

Kerajaan, walaubagaimanapun, telah mengambil beberapa langkah perlu di dalam mengkaji semula peruntukan-peruntukan tertentu di bawah Akta ini, bagi tujuan penambahbaikan. Kementerian juga telah menubuhkan jawatankuasa khas bagi maksud ini.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian melalui peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 adalah bertanggung mengawalselia bahan-bahan bercetak supaya tidak menyiarkan bahan-bahan penerbitan yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan dari aspek ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai atau yang berlawanan dengan undang-undang dan mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara.

Buat masa ini, Kementerian tidak bercadang memansuhkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Namun demikian, Kementerian sedang meneliti Akta berkenaan bagi memastikan peruntukan-peruntukan sedia ada adalah selaras dengan keperluan semasa.

SOALAN NO : 86

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]
TARIKH : 15 JUN 2009
SOALAN :**

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak kerajaan sedar bahawa berlaku pertambahan jumlah kanak-kanak obesiti di sekolah rendah dan adakah pihak Kerajaan telah menjalankan kajian mengenai masalah obesiti di kalangan kanak-kanak dan kesan-kesan yang akan berlaku pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya menyedari bahawa terdapat pertambahan jumlah kanak-kanak obes di sekolah-sekolah rendah di negara ini. Melalui Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan Ketiga yang dijalankan pada tahun 2006 mendapati bahawa kadar kanak-kanak yang mempunyai berat badan berlebihan dari umur tujuh hingga sembilan tahun adalah berjumlah 6.8 peratus manakala bagi kanak-kanak yang berumur sepuluh hingga 13 tahun, prevalennya adalah sebanyak 5.9 peratus. Kadar berat badan berlebihan di kalangan kanak-kanak adalah lebih ketara di kawasan bandar.

Melalui kajian yang dijalankan di luar negara mendapati bahawa faktor penyebab obesiti di kalangan kanak-kanak adalah corak pemakanan yang tidak sihat dan tidak seimbang dengan keperluan aktiviti fizikal harian, kurang menjalankan aktiviti fizikal, masalah genetik atau kombinasi faktor-faktor tersebut. Kajian juga mendapati kebanyakan kanak-kanak obes lebih banyak menghabiskan masa di hadapan televisyen, bermain komputer dan gemar mengambil makanan yang tinggi lemak dan tinggi gula sebagaimana yang terdapat dalam makanan segera.

Kesan-kesan yang mungkin akan berlaku pada masa hadapan sekiranya masalah obesiti ini tidak ditangani dengan berkesan ialah kadar obesiti dan kadar penyakit-penyakit kronik yang berkaitan dengan obesiti seperti penyakit diabetis melitus, hipertensi dan penyakit-penyakit jantung juga akan meningkat di kalangan orang dewasa. Risiko untuk mengidap penyakit-penyakit ini adalah lebih tinggi di kalangan orang yang obes berbanding dengan orang yang mempunyai berat badan yang normal. Secara tidak langsung, kos bagi pengurusan penyakit-penyakit tersebut juga akan meningkat.

NW:87

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
TARIKH : 15 JUN 2009 (ISNIN)
SOALAN : NO. 87

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah pelajar yang gagal dari IPTA sejak tahun 2005 hingga 2008 secara keseluruhannya mengikut jantina dan apakah langkah susulan Kementerian untuk memastikan pelajar yang gagal ini diberi peluang yang kedua serta berapakah kos yang Kerajaan tanggung akibat daripada kegagalan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, purata pelajar yang gagal setiap tahun dari tahun 2005 hingga 2008 adalah seramai 10,400 orang. Bilangan pelajar lelaki dan perempuan yang gagal adalah hampir sama iaitu sekitar 5,200 orang setiap tahun.

Pelajar yang gagal masih boleh meneruskan pengajian mereka di IPTA yang sama dengan memohon untuk mengulang atau melanjutkan tempoh pengajian atau bertukar kursus. Manakala bagi pelajar yang telah diberhentikan oleh IPTA pula dan ingin mengikuti pengajian di IPTA lain, mereka boleh memohon semula

selepas tempoh enam bulan dari tarikh diberhentikan dengan menggunakan kelayakan yang sama. Walau bagaimanapun, mereka tidak boleh memohon untuk program yang sama.

Anggaran kos yang ditanggung oleh Kerajaan bagi seorang pelajar yang gagal adalah sekitar RM145.6 juta setahun dengan mengandaikan kos yang perlu ditampung oleh Kerajaan bagi setiap pelajar adalah sebanyak RM14 ribu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B DATO' ONG KA TING
TARIKH : 15 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan mengumumkan garis panduan FIC baru yang akan mencerminkan peranan baru FIC sepertimana yang dinyatakan dalam pakej rangsangan ekonomi kedua dan adakah Kerajaan akan berusaha lagi untuk meliberalisasikan dasar ekonomi negara agar dapat menarik pelaburan asing dengan berkesan.

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Selaras dengan pengumuman yang telah dibuat oleh kerajaan dibawah pakej rangsangan ekonomi kedua dan sebagai salah satu langkah meningkatkan prestasi ekonomi negara, Unit Perancang Ekonomi (UPE) sedang mengkaji dan menyemak semula peranan dan Garis Panduan FIC yang kini berada dalam peringkat akhir penyediaan. Hasil kajian semula ini akan dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan dan diumumkan kemudian. Kerajaan sentiasa memantau persekitaran ekonomi semasa dan akan terus berusaha untuk mengambil tindakan proaktif bagi meningkatkan

pelaburan dari dalam dan luar negara ke arah merangsangkan lagi prestasi ekonomi negara.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.06.2009

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali (Titiwangsa) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status Labuan sebagai Pulau Bebas Cukai dan signifikasinya dalam pengecualian cukai terhadap arak, rokok dan judi dan adakah kajian dibuat sebagai perbandingan antara hasil pendapatan Negara yang diraih berbanding kos yang terpaksa ditanggung Kerajaan atas kesan sampingan arak, rokok dan judi kepada rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai pulau bebas cukai, barang-barang yang diimport atau dibawa masuk ke Labuan dikecualikan daripada duti import, cukai jualan dan duti eksais kecuali barang-barang tertentu seperti produk petroleum. Dengan itu, pengimportan arak dan rokok tidak dikenakan cukai. Aktiviti judi tidak tertakluk kepada duti import, cukai jualan dan duti eksais dan dengan itu, tidak diberi apa-apa pengecualian cukai.

Layanan cukai di Labuan ini adalah selaras dengan konsep pulau bebas cukai negara lain seperti Hong Kong dan Mauritius. Pada masa ini, tiada kajian cukai dibuat ke atas bandingan antara hasil dan kos Pulau Bebas Cukai Labuan.

NO SOALAN : 90

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ZAHRAIN MOHAMED
HASHIM
(BAYAN BARU)**

**TARIKH : 15 JUN 2009
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan status pembelian Eurocopter sama ada akan diteruskan atau tidak dan jika diteruskan berapakah harga sebuah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan telah lama merancang perolehan baru helikopter pelbagai kegunaan (Utiliti) dan pada masa yang sama berkemampuan melaksanakan tugas mencari dan menyelamatkan (SAR). Keperluannya amat kritikal kepada TUDM memandangkan pesawat Nuri yang sedia ada tidak berupaya melaksanakan tugas SAR pada waktu malam dan pada cuaca buruk.

Program perolehan baru helikopter ini ditangguhkan oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU) berikutan keadaan ekonomi negara dan global yang tidak menentu. Pada masa yang sama, Kerajaan memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek-projek yang memberikan pulangan ataupun kesan berganda.

Perolehan ini wajar diteruskan apabila keadaan ekonomi kembali pulih. Sekiranya perolehan ini diteruskan, Kementerian Pertahanan belum boleh memutuskan harga sebuah kerana rundingan harga perlu dilaksanakan ke paras yang terendah bersesuaian dengan keperluan kontrak meliputi aspek-aspek berikut:

SULIT

- a. **Rundingan Teknikal;**
- b. **Program Offset (yang turut melibatkan penyertaan syarikat tempatan);**
- c. **Terma-terma dan Syarat Kontrak;**
- d. **Jadual Pembayaran; dan**
- e. **Rundingan Harga.**

NW-92

NO. SOALAN: 92

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Datuk Eric Enchin Majimbun

TARIKH : 15 Jun 2009

SOALAN:

Y.B. Datuk Eric Enchin Majimbun meminta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan siapakah sebenarnya Bumiputra lain yang berjumlah 0.5 juta orang dan sejak bilakah kaum ini diisytiharkan sebagai bumiputera sedangkan pada tahun 1960an semua bumiputera di Sabah terkandung dalam suku kaum yang tertentu sahaja.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia dilaksanakan setiap sepuluh tahun sekali. Sejak tertubuhnya Malaysia pada tahun 1963, empat bancian telah dilaksanakan iaitu pada tahun 1970, 1980, 1991 dan 2000.

Dalam melaksanakan banci, salah satu *variable* penting yang digunakan ialah "Kumpulan Etnik". Penentuan kumpulan etnik adalah berdasarkan kepada jawapan yang diberikan oleh responden semasa pembancian. Jabatan Perangkaan telah menyediakan kod-kod yang unik kepada setiap kumpulan etnik di Malaysia seperti Melayu, Cina, India, Kadazan Dusun, Bajau, Murut dan sebagainya.

Pada Banci tahun 1991 usaha telah dibuat oleh Jabatan Perangkaan untuk menyeragamkan klasifikasi etnik bagi menghasilkan satu set kumpulan etnik yang bersepadu di peringkat nasional. Dalam usaha itu, penambahbaikan telah dilakukan di mana kumpulan etnik utama telah dikategorikan di bawah "Warganegara Malaysia" selepas mengasingkan mereka yang "Bukan warganegara Malaysia".

Dalam Banci yang terdahulu bermula tahun 1970, senarai kumpulan etnik diperolehi daripada Jabatan Pendaftaran Negara. Walau bagaimanapun, senarai tersebut telah diperincikan mengikut keperluan Jabatan Pendaftaran Negara dan Kerajaan Negeri Sabah dari masa ke semasa. Oleh yang demikian, pada banci yang terakhir iaitu pada tahun 2000, Jabatan Perangkaan telah mengemaskini dan menggunakan sebanyak 79 kod kumpulan etnik bagi seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, hanya 26 kod mewakili kumpulan etnik Bumiputera di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 0.5 juta Bumiputera Lain di negeri Sabah yang dilaporkan adalah merujuk kepada beberapa kumpulan etnik seperti Iranun, Orang Sungai, Sulu/Suluk, Bisaya, Rungus, Sino-native, Kadayan, Tidong, Tambanuo, Idahan dan sebagainya.

Dalam Banci 1970, pecahan kumpulan etnik bagi negeri Sabah terdiri daripada Kadazan, Murut, Bajau, Melayu dan Lain-lain Orang Asli. Manakala bagi Banci 1980, kumpulan etnik di Sabah telah disenaraikan semula mengikut keperluan Kerajaan Negeri Sabah dan menjadi Pribumi, Cina, India dan Lain-lain. Pengemaskinian kumpulan etnik telah menghasilkan maklumat yang lebih terperinci. Perbandingan bagi senarai kumpulan etnik yang digunakan dalam Banci Penduduk dan Perumahan pada tahun 1970, 1980, 1991 dan 2000 dilihat paling ketara adalah dari segi pecahan Bumiputera Lain selain daripada kewarganegaraan Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 1960 semua bumiputera Sabah telah dilaporkan dalam suku kaum tertentu. Suku kaum tersebut terdiri daripada Dusun, Murut, Bajau, Illanun, Brunei, Kedayan, Orang Sungai, Bisaya, Sulu, Tidong dan Sino-native. Walau bagaimanapun dari segi pelaporan, pada tahun 1960 kesemua suku kaum ini telah dikategorikan sebagai *Indigenous*.

Kaedah menggabungkan beberapa kumpulan etnik di dalam satu kumpulan telah dipraktikkan dari dahulu hingga kini. Ini disebabkan komposisi jumlah penduduk kumpulan etnik tersebut yang sangat kecil. Walau bagaimanapun, kumpulan etnik yang mempunyai jumlah bilangan penduduk yang tinggi akan dilaporkan sebagai kumpulan utama secara individu. Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya terdapat permintaan berdasarkan kumpulan etnik bumiputera lain secara terperinci, Jabatan Perangkaan masih boleh membekalkan maklumat tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]
TARIKH : 15 Jun 2009
SOALAN : Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta PERDANA MENTERI menyatakan maksud "1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" yang dilaung-laungkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dan nyatakan perubahan polisi yang spesifik akan dijalankan serta tindakan yang akan diambil terhadap anggota pentadbiran yang didapati melanggar seruan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang diPertua,

Mengenai maksud Gagasan "1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan," yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, YB diminta merujuk kepada jawapan lisan oleh YAB Perdana Menteri sendiri semasa mesyuarat Dewan yang Mulia pada pagi ini. Penjelasan beliau kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Dewan, termasuk soalan-soalan tambahan, sememangnya adalah menyeluruh dan komprehensif.

Sememangnya, berdasarkan kepada semangat dan intipati Gagasan ini, satu transformasi dijangka akan diperkenalkan dan

dilaksanakan, yang melibatkan beberapa pendekatan baru. Pendekatan-pendekatan yang baru ini sedang dan akan dilaksanakan fasa demi fasa, dengan mengambil kira maklumbalas daripada rakyat serta cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh para pemimpin masyarakat dan mereka yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang relevan. Segala-gala ini bertujuan memberi keutamaan kepada rakyat dengan memberi penekanan terhadap perpaduan dan kesejahteraan rakyat.

Langkah-langkah awal untuk merealisasikan Gagasan ini termasuklah memberi penjelasan seluas-luasnya tentang maksud sebenar Gagasan ini supaya dapat dihayati dan disebarkan oleh rakyat, mengamalkan pendekatan “kerap turun padang” oleh para pemimpin supaya lebih mendekati rakyat dan memahami hasrat dan kesulitan rakyat dan sebagainya.

Satu langkah awal yang amat penting ialah untuk memberi penekanan dan fokus terhadap pengurusan prestasi Kerajaan Persekutuan dengan menggunakan kaedah “Petunjuk-petunjuk Prestasi Utama” atau “Key Performance Indicators” (KPI), bermula

dengan anggota-anggota pentadbiran, iaitu, Ahli-Ahli Jemaah Menteri.

Secara ringkas, pengurusan prestasi mengikut kaedah KPI bermula dengan usaha mengenalpasti "Key Results Areas" (KRA) atau Petunjuk-Petunjuk Hasil Utama bagi sesuatu organisasi seperti kementerian atau agensi kerajaan. Satu contoh KRA ialah sasaran umum untuk meningkatkan keselamatan bagi rakyat, manakala satu lagi ialah memudahcara prosidur pengurusan untuk keselesaan pelanggan. Untuk setiap KRA akan dikenalpasti dan ditetapkan pula KPI dengan sasaran secara spesifik yang dapat diukur, misalnya, menurunkan kadar jenayah atau mengurangkan masa menguruskan permohonan paspot atau lesen. Dengan adanya sasaran secara konkrit ini, maka segala prosidur akan diperkemaskan bahkan diubah, disamping menggembeling dan menumpukan segala sumber dan tenaga dalam organisasi tersebut untuk mencapai sasaran dalam satu tempoh yang munasabah.

Sebagai peringkat awal, aspek-aspek pelaksanaan pengurusan prestasi dengan kaedah KPI telah dibincangkan dalam tiap-tiap mesyuarat Jemaah Menteri baru semenjak mesyuarat pertamanya

pada 15 April 2009. Dua (2) bengkel bagi para menteri yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri telah diadakan. Setiap menteri telah juga ditugaskan untuk merangka "Key Results Areas" (KRA) dan beberapa KPI secara awalan atau "preliminary KPIs" bagi diri sendiri dalam konteks visi, misi dan objektif-objektif kementeriannya yang berkenaan.

Di samping itu, secara kolektif, Jemaah Menteri yang dipimpin oleh YAB Perdana Menteri sedang juga dalam proses membincangkan dan mengenalpasti beberapa KRA untuk peringkat negara, iaitu, National KRA atau N-KRA sebagai komitmen Kerajaan Persekutuan terhadap rakyat jelata.

Sebenarnya, inisiatif-inisiatif untuk mengenalpasti dan merangka KRAs dan KPIs di peringkat nasional dan bagi menteri merupakan lanjutan kepada usaha yang telah dilaksanakan dalam Perkhidmatan Awam dalam tempoh tiga (3) tahun yang lalu, iaitu, memperkenalkan KRA dan KPI bagi Ketua-Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian dan Ketua-Ketua Pengarah (KP) bagi agensi-agensi yang tertentu.

Proses untuk mengenalpasti dan menggubal KRA dan KPI bagi para Menteri dijangka akan mengambil masa beberapa bulan lagi. Dalam tempoh yang sama, tindakan sedang diambil untuk menuju ke arah mencapai KRA dan KPI yang berkenaan. Satu penilaian akan dibuat pada penghujung tahun ini supaya membuat apa-apa pindaan yang perlu untuk menetapkan KRA dan KPI Versi 2.0 serta strategi-strategi pelaksanaan bagi tahun 2010 dan selanjutnya.

Sememangnya, pengurusan prestasi melalui kaedah KPI akhirnya bertujuan untuk membantu dan mendorong setiap penjawat di setiap peringkat untuk berusaha gigih dan mencari langkah-langkah inovatif di samping membetulkan sebarang kekurangan dan kelemahan yang mungkin timbul. Sekiranya terdapat penjawat yang enggan berusaha atau kurang mempunyai inisiatif selepas diberi peluang dan panduan beberapa kali, maka tindakan yang sewajarnya boleh diambil oleh ketua pentadbiran, iaitu, Perdana Menteri dalam konteks Jemaah Menteri, atau ketua jabatan dalam konteks jabatan.

No = 94

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM
(KAPAR)**

TARIKH : **15.06.2009**

SOALAN : **NO. 94**

TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM (KAPAR) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan harga barang-barang berasaskan petroleum seperti minyak pelincir kenderaan dan sebagainya. Jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Bagi produk berasaskan petroleum, Kerajaan hanya mengawal harga runcit petrol RON92, RON97 dan diesel. Manakala, harga barangan berasaskan petroleum yang lain seperti minyak pelincir kenderaan dan sebagainya ditentukan oleh pasaran yang mana kenaikan dan penurunan harga barang berdasarkan kepada permintaan dan penawaran barangan tersebut. Selain itu, Kerajaan juga tidak bercadang untuk mengawal harga produk berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]
TARIKH : 15 JUN 2009
SOALAN :

Dr. Lee Boon Chye (Gopeng) meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes jangkitan Denggi dan Chikungunya untuk tahun 2003 hingga tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyakit Denggi dan Chikungunya hadala disebabkan oleh jangkitan virus yang disebarkan melalui gigitan nyamuk Aedes. Penyakit Demam Denggi mula dilaporkan di Malaysia sejak tahun 1902. Sejak itu, jumlah kes Demam Denggi yang dilaporkan kian meningkat.

Pada tahun 2003, terdapat 31,545 kes Denggi dilaporkan (30,220 kes Demam Denggi dan 1,325 kes Denggi Berdarah). Pada tahun 2004, sejumlah 33,895 kes Denggi (32,422 kes Demam Denggi dan 1,473 kes Denggi Berdarah) telah dilaporkan. Pada tahun 2005 pula,

terdapat 39,686 kes Denggi dilaporkan (37,646 kes Demam Denggi dan 2,040 kes Denggi Berdarah). Jumlah kes Denggi yang dilaporkan pada tahun 2006 adalah berjumlah 38,556 kes (36,462 kes Demam Denggi dan 2,094 kes Denggi Berdarah). Pada tahun 2007, sejumlah 48,846 kes Denggi dilaporkan (45,856 kes Demam Denggi dan 2,990 kes Denggi Berdarah). Bagi tahun 2008 pula, terdapat sejumlah 49,335 kes Denggi dilaporkan (46,517 kes Demam Denggi dan 2,818 kes Denggi Berdarah).

Sehingga 30 Mei 2009, sejumlah 21, 707 kes Denggi telah dilaporkan (20,279 kes Demam Denggi dan 1,428 kes Denggi Berdarah). Jumlah kes Denggi yang dilaporkan dari tahun 2003 sehingga 30 Mei 2009 adalah berjumlah 264,289 kes. Jumlah kes tertinggi berlaku di Lembah Kelang meliputi 49% daripada jumlah keseluruhan kes. Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang kejadian demam Denggi dan telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi menangani masalah ini.

Penyakit Chikungunya pertama kali dilaporkan di negara ini pada tahun 1999. Dari tahun 2003 hingga tahun 2005, tiada kes Chikungunya telah dikesan. Pada tahun 2006, sejumlah 237 kes telah dilaporkan di Perak dan pada tahun 2007, sejumlah 4 kes telah dikesan di Johor. Pada tahun 2008, sejumlah 4,271 kes telah dilaporkan. Sehingga 30 Mei 2009, sejumlah 2,504 kes Chikungunya telah dilaporkan melibatkan negeri Kedah (695 kes), Selangor (363 kes), Kelantan (343 kes), Perak (308 kes), Sarawak (295 Kes), Johor (129 kes), Pulau Pinang (119 kes), WP Kuala Lumpur / Putrajaya (82

kes), Pahang (65 kes), Terengganu (46 kes), Negeri Sembilan (31 kes), Perlis (24 kes) dan Sabah (4 kes). Tiada kes dilaporkan di negeri Melaka dan Wilayah Persekutuan Labuan. Jumlah kes Chikungunya dari tahun 2003 sehingga 6 Jun 2009 tertinggi dilaporkan di Johor dan Perak, di mana jumlah kes melebihi 1,000 kes. Tiada kes dilaporkan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan amat serius dalam menangani kedua-dua penyakit Denggi dan Chikungunya dan telah mengambil langkah-langkah bagi membendung penularan kes tersebut sebagaimana berikut :

- i. Mengadakan aktiviti promosi kesihatan menerusi media cetak dan elektronik bagi menyampaikan pengetahuan/maklumat tentang tanda-tanda dan langkah yang perlu diambil oleh masyarakat.
- ii. Mengisytiharkan perang habis-habisan terhadap kedua-dua penyakit ini dengan mempergiatkan aktiviti gotong-royong oleh masyarakat setempat bagi memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes.
- iii. Mempromosi langkah kawalan yang boleh dilaksanakan oleh penduduk dengan meluangkan masa selama sepuluh minit pada setiap minggu bagi mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes di dalam dan luar rumah.

- iv. Melaksanakan program *COMBI* (*Communication for Behavioural Impact*) bagi memperkasa masyarakat dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi.
- v. Membekalkan pembunuh jentik-jentik secara percuma melalui klinik-klinik kerajaan untuk dimasukkan ke dalam bekas takungan air yang menjadi punca pembiakan Aedes.
- vi. Menkuatkuasakan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975 (pindaan 2000) dengan mengeluarkan amaran, notis, kompaun dan tindakan mahkamah kepada premis yang masih lagi membiakkan nyamuk aedes.
- vii. Menyediakan Pelan Strategi Kawalan dan Pencegahan Penyakit Denggi (2009-2013) bagi memastikan aktiviti pencegahan dan kawalan dilaksanakan secara bersepadu dan berkesan.

NO.SOALAN : 97

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
TARIKH : 15 Jun 2009
SOALAN : Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimanakah beliau akan melaksanakan Konsep 1 Malaysia terutamanya perpaduan, penerimaan, negara bangsa, (*nationhood*) integriti, keadilan sosial dan meritokrasi. Apakah kekuatan dan kelemahan di dalam amalan konsep ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang diPertua,

Sebenarnya, soalan ini telah dijawab oleh YAB Perdana Menteri pada pagi ini semasa menjawab soalan 1 secara lisan serta soalan-soalan tambahan. Oleh itu, saya meminta Y.B. merujuk kepada jawapan YAB Perdana Menteri seperti yang dikepilkan.

LAMPIRAN

NO SOALAN : 1

JAWAPAN YAB PERDANA MENTERI:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab secara serentak pertanyaan-pertanyaan berkaitan maksud dan definisi gagasan 1Malaysia yang diutarakan oleh **Y.B. Tenggara, Y.B. Ipoh Timur, YB Kapit, YB Mambong, YB Bukit Katil, YB Indera Mahkota, YB Seremban, YB Shah Alam, YB Bukit Gelugor, YB Kubang Kerian, YB Machang, YB Padang Besar, YB Pengkalan Chepa dan YB Taiping.**

Sejak saya mengambil alih tampuk kepimpinan negara tanggal 3 April yang lalu, saya telah utarakan sebuah konsep iaitu 1Malaysia sebagai teras pentadbiran saya. Sejak gagasan ini diketengahkan begitu banyak perbincangan dan perbahasan telah berlangsung dikalangan rakyat disemua peringkat. Malah pihak pembangkang tidak membuang masa untuk memutarbelit dan mentafsirkan gagasan ini mengikut definisi mereka sendiri, semata-mata dengan niat mengelirukan rakyat.

Izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan ahli-ahli Yang Berhormat di dewan yang mulia ini bagi memperjelaskan erti dan maksud gagasan 1Malaysia. Seperti yang telah saya sebutkan berkali-kali sebelum ini, termasuklah dalam ucapan saya sempena ulang tahun keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 6 Jun yang lalu, 1Malaysia bukanlah konsep atau

formula baru. Sebaliknya, matlamat akhir 1Malaysia iaitu perpaduan nasional juga merupakan wawasan utama pemimpin-pemimpin negara yang terdahulu, yang telah diterjemahkan dalam pelbagai rupa bentuk dan jelmaan sepanjang lebih lima dekad kita merdeka. Jika diamati, apa yang berubah adalah pendekatan dan gerak kerja menurut kesesuaian zaman dan generasi yang silih berganti.

Dalam erti kata lain, 1Malaysia adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. Ia bukan satu pendekatan yang terpisah dari dasar-dasar kerajaan Barisan Nasional sebelum ini, sebaliknya ia merupakan pelengkap kepada pendekatan-pendekatan yang sedia ada untuk mengukuhkan lagi perpaduan bagi menjamin kestabilan, ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih tinggi bagi rakyat dan negara Malaysia. Makanya, 1Malaysia digagaskan sebagai satu formula yang menjadi pra-syarat bagi memastikan aspirasi negara, iaitu Wawasan 2020 tercapai jika ia diterapkan ke dalam sanubari rakyat dan diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat. Jika "Bangsa Malaysia" adalah matlamat akhir perjalanan ini, maka 1Malaysia adalah penunjuk haluan ke arah matlamat itu. Pengertian ini adalah bertunjangan hujah bahawa untuk mencapai status negara maju dalam jangkamasa yang telah ditetapkan, syarat yang paling utama ialah sebuah negara yang kukuh dan stabil dan ini akan hanya dapat dicapai apabila rakyatnya bersatu padu.

Perpaduan yang digambarkan oleh gagasan 1Malaysia amat berbeza dari konsep asimilasi yang diamalkan di negara-negara lain di mana identiti kaum-kaum etnik dilenyapkan dan diganti dengan satu identiti nasional yang sama. Ia juga sangat berbeza dari konsep *Malaysian Malaysia* parti pembangkang. 1Malaysia tidak sekali kali menyimpang daripada ruh perlembagaan persekutuan sebagai undang-undang negara sama ada secara tersurat atau secara tersirat. Malahan gagasan 1Malaysia kekal menjunjung kesemua peruntukan teras seperti perkara 3, perkara 4, perkara 152, perkara 153, bahagian 2 dan bahagian 3 sepertimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, janganlah mana-mana pihak berasa khuatir atau menaruh syak serta bimbang bahawa konsep ini akan terpesong dari apa yang telah dipersetujui dan dimuafakatkan oleh bapa-bapa negara suatu ketika yang lalu.

Sebaliknya 1Malaysia menghargai dan menghormati identiti-identiti etnik setiap kaum di Malaysia, dan menganggapnya sebagai satu aset atau kelebihan yang patut dibanggakan. 1 Malaysia menekankan sikap "Penerimaan" di kalangan rakyat berbilang kaum, di mana sesuatu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar dapat kita hidup bersama dalam keadaan saling hormat menghormati sebagai rakyat dalam satu negara. Ia adalah peningkatan ketara dari sikap toleransi semata-mata.

Menjadi asas kepada semua ini adalah prinsip keadilan untuk semua kaum, yang membawa maksud bahawa nasib semua rakyat Malaysia akan terbela dan tiada mana-mana pihak akan dipinggirkan. Keadilan

ini mestilah mengambil kira taraf kemajuan kaum-kaum yang berada pada tahap yang berbeza. Oleh itu, dasar-dasar kerajaan dan peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang memberikan pembelaan kepada golongan yang memerlukannya, akan tetap dilaksanakan.

Tuan yang dipertua,

1Malaysia adalah penerusan agenda membina negara. Untuk mencapai kemajuan bagi negara, rakyat perlu dimajukan terlebih dahulu, dan ini dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum, yang membawa kepada perpaduan yang utuh. Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar.

Formula 1Malaysia digagaskan akan terlaksana dalam dua aspek utama. Aspek pertama ialah penerapan **Teras-Teras Perpaduan** manakala aspek kedua adalah penerapan **Nilai-nilai aspirasi**.

Teras-terras perpaduan adalah tiga perkara yang telah saya huraikan sebentar tadi iaitu pertama, sikap "**penerimaan**" antara semua kaum dan rakyat Malaysia; kedua, **prinsip-prinsip kenegaraan berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan rukun negara**; dan ketiga adalah **keadilan sosial**. Teras-terras Perpaduan ini pula didokongi oleh nilai-nilai murni yang perlu menjadi sebahagian dari budaya hidup rakyat Malaysia termasuklah nilai-nilai seperti hormat menghormati, Tawadhuk, kesederhanaan dalam tingkah laku dan tuturkata serta kebijaksanaan dalam sebarang keputusan dan tindakan.

Aspek kedua formula 1Malaysia pula menekankan elemen-elemen yang perlu menjadi amalan mana-mana masyarakat yang ingin berdaya maju dan berjaya. Elemen-elemen tersebut merangkumi Budaya kecemerlangan dalam melaksanakan semua tugas dan tanggungjawab; Budaya ketepatan dari segi menghormati waktu dan meningkatkan kecekapan; keberanian untuk berinovasi dan meneroka peluang-peluang baru; meritokrasi dalam memberikan tugas kepada yang paling layak melaksanakannya berlandaskan undang-undang dan dasar negara; kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada tanahair tercinta; ketabahan dalam mengharungi sebarang cabaran yang mendatang dan integriti dalam segala urusan dan transaksi. Pembudayaan nilai-nilai Aspirasi ini akan menyerlahkan Masyarakat Malaysia yang berwibawa, dihormati dan disegani, bersesuaian dengan identity sebuah negarabangsa yang maju dan berjaya.

Tuan Yang Di-Pertua

Dalam melaksanakan komitmennya terhadap rakyat, Kerajaan telah mengutarakan tema "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" sebagai sebahagian dari konsep 1Malaysia. Tema ini membawa maksud bahawa di samping menekankan peri-pentingnya perpaduan rakyat Malaysia, kerajaan juga akan memberikan keutamaan kepada isu-isu yang dianggap penting oleh rakyat. Kerajaan juga menekankan prestasi dan pencapaian oleh semua kakitangannya apabila berurusan dengan rakyat. Dalam kata lain, kerajaan amat memahami betapa pentingnya kecekapan dan kualiti perkhidmatan

awam dalam meningkatkan mutu hidup rakyat justeru itu pendekatan mesra-rakyat akan diberi keutamaan oleh semua agensi-agensi kerajaan.

Sehubungan dengan itu, KPI akan digunapakai bagi semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dan ini akan diterjemahkan pelaksanaannya ke semua peringkat termasuklah dip peringkat hubungan langsung orang ramai dengan kakitangan kerajaan. Seorang Menteri dijabat Perdana Menteri ditugaskan khas untuk memastikan kelancaran pelaksanaan KPI ini. YB Menteri berkenaan akan memberikan penerangan selanjutnya tentang KPI dan perancangan spesifik yang akan dilaksanakan bagi menterjemahkan hasrat kerajaan.

Segala inisiatif-inisiatif ini diharapkan akan membawa perubahan yang nyata bukan sahaja kepada urusan pentadbiran negara, tetapi lebih penting ia akan membawa penambahbaikan kepada kualiti hidup rakyat Malaysia. Diatas segalanya, 1Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" diyakini akan menjana satu transformasi ketara, kearah sebuah negara Malaysia yang maju, didokongi oleh rakyat yang utuh perpaduan nya dan tinggi mertabatnya pada pandangan dunia,

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN MOHD FADZLI BIN HAJI SAMSURI
(BAGAN SERAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.06.2009

Tuan Mohd Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasionalnya menaikkan kadar insurans yang begitu membebankan pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kadar premium insurans motor di Malaysia adalah tertakluk kepada Tarif Motor yang diperkenalkan dalam tahun 1978 dan kadar ini tidak diubah sejak 31 tahun yang lalu walaupun jumlah tuntutan telah meningkat dengan ketara.

2. Sebelum ini, pada masa tahap tuntutan berada pada tahap yang boleh dibendung dan atas tekanan persaingan, penanggung insurans tidak mengenakan premium tambahan maksimum yang dibenarkan. Memandangkan pengalaman tuntutan yang semakin buruk, industri insurans telah mengenakan premium tambahan maksimum. Namun begitu, premium tambahan berkenaan masih dalam had yang dibenarkan Bank Negara Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L SANTIAGO
(KLANG)**

TARIKH : 15 JUN 2009

SOALAN:

TUAN CHARLES ANTONY A/L SANTIAGO menyatakan tindakan **KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI dan KEBUDAYAAN** memberi arahan kepada radio RTM mengenai 7 isu yang dilarang dalam siaran radio termasuk politik pembangkang dan apakah tindakan akan diambil terhadap pegawai yang menyalahgunakan kuasa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian tidak ada mengeluarkan apa-apa larangan khusus kepada mana-mana penyiar radio RTM tentang bagaimana mereka harus melaksanakan tanggungjawab mereka. Berhubung tujuh (7) isu yang dibangkitkan oleh YB Klang, ia mungkin berkaitan dengan Garis Panduan Siaran Radio. Jika benar itu yang dimaksudkan oleh YB, garis panduan ini bukan merupakan larangan sebaliknya ia merupakan garis panduan

bimbingan kepada penyiar dalam melaksanakan tugas. Oleh kerana itu, tidak timbul soal salahguna kuasa di kalangan pegawai seperti yang dibangkitkan.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECH HWA [BAKRI]

TARIKH : 15 JUN 2009

SOALAN : 100

Tuan Er Tech Hwa [Bakri] meminta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tindakan yang sudah diambil selepas penduduk-penduduk perkampungan Bukit Koman jatuh sakit kerana menghidu asap yang dikeluarkan oleh syarikat perlombongan emas sejak Mac 2009:-

- (a) apakah tindakan diambil dan bila siasatan dijalankan; dan
- (b) mengapa "Carbon-in-Leach" digunakan dalam tapak kilang di mana jaraknya kurang dari 1 km dari kawasan kediaman.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pahang merekodkan tiada kes yang dilaporkan kepada JAS mengenai penduduk kampung Bukit Koman yang jatuh sakit kerana menghidu asap yang dikatakan berpunca dari syarikat perlombongan emas yang beroperasi di Bukit Koman. Siasatan penguatkuasaan yang dijalankan oleh JAS Cawangan Temerloh pada 24hb dan 27hb Februari 2009 di syarikat perlombongan tersebut mendapati tiada bau asap yang dikesan. Lawatan pemeriksaan susulan seterusnya yang telah

dijalankan pada 4hb Mac dan 8hb April 2009 mendapati tiada bau yang tidak menyenangkan dikesan dari syarikat perlombongan tersebut. Pada 8hb April 2009, JAS Cawangan Temerloh telah mengambil persampelan air Sungai Koman di bahagian hulu dan hilir projek ini dan keputusan analisa kimia mendapati ianya adalah mematuhi Piawai A, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian), 1979 seperti yang ditetapkan.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah 'Carbon in Leach' yang dicadangkan oleh syarikat lombong emas telah dikaji dan diteliti oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) semasa memproses Laporan EIA cadangan projek tersebut. Kajian ini membuat rujukan berdasarkan kepada pihak-pihak berkuasa luar negara yang lebih berpengalaman serta kaedah-keadah pelupusan sisa-sisa lombong agar pelaksanaan syarikat lombong tersebut benar-benar dapat mematuhi kehendak peraturan dan perundangan JAS. Setelah pihak JAS mendapati bahawa teknologi 'Carbon in Leach' tidak menjejaskan alam sekitar, maka laporan EIA yang dikemukakan diluluskan.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM
(SERIAN)
TARIKH : 15 JUN 2009 (ISNIN)
SOALAN : **DATUK RICHARD RIOT ANAK
JAEM** minta **MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI**
menyatakan:
Rancangan Kerajaan untuk
menjadikan negeri Sarawak sebagai
Jelapang Padi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri Sarawak melalui Jabatan Pertanian telah mengenalpasti seluas 41,100 hektar yang melibatkan lapan (8) kawasan sebagai kawasan tanaman padi di Sarawak. Kawasan-kawasan tersebut ialah Limbang Valley seluas 20,000 hektar, Paloh seluas 8,080 hektar, Sg. Sebelak seluas 3,537 hektar, Matu-Daro seluas 3,000 hektar, Pulau Bruit seluas 3,353 hektar, Bijat/Stumbin seluas 2,054 hektar, Lingga/Banting seluas 1,994 hektar dan Ng. Merit seluas 801 hektar.

Kawasan Bijat/Stumbin, Batang Lupar, Bahagian Sri Aman, Sarawak telah diberi keutamaan untuk projek pembangunan jelapang padi di Sarawak. Sebagai permulaan, Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Pusat telah bersetuju untuk membangunkan Pusat Benih padi Sah untuk negeri Sarawak di kawasan tersebut yang melibatkan peruntukan RM20 juta.

Jumlah peruntukan projek berkaitan padi bagi Negeri Sarawak tahun 2009 diluluskan ialah sebanyak RM5.4 juta untuk Projek

Tanaman Padi Komersial di Paloh, Bahgian Mukah dan RM161 juta di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan. Aktiviti di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan ini adalah seperti berikut :

- (i) Penyelenggaraan Infrastruktur Pengairan dan Saliran
- (ii) Perataan Tanah Sawah
- (iii) Pembekalan Input Pertanian
- (iv) Pembekalan Baja NPK
- (v) Pembekalan racun dan bahan kimia bagi mengawal makhluk perosak, penyakit tanaman dan rumput rumpai
- (vi) Mekanisma ladang
- (vii) Pembangunan Infrastruktur Pengairan dan Saliran

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
(BATU KAWAN)
TARIKH : 15.06.2009

SOALAN:

Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah kawasan Bagan Dalam, Pulau Pinang tidak mempunyai Sekolah Tamil walaupun terdapat ramai penduduk kaum India di kawasan ini dan adakah Kerajaan Persekutuan bersedia untuk membina Sekolah Tamil di kawasan Bagan Dalam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada dasarnya membina sesebuah sekolah adalah berdasarkan kepentingan pelbagai kaum di negara ini. KPM pada masa ini berpandangan tiada keperluan membina sebuah SJKT baru di kawasan tersebut kerana lebih kurang 6 km dari kawasan Bagan Dalam iaitu Kawasan Perai, terdapat dua buah SJKT yang masih boleh menampung keperluan murid di kawasan berkenaan. Sekolah-sekolah tersebut ialah SJKT Perai yang mempunyai enrolmen hanya 248 murid dan SJKT Ladang Prye dengan enrolmen 207 murid.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG (LAWAS)

TARIKH : 15 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN : Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah bentuk bantuan yang bakal diberikan kepada petani-petani yang mengalami kerosakan tanaman dan ternakan mereka semasa banjir yang lepas.

JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat dua bentuk bantuan yang diberikan kepada petani-petani yang mengalami kerugian akibat banjir iaitu :-

- 1) **Bantuan segera** bagi mengurangkan beban petani seperti pemberian dalam bentuk baja, benih-benih tanaman dan lain-lain yang difikirkan perlu sementara menunggu bantuan kelulusan wang ehsan dari pihak Majlis Keselamatan Negara. Bantuan segera ini diberikan oleh Jabatan Pertanian Negeri melalui Pejabat Pertanian

Daerah dengan menggunakan peruntukan yang sedia ada samada peruntukan negeri mahupun persekutuan.

2) **Bantuan Wang Ehsan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN).** Bantuan Wang Ehsan ini dipohon melalui MKN di peringkat Negeri masing-masing. Jabatan di peringkat negeri akan membuat taksiran kerugian yang dihadapi oleh petani mengikut kadar bantuan yang ditetapkan oleh pihak MKN. Kadar yang ditetapkan adalah seperti berikut :-

- a. Padi
 - 1. bantuan sara hidup RM1,800/ hektar bagi peringkat padi yang sedia untuk dituai
 - 2. bantuan tanam semula RM573/ha

- b. Sayur-sayuran
 - 1. RM2,000/hektar
 - Bantuan mengikut keluasan sebenar dengan had minimum RM 500 dan had maksimum RM 2,000

- c. Buah-buahan
 - 1. RM1,000/hektar
 - Bantuan mengikut keluasan sebenar dengan had minimum RM 500 dan had maksimum RM 1,000.

- d. Asas Tani
 - 1. RM1,000/pengusaha
- e. Ternakan
 - kadar bantuan mengikut jenis ternakan:
 - 1. Kerbau – RM700/ekor maksimum 10 ekor
 - 2. Lembu - RM600/ekor maksimum 10 ekor
 - 3. Kambing/bebiri – RM150/ekor maksimum 20 ekor

4. Ayam/itik - RM5.00/ekor maksimum 100 ekor

5. Puyuh – RM2.00/ekor maksimum 200 ekor

f. Akuakultur

1. Kolam komersial RM1,500/ha maksimum 2 hektar

2. Kolam kecil RM1,500/ha maksimum 1 hektar

3. Sangkar RM200/petak maksimum 12 petak

4. Hatcheri - RM3,000 / hatcheri, maksimum 1 hatcheri

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN CHONG ENG

(BUKIT MERTA JAM)

TARIKH : 15 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN :

YB Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status pelantikan 800 pekerja kontrak di bawah Program CARI yang diperuntukkan di bawah Rancangan Perangsang Ekonomi RM60 billion. Sila nyatakan kaedah pelantikan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek CARI yang dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah bertujuan untuk mengesan golongan terpinggir dan tercicir serta memerlukan bantuan kebajikan agar mendapat bantuan yang sewajarnya. Bagi menjayakan projek ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melantik seramai 800 orang pekerja sambilan sejak bulan Oktober 2008 untuk membantu Pegawai Pembangunan Masyarakat melaksanakan siasatan serta tugas-tugas lain yang berkaitan .

Oleh kerana Projek CARI didapati sangat berkesan dalam membantu

Kementerian mengesan golongan yang memerlukan, maka Kementerian Kewangan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua diberi peruntukan sebanyak RM21 juta bagi menjayakan fasa kedua projek ini. Fasa kedua Projek CARI melibatkan jumlah pengambilan pekerja sambilan seramai 968 orang daripada bulan April sehingga bulan Disember 2009.

Pengambilan Pekerja Sambilan Projek CARI dibuat melalui pengiklanan di Pejabat-pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri dan Daerah serta Pejabat-pejabat Kerajaan yang berdekatan. Calon-calon yang berjaya dipilih menerusi temuduga telah dilantik melalui surat pelantikan yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH : 15 JUN 2009
SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kaedah-kaedah yang sedang dan akan diguna pakai untuk mengenalpasti sejauh mana penglibatan doktor pakar dalam skim *Full Paying Patient* di Hospital Selayang sedang menjejaskan prestasi doktor-doktor tersebut dalam rawatan pesakit biasa di dalam wad dan di klinik susulan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pilihan untuk memasuki skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh/PPBP (*Full Paying Patients*) atau sebaliknya adalah mengikut kehendak pesakit sendiri dan bukannya merupakan kehendak pakar perubatan yang merawat. Pesakit yang memilih skim PPBP bagi rawatan kali pertama, akan dilihat oleh pakar semasa pakar

berkenaan merawat pesakit-pesakit lain sama ada di Klinik Pakar ataupun di Pusat Rawatan Harian.

Untuk rawatan susulan atau kes-kes yang perlu menjalani prosedur klinikal, pesakit PPBP akan disenaraikan ke dalam jadual sama ada di klinik atau di bilik prosedur, dan ini bergantung kepada keadaan klinikal mereka dan ia dilaksanakan berasaskan '*standard medical practice*' serta etika perubatan.

Bagi tujuan pemantauan serta mengelakkan kontroversi, pesakit-pesakit skim PPBP yang memerlukan rawatan susulan atau prosedur klinikal akan dijadualkan menjalani rawatan selepas waktu pejabat atau pada hari Sabtu, sebaik-baiknya selepas pakar telah selesai merawat pesakit-pesakit yang lain. Sekali lagi, keadaan klinikal pesakit tetap menjadi keutamaan dalam menentukan tarikh dan waktu rawatan susulan ini.

Skim PPBP dipantau dan dikawal secara langsung oleh pengarah hospital dan Jawatankuasa Penasihat Perubatan yang terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan Klinikal di hospital-hospital berkenaan. Pemantauan secara langsung ini akan memastikan perjalanan skim ini tidak disalahguna dan perkhidmatan kepada pesakit-pesakit lain tidak terjejas. Mereka juga turut memantau agar aktiviti-aktiviti pembelajaran klinikal serta penyelidikan terus dilakukan dan tidak diabaikan oleh pakar yang terlibat dalam skim PPBP ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 15 JUN 2009

RUJUKAN : 1762

SOALAN:

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat peruntukan dalam undang-undang bagi pelupusan dokumen seseorang warganegara luar yang keluar masuk ke negara ini. Jika ya, sila jelaskan.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuantan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam konteks negara Malaysia, pasport dikeluarkan di bawah Akta Pasport 1966. Di bawah Akta tersebut, pasport memberi maksud **suatu pasport yang sah yang telah dikeluarkan kepada seseorang oleh atau bagi pihak kerajaan yang baginya, ia adalah rakyat atau warganegara** dan termasuklah **suatu bentuk dokumen pengenalan yang sah yang dikeluarkan bagi maksud perjalanan oleh mana-mana kerajaan dan diiktiraf sebagai dokumen perjalanan oleh kerajaan Malaysia.**

Pasport adalah hakmilik negara yang mengeluarkannya. Oleh yang demikian, kuasa untuk mengeluarkan, membatalkan, melupus atau menggantung sesuatu pasport yang dikeluarkan adalah bergantung kepada peruntukan undang-undang negara pengeluar.

Di Malaysia, **kerajaan tidak mempunyai peruntukan undang-undang untuk melupus dokumen pasport seseorang warganegara asing yang keluar masuk ke Malaysia.** Sekiranya pasport tersebut ditinggalkan kepada pihak berkuasa Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan Malaysia menyerahkannya kepada kedutaan negara yang berkenaan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WEE CHOO KEONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : ISNIN, 15 JUN 2009

RUJUKAN : 03

SOALAN :

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta MENTERI
WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :**

Sebab-sebab kerja memperluaskan Jalan Gombak masih diteruskan sedangkan Menteri Wilayah Persekutuan telah berjanji dalam sesi parlimen lepas bahawa kerja akan siap menjelang Mei 2009 serta menyatakan sebab-sebab kerja gagal disiapkan mengikut jadual waktu yang ditetapkan. Sila nyatakan jumlah kos projek, nama semua kontraktor dan bilakah projek ini akan disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju, cadangan untuk menaik taraf Jalan Gombak dari Jalan Genting Kelang ke sempadan Wilayah Persekutuan menelan **belanja sebanyak RM108,643,726.50**. Projek ini **dilaksanakan oleh kontraktor Tetuan Gerbang Serantau Sdn. Bhd.** Tempoh kontrak asal ialah selama 36 bulan iaitu mulai 15 Mei 2006 hingga 10 Mei 2009. Kemajuan sebenar projek ialah 94.03% iaitu lewat 5.97% daripada tempoh kontrak asal. Projek ini **dijangka siap pada 10 Ogos 2009**.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara sebab-sebab projek ini lewat disiapkan ialah:

1. **Isu pengambilan semula tanah** yang melibatkan 83 **lot persendirian** dan **9 lot tanah kerajaan** dengan kos sebanyak **RM 75 juta**.
2. **Masalah pengalihan tiang-tiang dan kabel** milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Syarikat Telekom

Malaysia Berhad serta pengalihan paip air utama milik SYABAS.

3. Permohonan telah diterima untuk mengganggu notis pengosongan tapak daripada 15 Jun 2006 ke 22 Jun 2006. Selepas itu, dua lagi permohonan telah dibuat iaitu supaya ditangguhkan sehingga 30 September 2006 dan kemudian diminta ditangguhkan pula sehingga 30 November 2006 atas alasan bayaran pampasan yang dilakukan secara berperingkat telah mendatangkan masalah kepada penduduk. Satu lagi alasan ialah kerana terdapat ramai anak-anak penduduk yang akan menduduki peperiksaan PMR dan SPM pada tahun itu.

Walau bagaimanapun, kesemua isu ini sudah diselesaikan.

Butiran Projek.

Peruntukan	:	Kerajaan Pusat
Syiling projek	:	RM90 juta
Anggaran kos	:	RM25 juta
Pemaju	:	Tetuan Gerbang Serantau Sdn Bhd
Juru perunding	:	Tetuan Perunding ZAR Sdn Bhd
Nilai kontrak asal	:	RM31.8 juta
Ubahan arahan No1	:	RM480,726.50
Nilai kontrak terkini	:	RM32,280,726.50
Tempoh kontrak	:	15 Mei 2006 hingga 10 Mei 2009 (36 bulan)
Kemajuan jadual	:	100%
Kemajuan sebenar	:	94.03%
Kelewatan	:	-5.97%
Jangka siap	:	10 Ogos 2009

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU)
TARIKH : 15.06.2009

SOALAN:

Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar sekolah rendah dan menengah yang dikenakan tindakan buang sekolah sepanjang tahun lalu mengikut kesalahan yang dilakukan dan jumlah guru yang terlibat dengan masalah disiplin serta apakah langkah-langkah yang diambil bagi menangani masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum tindakan buang sekolah dilakukan, murid-murid yang terlibat akan diberikan kaunseling, amaran lisan dan bertulis serta perjumpaan dengan ibubapa atau penjaga bagi membincangkan masalah yang dihadapi. Tindakan buang sekolah merupakan langkah terakhir dilakukan kepada murid-murid yang didapati bersalah dalam sesuatu kes disiplin, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berpendapat tindakan tersebut merupakan satu pengajaran berkesan kepada mereka agar kesalahan yang dilakukan tidak berulang. Untuk makluman, jumlah pelajar sekolah menengah yang dikenakan tindakan buang sekolah sepanjang tahun lalu (2008) adalah sebanyak 2,082 kes (0.05%) berbanding 10,228 kes (0.18%) pada tahun 2007. Manakala bagi sekolah rendah pula, tindakan buang sekolah adalah tidak digalakkan.

Berhubung dengan kes yang melibatkan disiplin guru pula, sehingga Mei 2009 sebanyak **166 kes** bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dilaporkan kepada KPM untuk diambil tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. KPM juga melaksanakan beberapa langkah untuk mengatasi masalah tersebut seperti mengenakan hukuman tatatertib di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan menjalankan sesi kaunseling.

Pelbagai langkah telah dan sedang dilaksanakan oleh KPM dalam membendung salah laku murid. Antaranya;

1. Pelaksanaan dan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 khususnya terhadap tatacara hukuman terhadap murid yang melakukan kesalahan disiplin oleh pihak sekolah. Nasihat dan bimbingan sentiasa diberi kepada sekolah agar tindakan yang dibuat adalah betul dan tidak mendatangkan isu ketidakpuasan kepada pihak awam khususnya ibu bapa. Ini termasuklah pematuhan Pekeliling-Pekeliling Ikhtisas yang dikeluarkan oleh KPM dari semasa ke semasa;
2. Melaksanakan **Program Jati Diri** kepada murid yang telah dikenakan tindakan oleh pihak sekolah khususnya terhadap tindakan buang, gantung sekolah serta kepada murid yang telah dikenakan tindakan kerana melakukan kesalahan berat yang lain;
3. Melaksanakan **Kursus Literasi Undang-Undang kepada Guru Disiplin seluruh negara**;
4. Melaksanakan **Kursus Pengurusan Emosi** kepada guru disiplin;

5. Kempen menerusi media massa seperti **Media Radio digunakan** (Era FM, Sinar FM, X-fresh FM, Hot FM, KL FM dan Klasik FM);
6. Menyediakan '**Poster Anti Ponteng**', '**Poster Anti Buli**' dan '**Poster Pencegahan Seks Bebas**';
7. Melaksanakan Program Rintis ***Sistem Merit Demerit***;
8. Menggerakkan **Pasukan Petugas Anti Ponteng**. Program ini akan dimantapkan lagi menerusi **Majlis Permuafakatan Pendidikan Daerah (MPPD)**;
9. Menggerakkan **program keibubapaan kepada anggota PIBG**;
10. Menggerakkan **program khas bersama PDRM di setiap negeri**; dan
11. Pelaksanaan rintis program Piawaian Keselamatan Sekolah dengan menfokuskan kepada lima aspek iaitu Pengurusan Aktiviti Murid, Pengurusan Keselamatan Dalam Menghadapi Krisis dan Bencana, Pengurusan Keselamatan Infrastruktur Sekolah, Pengurusan Keselamatan Dalam Menangani Gejala Sosial dan Pengurusan Keselamatan Dalam Menghadapi Risiko.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

**TARIKH : 15 JUN 2009
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:-

- (a) berapa ramaikah anggota dan pegawai yang sedang berkhidmat dengan Rejimen Askar Wataniah; dan**
- (b) berapakah kos keseluruhan setahun bagi menyelenggara dan menjadikan Rejimen ini aktif dan berfungsi sepenuhnya.**

SULIT

JAWAPAN:

Kekuatan keseluruhan anggota Rejimen Askar Wataniah (AW) terkini adalah seramai 43,466 anggota, iaitu 1,252 orang Pegawai dan 42,214 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP). Pada masa kini kekuatan AW masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan pada nisbah 1 : 1 berbanding dengan anggota Angkatan Tetap. Kementerian sedang berusaha untuk meningkatkan kekuatan AW terutama melalui program Kompeni Askar Wataniah mengikut kawasan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua,

Anggaran kos keseluruhan setahun untuk menyelenggara Rejimen berkenaan adalah lebih kurang RM 61.47 juta iaitu RM 50.37 juta bagi Elaun Latihan, RM 6.1 juta bagi senggaraan kem dan RM 5 juta bagi Pakaian Asas Tentera.

SOALAN NO: 111

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN

TARIKH: 15 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [Alor Gajah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah program untuk menggalakkan rakyat Malaysia kembali bekerja di Malaysia terjejas oleh keadaan ekonomi.

PR-022-L18478

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia sejak tahun 2001 telah melaksanakan Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Yang Berkepakaran Pulang ke Malaysia. Di bawah program ini, rakyat Malaysia yang berkepakaran dipelawa kembali ke Malaysia dengan diberikan insentif antara lainnya kemudahan membawa balik dua buah kereta dengan dikecualikan cukai, suami atau isteri dan anak yang bukan warganegara akan diberi status pemastautin tetap dalam tempoh enam bulan dan suami atau isteri yang mempunyai kelulusan yang diiktiraf dan kepakaran yang diperlukan oleh industri dibenarkan memohon pas pengajian di Jabatan Imigresen.

Krisis ekonomi yang melanda dunia dan memberi kesan kepada Malaysia tidak menjejaskan program ini. Jumlah permohonan yang diterima bagi tempoh Oktober 2008 sehingga Mei 2009 adalah sebanyak 102, berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya sebanyak 60 permohonan. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 70% atau 42 permohonan.

Kementerian ini berharap mereka yang kembali ke tanah air dapat memberi sumbangan yang positif dalam bidang kepakaran masing-masing kepada ekonomi negara.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECH HWA [BAKRI]

TARIKH : 15 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Er Tech Hwa [Bakri] meminta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengenai kegunaan cyanide di perlombongan emas di Bukit Koman:-

- (a) mengapa EIA yang diluluskan 10 tahun dahulu digunakan sebagai dasar pelepasan LAM kepada syarikat perlombongan berkenaan; dan
- (b) adakah JAS enggan mengarahkan RAGM mengemukakan DEIA semasa penduduk-penduduk tempatan memohonkannya. Jika ya, mengapa, jika tidak, apakah tindakan Kementerian selanjutnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah meluluskan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) syarikat RAGM pada 13 Januari 1997. JAS mendapati bahawa kebimbangan yang

dikemukakan oleh penduduk Kg. Sungai Lui, Raub, Pahang terhadap penggunaan bahan kimia sianida di Lombong Emas Bukit Koman ini telah diambil kira dalam Laporan EIA tersebut.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian EIA ini tidak melalui proses EIA Terperinci (DEIA) kerana pada ketika itu ia tidak disenaraikan sebagai aktiviti yang memerlukan EIA Terperinci. Walaubagaimanapun, seperti dinyatakan di atas Laporan EIA telah diluluskan berdasarkan kepada langkah-langkah kawalan yang dicadangkan berupaya mencegah dan mengawal pencemaran serta mengambil kira ulasan yang dikemukakan oleh pihak awam. Kementerian ini sentiasa mengawasi keberkesanan langkah-langkah kawalan pencemaran yang dilaksanakan oleh syarikat lombong emas ini secara berjadual dan pada bila-bila masa supaya syarikat tersebut mematuhi semua syarat EIA yang telah dikenakan ke atasnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]

TARIKH : 15 JUN 2009

SOALAN

Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta
PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk
implementasikan gaji minimum peringkat sektor awam

JAWAPAN

Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan gaji minimum di peringkat sektor awam buat masa ini. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa mengkaji untuk menambahbaik kedudukan saraan penjawat awam dari semasa ke semasa supaya bersesuaian mengikut keperluan.

Sekian, terima kasih.

NO: 114

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID
TARIKH : 15 JUN 2009 (ISNIN)
SOALAN : NO.114

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah yang akan diambil Kerajaan bagi mengatasi masalah defisit sebanyak RM46 bilion pada 2020 Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (PTPTN) supaya dapat terus memberikan pinjaman untuk melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sememangnya menyedari tentang pentingnya kelestarian dana PTPTN untuk terus memberikan pembiayaan kepada pelajar yang memasuki IPT. Justeru, Kementerian telah mengambil langkah pro aktif dengan menjalankan kajian kelestarian PTPTN. Memorandum mengenai hasil kajian tersebut dan perkara-perkara yang dicadangkan akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk mendapatkan pandangan dan kelulusan. Langkah susulan akan diambil setelah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
(KOTA RAJA)**

TARIKH : 15 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN :

YB Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah (juga peratusan) kakitangan Orang Kurang Upaya (OKU) yang diambil bekerja dengan KPWKM dan apakah jawatan-jawatan yang mereka sandang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga bulan Mei 2009, seramai 109 Orang Kurang Upaya (OKU) telah diambil bekerja dengan Kementerian dan agensi-agensinya dibawahnya.

Jawatan-jawatan yang disandang oleh OKU adalah seperti berikut :

BIL	NAMA JAWATAN/SKIM	JUMLAH	PENEMPATAN
1.	Peg. Tadbir – N41 dan ke atas	1	LPPKN
2.	Peg. Pemb. Masy – S41 & ke atas	15	JKM
3.	Pen. Peg. Keb. Masy. Kanan – S32	1	JKM

BIL	NAMA JAWATAN/SKIM	JUMLAH	PENEMPATAN
4.	Pen. Peg. Keb Masy - S27	5	JKM
5.	Pem. Keb. Mesy Kanan – S22	2	JKM
6.	Pembantu Keb. Masy. – S17	27	JKM
7.	Pen. Peg. Tadbir Kanan – N32	1	JKM
8.	Pembantu Tadbir Kanan – N22	1	JKM
9.	Pembantu Tadbir – N17	14	13 – JKM 1 – KPWKM
10.	Pembantu Tadbir Kew. – W17	2	JKM
11.	Pembantu Tadbir Rendah – N11	2	JKM
12.	Pembantu Am Pejabat – N1	8	JKM
13.	Attendan kesihatan – U3	13	JKM
14.	Pengawal Keselamatan – KP11	1	JKM
15.	Pemandu – R3	4	3 – JKM 1 - KPWKM
16.	Pembantu Rendah Awam - R1	3	JKM
17.	Jaga – R1	4	JKM
18.	Pengajar Kraf - E11	4	JKM
19.	Juruteknik Komputer – FT17	1	JKM
JUMLAH		109	

SOALAN NO: 116

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 15 JUN 2009

RUJUKAN : 1763

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anggota polis yang disabitkan di Mahkamah dan kesalahan-kesalahan yang mereka disabitkan bagi lima tahun yang lepas. Nyatakan jenis hukuman yang dijatuhkan terhadap mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat PDRM memandangkan serius akan salah laku di kalangan anggota PDRM. Daripada tempoh 2004 sehingga 2008 terdapat sejumlah dua puluh empat (24) orang pegawai dan anggota polis telah disabitkan kesalahan di mahkamah. Jenis kesalahan pegawai dan anggota yang disabitkan di mahkamah bagi tahun 2004 sehingga 2008 adalah seperti berikut:

JENIS KESALAHAN PEGAWAI/ANGGOTA POLIS DI SABITKAN MAHKAMAH BAGI TAHUN 2004 -2008

BIL.	JENIS KESALAHAN	JUMLAH
1.	SEK 323 KK (Mendatangkan Cedera)	6
2.	SEK 457 KK (Pecah Rumah Malam Hari)	1
3.	SEK 379 KK (Curi)	2
4.	SEK 8 (a) AKTA SENJATA 1960 (Memiliki Senjata Tanpa Lesen)	1
5.	SEK 86(1) AKTA POLIS (Pembolosan)	4
6.	SEK 15 (1)(a) ADB 1952 (Memasukan Dadah Dalam Badan)	1
7.	SEK 414 KK (Menolong Menyembunyikan Harta Curi)	1
8.	SEK 223 KK (Dengan Cuai Membiarkan Seorang Lari Dari Pengurungan)	1
9.	SIASATAN (SPRM)-Rasuah	4

10.	SEK 3(1)ADB 1952 (Penagihan Dadah)	1
11.	SEK12(2)ADB 1952 (Memiliki Dadah)	1
12.	SEK448 KK (Ceroboh Rumah)	1
	JUMLAH	24

Sehubungan dengan kesalahan yang disabitkan di mahkamah tersebut berikut adalah jenis hukuman yang dikenakan terhadap mereka:

JENIS HUKUMAN MAHKAMAH DARI TAHUN 2004-2008

BIL.	JENIS HUKUMAN	JUMLAH
1.	Denda	12
2.	Penjara	7
3.	Penjara + Denda	2
4.	Bon Kelakuan Baik	3
	JUMLAH	24

Selain daripada itu, pegawai dan anggota polis yang disabitkan kesalahan di mahkamah akan dikenakan tindakan tatatertib oleh Pihak Berkuasa Tatatertib di bawah Peraturan 33 (1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, atas dasar mereka disabitkan kesalahan di mahkamah.

**JENIS HUKUMAN MAHKAMAH DAN STATUS PEGAWAI/ANGGOTA YANG
TERLIBAT DARI TAHUN 2004 SEHINGGA TAHUN 2008**

BIL	JENIS HUKUMAN	JUMLAH	STATUS
1	DENDA	12	Berhenti Kerja - 3 Orang Masih Bekerja - 2 Orang Gantung Kerja - 4 Orang Tamat Perkhidmatan - 3 Orang
2	PENJARA	7	Tamat Perkhidmatan - 7 Orang
3	PENJARA+DENDA	2	Tamat Perkhidmatan - 2 Orang
4	BON KELAKUAN BAIK	3	Masih Bekerja - 3 Orang
	JUMLAH	24	24

NS: 117

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN [KOTA BELUD]

**TARIKH JAWAPAN : 15 JUN 2009 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT.**

SOALAN : NO. 117

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan apakah Kerajaan bercadang mengupayakan atau merombak fungsi Suruhanjaya Tenaga Malaysia (STM) agar lebih efektif dalam menangani isu-isu tenaga seperti air dan elektrik.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan sebuah badan berkanun yang telah ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 [Akta 610] yang berkuat kuasa mulai 1 Mei 2001. Tugas utama ST adalah untuk mengawal selia industri perbekalan elektrik dan industri bekalan gas di peringkat retikulasi serta menguatkuasakan peruntukan undang-undang berkaitan seperti Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447), Akta Bekalan Gas 1993 [Akta 501], Peraturan - Peraturan Bekalan Pemegang Lesen (Pindaan) 2002 dan Peraturan - Peraturan Elektrik (Pindaan) 2003 . Bidang kuasa ST tidak melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan sektor air.

Pada ketika ini, Kerajaan sedang dalam proses akhir semakan semula Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 [Akta 610] bagi memantapkan lagi peranan ST sebagai sebuah badan kawal selia

sektor pembekalan elektrik dan gas di peringkat retikulasi yang lebih efektif dan efisien. Di samping itu, bagi membolehkan ST memainkan peranan yang lebih berkesan dalam menangani isu-isu berkaitan pembekalan elektrik, pindaan ke atas Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta447] juga sedang dikaji semula secara menyeluruh.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
[KETEREH]
TARIKH : 15 JUN 2009
SOALAN :

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah pencegahan yang telah diambil bagi memastikan bahawa penjualan makanan ringan yang tidak menyihatkan malah memudaratkan tidak dijual kepada penduduk Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Pendekatan pencegahan yang diambil adalah dengan memberikan pendidikan pemakanan kepada orang ramai supaya mereka dapat melakukan pilihan yang bijak. Usaha untuk mendidik masyarakat tentang amalan pemakanan sihat dan pemilihan bijak merupakan usaha yang berterusan yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian. Kempen Makan Secara Sihat pula telah diperkenalkan pada tahun 1997 dan antara usaha-usaha Kementerian dalam mendidik

masyarakat ialah melalui penyebaran mesej-mesej pemakanan sihat melalui media cetak dan media elektronik, mengadakan seminar dan forum pemakanan kepada orang ramai serta mengadakan pameran pemakanan sihat di tempat-tempat awam.

Selain itu, Kementerian juga telah dan sentiasa menyediakan dan mengedarkan bahan-bahan pendidikan pemakanan seperti risalah, buku kecil dan poster berkaitan pemakanan sihat kepada orang ramai. Bagi amalan pemakanan pula, rakyat negara ini disarankan supaya menjadikan Piramid Makanan Malaysia yang telah dibentuk sejak tahun 1999 sebagai panduan harian. Bagi membantu meningkatkan kemahiran tentang pemilihan makanan sihat pula, Kementerian Kesihatan menubuhkan Pusat Maklumat Pemakanan dan Dapur Sihat Masyarakat di setiap negeri yang dijadikan tempat rujukan dan pusat pembelajaran berkaitan pemakanan sihat.

Selain itu, Panduan Pengurusan Kantin Sekolah yang dibentuk oleh Kementerian Pelajaran dengan kerjasama Kementerian Kesihatan pula telah menggariskan makanan dan minuman yang sesuai untuk dijual dikantin-kantin sekolah. Kementerian Kesihatan juga menjalankan projek rintis dalam usaha memperkenalkan konsep Kantin Sekolah Sihat di seluruh sekolah-sekolah di negara ini

NW-119

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL
(LABUAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.06.2009

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal (Labuan) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan jangka pendek dan panjang dalam menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing untuk melabur di WP Labuan sebagai menambah lagi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di antara perancangan jangka pendek yang dirangka oleh Kerajaan dalam usaha untuk menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di Wilayah Persekutuan Labuan (WP Labuan) adalah:

- a) Menyediakan tapak kontena untuk industri berkaitan dengan perdagangan;
- b) Membuat promosi mengenai peluang pelaburan di WP Labuan;

- c) Membuat perbincangan dan penggalakan pelaburan dengan pelabur-pelabur yang berpotensi dan mempunyai minat untuk melabur di WP Labuan; dan
- d) Mengadakan hubungan pengangkutan feri ro-ro dengan Negara Brunei Darussalam untuk menarik lebih banyak pelaburan dari negara tersebut.

2. Bagi perancangan jangka panjang, langkah-langkah yang akan diambil di WP Labuan termasuk:

- a) Menyediakan tapak industri kecil dan sederhana (IKS) di Kawasan Perindustrian Ranca-Ranca yang siap dengan kemudahan infrastruktur asas untuk pelabur tempatan dan juga luar;
- b) Menyediakan tapak khas industri berkaitan dengan minyak dan gas juga di kawasan Ranca-Ranca;
- c) Membangunkan kawasan industri yang lengkap dengan bangunan untuk industri kecil;
- d) Mengenal pasti tanah-tanah milik Perbadanan Labuan untuk tujuan pelaburan seperti pembinaan hotel, rumah kedai, perumahan dan komersial secara pajakan jangka panjang;
- e) Mengenal pasti pelaburan dalam industri *Labuan Halal Distribution Hub*; dan
- f) Menyediakan produk-produk pelancongan yang bersifat mampan untuk menarik pelancong mengunjungi W.P. Labuan.

3. Melalui perancangan jangka pendek dan panjang yang dirangka, adalah dijangkakan WP Labuan mampu menarik minat pelabur-pelabur asing untuk melabur yang secara tidak langsung akan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

4. Selain daripada itu, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) yang merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk pembangunan dan mempromosikan Labuan sebagai pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa (IBFC) turut merangka pelbagai inisiatif. Ini untuk memastikan pertumbuhan institusi-institusi antarabangsa menjalankan aktiviti perniagaan sama ada di peringkat antarabangsa atau serantau.

5. Sehingga 31 Disember 2008, industri antarabangsa yang beroperasi di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) terdiri daripada 59 buah bank antarabangsa, 140 buah syarikat insurans dan berkaitan insurans dan 23 buah syarikat amanah. Berdasarkan bilangan tersebut, terdapat lebih kurang 1,500 peluang pekerjaan disediakan, di mana hampir separuh adalah di Pulau Labuan. Di samping itu, pertumbuhan industri IBFC secara tidak langsung telah merangsang pertumbuhan aktiviti di sektor lain seperti perhotelan, pengangkutan, syarikat pembekalan, perumahan dan sekolah antarabangsa, sekali gus akan meningkatkan peluang pekerjaan di Labuan.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
(HULU LANGAT)**

TARIKH : 15.06.2009

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan :-

Adakah Kementerian berhasrat membangunkan pertanian bersepadu dalam memanfaatkan kawasan rayau orang asli di samping memberi pekerjaan dan pendapatan tetap kepada mereka.


JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut pemahaman Masyarakat Orang Asli secara umumnya mengenai kawasan rayau ialah suatu kawasan mereka mencari makan dan hasil pendapatan untuk kelangsungan hidup. Sebenarnya tiada satu pun takrif yang dapat menjelaskan secara tepat apakah yang dimaksudkan dengan kawasan rayau. Walau bagaimanapun, istilah tersebut dikatakan begitu sinonim dengan mereka disebabkan oleh faktor cara hidup mereka yang tinggal di kawasan pedalaman dan di kawasan hutan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) telah melaksanakan pembangunan pertanian bersepadu di kawasan Tanah Rizab Orang Asli yang telah diwartakan dan tanah yang telah diluluskan untuk dirizab tetapi belum diwartakan dengan projek Tanaman Semula Komersial (TSK) kelapa sawit dan getah menerusi RISDA dan FELCRA sebagai agensi pelaksana.

Menerusi TSK sehingga kini, sejumlah 167 buah ladang dengan keluasan 24,104.03 hektar telah berjaya dibangunkan dengan tanaman getah dan kelapa sawit merangkumi 117 buah ladang oleh RISDA dan 50 buah ladang lagi oleh FELCRA. Sehingga kini, sejumlah 96 ladang telah berjaya mengeluarkan hasil dan memberi faedah kepada 6,656 peserta masyarakat Orang Asli.

Selain menerima dividen menerusi program TSK tersebut, JHEOA sentiasa menggalakkan penyertaan Orang Asli untuk turut sama terlibat secara aktif dalam pengurusan ladang mereka dengan bekerja sebagai buruh ladang, mandur atau pengawal keselamatan ladang dengan pendapatan di antara RM400.00 sehingga RM600.00 sebulan. Mereka juga berpeluang mendapat kontrak kerja di ladang seperti kontrak menuai buah dan penyelenggaraan kawasan kepada peserta Orang Asli yang berminat dan berkemampuan.

Selain daripada itu, pelaksanaan projek pertanian dan ternakan secara skala kecil juga telah dilaksanakan oleh JHEOA kepada masyarakat Orang Asli yang berminat dan berpotensi. Antara projek-projek tersebut merangkumi ternakan lembu, kambing, tanam  nanas, serai, sayur-sayuran, ternakan ikan, bantuan peralatan menangkap ikan dan sebagainya. Projek ini dilaksanakan di bawah Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Program-program pertanian dan perikanan ini mempunyai potensi untuk menjana peningkatan pendapatan masyarakat Orang Asli.

AW=121

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH

[LIMBANG]

TARIKH : 15 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi permasalahan "*scheduling*" penerbangan MASwings ke Limbang yang hanya 2 kali sehari dan kadang kala dibatalkan hanya kerana dengan alasan "*not enough crew*" yang mempengaruhi penerbangan "*connecting*" yang seterusnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Limbang, Kementerian akan meminta pihak MASwings untuk menambahkan kekerapan penerbangan ke Limbang.

Mengenai isu pembatalan penerbangan ke Limbang, menurut MASwings ianya adalah disebabkan oleh masalah teknikal dan bukannya berkaitan dengan masalah kekurangan krew.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMBUT)
TARIKH : 15 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. TUAN LIM LIP ENG (SEGAMBUT) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai nama 10 syarikat dan 10 individu yang mempunyai tunggakan cukai pintu paling tinggi di Malaysia, sejak bila setiap mereka mulai mempunyai tunggakan dan apakah status tindakan mahkamah terhadap mereka, jika tiada, kenapa.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cukai pintu atau cukai taksiran merupakan hasil utama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ia menyumbang kira-kira 60% daripada hasil PBT. Di bawah seksyen 127 Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171), PBT dengan kebenaran Kerajaan Negeri boleh mengenakan sesuatu kadar ke atas pegangan berdasarkan peratusan daripada nilai tahunan pegangan tersebut.

Bagi sesuatu tempoh kadar yang tidak dibayar, seksyen 148 dalam Akta 171 menetapkan bahawa PBT boleh mengambil tindakan untuk menuntut tunggakan melalui notis dan kemudiannya sitaan alih.

Kadar pungutan cukai pintu tahunan PBT pada puratanya adalah sebanyak 82.7%. Kerajaan turut meminta supaya PBT

mempelbagaikan kaedah pungutan cukai selain menyediakan kaunter bergerak, memanjangkan tempoh operasi perkhidmatan kutipan cukai, bayaran melalui internet serta secara e-payment.

Senarai individu dan juga syarikat yang mempunyai tunggakan kepada PBT boleh dilayari melalui laman web PBT masing-masing.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH (SUBANG)
TARIKH : 15.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah jumlah sekolah mengikut kategori sekolah rendah/menengah-Sekolah Kebangsaan, Cina, Tamil, Agama di mana jumlah murid satu sesi (pagi atau petang) telah melebihi jumlah yang disyorkan iaitu 1500 murid dan seterusnya, jumlah sekolah mengikut kategori yang telah melebihi purata 30 murid sekelas.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah sekolah mengikut kategori sekolah rendah dan menengah di mana jumlah murid satu sesi yang memiliki enrolmen melebihi 1500 orang murid adalah seperti berikut:

Jenis Sekolah	Melebihi 1500 Murid
SK	7
SMK	57
SJKC	33
JUMLAH	97

Data adalah seperti pada 31 Januari 2009

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah sekolah mengikut kategori yang telah melebihi purata 30 orang murid sekelas adalah seperti yang berikut:

Jenis Sekolah	Melebihi 30 orang murid sekelas
SK	541
SMK	677
SJKC	137
SJKT	39
JUMLAH	1,394

Data adalah seperti pada 31 Januari 2009

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
(KUBANG KERIAN)**

TARIKH : 15 JUN 2009

SOALAN:

Tuan Salahuddin bin Hj Ayub (Kubang Kerian) minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebenarnya peranan Jakim dan adakah Kerajaan berpuas hati dengan prestasi Jakim khususnya dalam menggarap persoalan dan isu-isu dan cabaran-cabaran kontemporari.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua;

Peranan Jakim adalah sebagai sebuah agensi pusat di peringkat Persekutuan yang bertanggungjawab dalam pembangunan Hal Ehwal Islam di Malaysia. Selaras dengan peranannya, Jakim sentiasa berusaha memastikan kesucian agama Islam sentiasa terjamin dan terpelihara serta tidak diganggu gugat oleh mana-mana pihak. Dalam menangani cabaran dan isu-isu semasa, Jakim telah mengambil pendekatan yang pelbagai terutamanya bermusyawarah melalui forum-forum yang telah diwujudkan seperti berikut:

- i. Mesyuarat Panel Kajian Akidah
- ii. Mesyuarat Panel Kajian Syariah
- iii. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan

Selain itu, Jakim sentiasa bekerjasama dengan kementerian, jabatan dan agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam mengekalkan kedaulatan dan kesucian agama Islam serta mendepani persoalan dan cabaran-cabaran kontemporari termasuk menentang mana-mana pihak yang cuba untuk mengganggu-gugat keutuhan Islam sejagat. Menerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Jakim berperanan sebagai urus setia dan MKI yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja pada tahun 1968 merupakan sebuah majlis yang penting bukan sahaja dalam menjalankan tugas penyelarasan malah menjadi **forum tertinggi** bagi membincang dan memutuskan dasar-dasar mengenai pembangunan dan kemajuan hal ehwal Islam di Malaysia.

Berdasarkan kepada tugas dan tanggungjawab Jakim di peringkat pusat dan mengadakan penyelarasan di peringkat negeri-negeri, kerajaan yakin Jakim mampu melaksanakan tanggungjawab tersebut bagi memelihara kesucian agama Islam di Malaysia terutamanya dalam mengatasi persoalan dan isu-isu serta cabaran-cabaran kontemporari.

Jakim dari semasa ke semasa sentiasa mempertingkatkan kerjasama bagi menyelaraskan pembangunan hal ehwal Islam dengan Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri-Negeri.

Disediakan Oleh:

(HAJI RAZALI BIN SHAHABUDIN)

Tel: 019-2483175

Disemak Oleh:

(HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA)

Tel: 012-6851486

Diluluskan Oleh:

(DATO' HAJI WAN MOHAMAD BIN DATO' SHEIKH ABDUL AZIZ)

Tel: 012-2399864

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. HIEW KING CHEU
[KOTA KINABALU]
TARIKH : 15 JUN 2009

SOALAN

Y.B. Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa harga gas asli di Labuan yang di bekalkan oleh Petronas dan Sabah Energy Corporation sangat berbeza. Harga gas SEC yang tinggi telah mengakibatkan penutupan industri kita, bolehkah Petronas membekal terus kepada Guocerra Tiles Industri dengan harga yang murah.

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pihak Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) membekalkan gas kepada pengguna di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang menggunakan gas melebihi 2 juta kaki padu sehari (mmscfd) manakala bagi pengguna yang menggunakan gas kurang daripada 2 mmscfd, ia dibekalkan oleh *Sabah Energy Corporation* (SEC) yang diberi lesen di bawah Akta Bekalan Gas 1993. Kebenaran bagi syarikat tersebut menjalankan operasi pengagihan gas dibuat bagi membolehkan bekalan gas dilaksanakan secara lebih cekap dan berkesan, termasuk kepada pengguna-pengguna berskala kecil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penetapan harga gas oleh SEC adalah diasaskan kepada peruntukan di bawah Seksyen 18 Akta Bekalan Gas yang membenarkan pemegang lesen (pembekal) mengadakan perjanjian khas dengan pihak pembeli berdasarkan terma-terma yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Amalan penetapan harga gas oleh SEC yang berdasarkan prinsip '*willing buyer willing seller*' (dengan izin) adalah amalan yang wajar memandangkan ia mengambilkira kepentingan kedua-dua pihak iaitu pembekal dan pembeli. Amalan ini juga bersesuaian dengan struktur industri pembekalan gas di Sabah dan Labuan yang berbeza dengan Semenanjung disebabkan faktor-faktor seperti bilangan pengguna dan jumlah bekalan gas yang kecil serta kos modal yang besar yang perlu ditanggung oleh pihak SEC bagi menyediakan kemudahan infrastruktur bagi membekalkan gas kepada pihak pengguna.

Dalam menetapkan harga gas kepada pelanggannya, pihak SEC mengambilkira harga gas yang ditetapkan di Semenanjung serta menggunakan harga bahan api alternatif iaitu diesel sebagai tanda aras atau sandaran, dengan diskaun kira-kira 15% daripada harga bahan api alternatif berkenaan. Walaubagaimanapun, demi kepentingan pengguna, pihak SEC dikehendaki memaklum pihak Suruhanjaya Tenaga berhubung harga gas yang akan dikenakan kepada pelanggannya pada masa akan datang supaya ia tidak terlalu berbeza dengan harga yang dikenakan di Semenanjung.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN
(LIPIS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.06.2009

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah Bank Negara Malaysia (BNM) membendung pengeluaran wang mesin simpanan (ATM) secara tidak sah menerusi kegiatan haram "United Kad Kredit Palsu".

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kegiatan pengeluaran wang secara tidak sah telah berlaku berikutan dengan orang ramai menerima panggilan atau Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) daripada pihak ketiga berkaitan maklumat akaun perbankan atau transaksi kad kredit mereka. Mangsa yang terlibat sama ada secara sedar atau tidak, akan mendedahkan maklumat sulit berkaitan akaun perbankan atau kad kredit kepada pihak ketiga. Maklumat yang diperolehi pemanggil palsu akan

digunakan bagi mengeluarkan wang secara tidak sah daripada akaun mangsa.

2. Untuk meningkatkan kesedaran kepada orang ramai, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengeluarkan satu siaran akhbar yang bertajuk “Berhati-hati dengan SMS dan Panggilan Telefon Palsu yang Meminta Pengesahan Transaksi Kad Kredit” pada 7 April 2009. Melalui siaran akhbar tersebut, orang ramai diingatkan supaya lebih berhati-hati apabila menerima panggilan atau SMS yang mendakwa dibuat oleh BNM atau mana-mana pihak bank perdagangan.

3. Di samping itu, institusi perbankan juga turut menjalankan program pendidikan dan kesedaran kepada pelanggan secara berterusan bagi mendidik pengguna supaya berjaga-jaga terhadap penipuan untuk mendapatkan maklumat perbankan. Antara langkah yang telah diambil termasuklah mengeluarkan kenyataan amaran yang dipaparkan di laman web institusi perbankan, terminal ATM serta saluran komunikasi media.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
(PAYA BESAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.06.2009

Dato' Abdul Manan bin Ismail (Paya Besar) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan mengatasi sikap institusi perbankan menarik balik kemudahan pinjaman kepada komuniti peniaga yang berdaya maju.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi keutamaan institusi perbankan untuk membantu perniagaan yang berdaya maju terus mendapat akses kepada pembiayaan serta membantu peminjam yang menghadapi masalah kewangan akibat keadaan ekonomi yang tidak menentu. Langkah menarik balik kemudahan pinjaman tidak memanfaatkan pihak bank kerana ini akan menjejaskan keupayaan membayar balik pinjaman tersebut dan mengakibatkan kerugian kepada pihak bank. Sehubungan itu, Bank Negara Malaysia sentiasa mengadakan dialog dengan institusi perbankan untuk memastikan institusi perbankan tidak menarik balik pinjaman tanpa sebab yang munasabah.

2. Bank Negara Malaysia juga telah memberikan kelonggaran kepada institusi perbankan untuk menstruktur dan menjadual semula pinjaman. Institusi perbankan kini lebih proaktif dalam mendekati para peminjam untuk menstruktur dan menjadual semula pinjaman. Penstrukturan dan penjadualan semula berkenaan

melibatkan pemanjangan tempoh pinjaman, pemberian moratorium untuk pembayaran pinjaman dalam tempoh tertentu, membenarkan pengecualian faedah apabila perlu serta permodalan faedah.

3. Kerajaan dan Bank Negara Malaysia juga telah mengambil langkah untuk memastikan perniagaan yang berdaya maju untuk terus mendapat akses kepada pembiayaan melalui:

- i. Skim Jaminan Modal Kerja berjumlah RM5 bilion yang diumumkan pada 10 Mac 2009 untuk membantu membiayai keperluan modal kerja syarikat;
- ii. Skim Jaminan Pinjaman Penstrukturan Semula Industri berjumlah RM5 bilion yang diumumkan pada 10 Mac 2009 bertujuan menyokong aktiviti pelaburan jangka panjang;
- iii. Skim Jaminan Bantuan PKS berjumlah RM2 bilion yang diumumkan pada 23 Januari 2009 untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terjejas akibat kelembapan ekonomi; dan
- iv. Dana yang berkos rendah melalui Pembiayaan Mikro berjumlah RM200 juta.

4. Bank Negara Malaysia telah memainkan peranan sebagai perantara dan telah mengadakan perbincangan di antara bank dan peminjam-peminjam serta persatuan industri tertentu untuk mencapai penyelesaian yang bermanfaat dan juga membuat susulan secara berterusan terhadap aduan-aduan yang diterima. Bank Negara Malaysia akan terus memantau untuk memastikan proses pemberian pembiayaan berjalan dengan lancar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
(PASIR PUTEH)**

TARIKH : 15 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR PUTEH) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa peratuskah keluarga di Negara ini yang tidak memiliki rumah sendiri dan mengikut perancangan Kerajaan, bilakah akan wujud keadaan di mana setiap keluarga memiliki sekurang-kurang sebuah rumah sendiri.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, tiada statistik rasmi mengenai peratusan keluarga di Negara ini yang tidak memiliki rumah sendiri. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang dalam proses menggubal Dasar Perumahan Negara (DRN) yang akan menjadi hala tuju kepada sektor perumahan negara. DRN akan menggariskan keperluan penyediaan perumahan untuk dimiliki kepada semua golongan bagi membantu setiap keluarga memiliki sekurang-kurangnya sebuah rumah sendiri. Sekiranya pelan tindakan seperti yang digariskan dalam DRN dilaksanakan dengan berkesan dan teratur, keupayaan setiap keluarga untuk memiliki sebuah rumah sendiri akan meningkat dan tidak

mustahil sasaran setiap keluarga memiliki sekurang-kurangnya
sebuah rumah sendiri tercapai.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

Ns: 129

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)

TARIKH : 15 JUN 2009

SOALAN [129] : Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan dengan kepimpinan baru ini, bagaimanakah dasar luar negara kita akan dikemudikan oleh pucuk pimpinan ini supaya kepentingan negara adalah sentiasa terpelihara terutamanya dalam urusan hubungan negara kita dengan ASEAN dan OIC serta hubungan dua hala dengan Singapura dan Indonesia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Dasar luar negara merupakan lanjutan dari dasar-dasar kerajaan sedia ada. Malaysia akan terus mempraktikkan dasar luar negara yang terbuka di dalam menjalinkan hubungan dengan negara-negara luar demi kepentingan bersama termasuk dengan Indonesia dan Singapura. ASEAN akan terus menjadi salah satu teras utama dasar luar Malaysia. Malaysia akan terus aktif sebagai negara anggota ASEAN terutamanya dalam usaha ASEAN untuk mewujudkan Komuniti ASEAN pada tahun 2015. Sebagai negara anggota ASEAN, Malaysia juga berpegang teguh kepada prinsip penyelesaian isu secara aman dan tidak mencampuri urusan dalam negeri negara-negara anggota demi memastikan keamanan dan kestabilan serantau.

Di peringkat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Malaysia akan terus menekankan kepentingan perpaduan Ummah dan semangat bekerjasama di kalangan negara-negara OIC. Walaupun Malaysia tidak lagi menjadi Pengerusi, Malaysia akan terus berusaha meningkatkan kerjasama dengan negara-negara anggota OIC

terutamanya dalam meningkatkan perpaduan Ummah serta pembangunan ekonomi negara-negara Islam.

Indonesia dan Singapura serta juga Brunei Darussalam, Thailand dan Filipina sebagai jiran terdekat Malaysia akan terus mendapat keutamaan yang tinggi dalam menjalin hubungan dengan Malaysia. Ini adalah kerana kesemua negara tersebut mempunyai pertalian hubungan sejarah yang lama serta persamaan sosio budaya yang luas di dalam pelbagai bidang seperti politik, perdagangan, pendidikan, sosial, budaya dan keselamatan dengan Malaysia. Isu-isu dua hala yang masih belum dapat diatasi tidak menghalang Malaysia dan negara-negara jiran tersebut meneruskan kerjasama yang mempunyai manfaat bersama. Kerjasama dua hala dengan negara-negara ini akan dipertingkatkan melalui Rundingan Tahunan, Suruhanjaya Persempadanan Bersama serta lawatan rasmi daripada kedua-dua belah pihak di peringkat tertinggi dan juga penjalinan perhubungan yang mesra di antara rakyat negara-negara tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

TARIKH : 15 JUN 2009 (ISNIN)

SOALAN :

**YB Puan Norah binti Abd Rahman (Tanjong Manis) minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan:-**

- a) berapakah jumlah pemohon-pemohon dari negeri Sarawak yang telah mendapat kelulusan untuk menerima bantuan kebajikan mulai Julai 2008 hingga sekarang; dan
- b) apakah yang dilaksanakan untuk memastikan bantuan tersebut diberi secepat mungkin.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk tempoh bulan Julai 2008 sehingga kini, Jabatan Kebajikan Negeri Sarawak telah meluluskan bantuan sebanyak 1,319 kes melibatkan peruntukan sebanyak RM3,70,949.00. Ini menjadikan jumlah keseluruhan bantuan kebajikan yang diluluskan oleh Jabatan Kebajikan Negeri Sarawak ialah sebanyak 61,559 kes melibatkan peruntukan sebanyak RM20,106,236.00.

- b) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melaksanakan pelbagai langkah bagi memastikan permohonan bantuan kebajikan diproses dalam masa yang singkat. Ini termasuklah penambahbaikan ke atas prosidur operasi standard seperti berikut:
 - i) melaksanakan sistem pendaftaran dan penyediaan laporan untuk keputusan secara berkomputer. Sistem ini

dikenali sebagai *e-Bantuan*. Proses kerja di tahap ini disiapkan dalam tempoh 2 minggu;

- ii) kuasa meluluskan bantuan diturunkan daripada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah;
- iii) bayaran kepada penerima bantuan dibuat pada 5 haribulan setiap bulan; dan
- iv) melaksanakan pelbagai kaedah bayaran bantuan kepada penerima iaitu sama ada melalui bank atau pun secara tunai yang dibuat secara terus kepada penerima bantuan sama ada di Pejabat Kebajikan Masyarakat, di rumah atau pun di pusat-pusat bayaran bantuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN
[PENDANG]
TARIKH : 15 JUN 2009
SOALAN :

Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman (Pendang) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah bentuk kawalan penyakit berjangkit yang dijalankan oleh Kementerian memandangkan mutakhir ini berbagai jenis penyakit yang menyebabkan berlaku jangkitan dengan cepat dan berbentuk *epidemic* dan *pandemic*.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang bencana kesihatan termasuklah kejadian *epidemic* dan *pandemic* penyakit berjangkit. wabak penyakit berjangkit. Bagi menangani penyakit berjangkit yang baru timbul (*emerging infectious diseases*), Kementerian Kesihatan telah menyediakan satu pelan tindakan yang dikenali sebagai *Malaysia Strategic Plan for Emerging Diseases* yang telah diadaptasikan dari pelan tindakan *Asia Pacific Strategic Plan for Emerging Diseases*.

Berdasarkan pelan tersebut, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan beberapa aktiviti sebagaimana berikut :

- i) Memperkukuhkan sistem surveilan dan respon terhadap penyakit berjangkit ;
- ii) Memperkukuhkan kawalan infeksi penyakit berjangkit ;
- iii) Membentuk pelan tindakan untuk mengawal kejadian penyakit zoonotik di kalangan manusia dan haiwan ;
- iv) Membentuk satu Pelan Strategik Komunikasi Risiko (*Risk Communication Strategic Plan*) ;
- v) Memperkukuhkan respon makmal untuk mengesan dan mengesahkan agen penyebab kejadian penyakit berjangkit dengan lebih cepat

Selain daripada itu, Kementerian Kesihatan juga melaksanakan peruntukan di bawah Peraturan Kesihatan Antarabangsa 2005 (*International Health Regulation 2005*) yang memerlukan setiap negara melaporkan kejadian penyakit yang boleh menyebabkan bencana kesihatan awam (*public health emergency for international concern*).

Sebagai persediaan bagi menghadapi pandemik influenza, satu pelan strategik yang dikenali sebagai Pelan Kesiapsiagaan Pandemik Influenza Kebangsaan (*National Influenza Pandemic Preparedness Plan*) telah dibentuk dan dilancarkan pada Januari 2006. Pelbagai strategi dan aktiviti bagi menghadapi kejadian pandemik influenza telah dinyatakan di dalam pelan kesiapsiagaan ini dan ia telah digunakan dalam melaksanakan

aktiviti kawalan dan pencegahan kejadian Influenza A (H1N1) yang sedang berlaku pada masa ini.

Kementerian Kesihatan juga menyediakan beberapa pelan strategik lain seperti *National Strategic Plan for Dengue*, *National Strategic Plan for TB* dan *National Strategic Plan for HIV/STD* bagi memperkukuhkan strategi dan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit khususnya berkaitan penyakit-penyakit berkaitan bagi memastikan kesiapsiagaan dan respons dapat dilaksanakan dalam menghadapi *epidemic* dan *pandemic* penyakit-penyakit tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]
TARIKH : 15 Jun 2009
SOALAN : Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah awal Kerajaan untuk merealisasikan slogan 1 Malaysia Rakyat didahulukan Pencapaian diutamakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang diPertua,

Mengenai maksud Gagasan "1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan," yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, YB diminta merujuk kepada jawapan lisan oleh YAB Perdana Menteri sendiri semasa mesyuarat Dewan yang Mulia pada pagi ini. Penjelasan beliau kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Dewan, termasuk soalan-soalan tambahan, sememangnya adalah menyeluruh dan komprehensif.

Sememangnya, berdasarkan kepada semangat dan intipati Gagasan ini, satu transformasi dijangka akan diperkenalkan dan

dilaksanakan, yang melibatkan beberapa pendekatan baru. Pendekatan-pendekatan yang baru ini sedang dan akan dilaksanakan fasa demi fasa, dengan mengambil kira maklumbalas daripada rakyat serta cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh para pemimpin masyarakat dan mereka yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang relevan. Segala-gala ini bertujuan memberi keutamaan kepada rakyat dengan memberi penekanan terhadap perpaduan dan kesejahteraan rakyat.

Langkah-langkah awal untuk merealisasikan Gagasan ini termasuklah memberi penjelasan seluas-luasnya tentang maksud sebenar Gagasan ini supaya dapat dihayati dan disemarakkan oleh rakyat, mengamalkan pendekatan “kerap turun padang” oleh para pemimpin supaya lebih mendekati rakyat dan memahami hasrat dan kesulitan rakyat dan sebagainya.

Satu langkah awal yang amat penting ialah untuk memberi penekanan dan fokus terhadap pengurusan prestasi Kerajaan Persekutuan dengan menggunakan kaedah “Petunjuk-petunjuk Prestasi Utama” atau “Key Performance Indicators” (KPI), bermula

dengan anggota-anggota pentadbiran, iaitu, Ahli-Ahli Jemaah Menteri.

Secara ringkas, pengurusan prestasi mengikut kaedah KPI bermula dengan usaha mengenalpasti "Key Results Areas" (KRA) atau Petunjuk-Petunjuk Hasil Utama bagi sesuatu organisasi seperti kementerian atau agensi kerajaan. Satu contoh KRA ialah sasaran umum untuk meningkatkan keselamatan bagi rakyat, manakala satu lagi ialah memudahcara prosidur pengurusan untuk keselesaan pelanggan. Untuk setiap KRA akan dikenalpasti dan ditetapkan pula KPI dengan sasaran secara spesifik yang dapat diukur, misalnya, menurunkan kadar jenayah atau mengurangkan masa menguruskan permohonan paspot atau lesen. Dengan adanya sasaran secara konkrit ini, maka segala prosidur akan diperkemaskan bahkan diubah, disamping menggembeling dan menumpukan segala sumber dan tenaga dalam organisasi tersebut untuk mencapai sasaran dalam satu tempoh yang munasabah.

Sebagai peringkat awal, aspek-aspek pelaksanaan pengurusan prestasi dengan kaedah KPI telah dibincangkan dalam tiap-tiap mesyuarat Jemaah Menteri baru semenjak mesyuarat pertamanya

pada 15 April 2009. Dua (2) bengkel bagi para menteri yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri telah diadakan. Setiap menteri telah juga ditugaskan untuk merangka “Key Results Areas” (KRA) dan beberapa KPI secara awalan atau “preliminary KPIs” bagi diri sendiri dalam konteks visi, misi dan objektif-objektif kementeriannya yang berkenaan.

Di samping itu, secara kolektif, Jemaah Menteri yang dipimpin oleh YAB Perdana Menteri sedang juga dalam proses membincangkan dan mengenalpasti beberapa KRA untuk peringkat negara, iaitu, National KRA atau N-KRA sebagai komitmen Kerajaan Persekutuan terhadap rakyat jelata.

Sebenarnya, inisiatif-inisiatif untuk mengenalpasti dan merangka KRAs dan KPIs di peringkat nasional dan bagi menteri merupakan lanjutan kepada usaha yang telah dilaksanakan dalam Perkhidmatan Awam dalam tempoh tiga (3) tahun yang lalu, iaitu, memperkenalkan KRA dan KPI bagi Ketua-Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian dan Ketua-Ketua Pengarah (KP) bagi agensi-agensi yang tertentu.

Proses untuk mengenalpasti dan menggubal KRA dan KPI bagi para Menteri dijangka akan mengambil masa beberapa bulan lagi. Dalam tempoh yang sama, tindakan sedang diambil untuk menuju ke arah mencapai KRA dan KPI yang berkenaan. Satu penilaian akan dibuat pada penghujung tahun ini supaya membuat apa-apa pindaan yang perlu untuk menetapkan KRA dan KPI Versi 2.0 serta strategi-strategi pelaksanaan bagi tahun 2010 dan selanjutnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TENG BOON SOON
[TEBRAU]
TARIKH : 15 JUN 2009
SOALAN :

Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kedudukan terkini di kalangan masyarakat dunia dan Malaysia dalam usaha menangani wabak Influenza A (H1N1). Adakah rakyat Malaysia telah disiap sediakan untuk menghadapi serangan wabak Influenza A (H1N1).

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan lapan soalan yang lain yang menyentuh isu berkaitan Influenza A (H1N1) iaitu pertanyaan daripada YB Datuk Dr. Marcus Mojigoh (Putatan) dan YB Dato' Dr. James Dawos Mamit (Mambong) bertarikh 16 Jun 2009, YB Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) bertarikh 17 Jun, YB Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique (Setiawangsa) bertarikh 22 Jun 2009, YB Tuan Salahuddin bin Haji Ayub (Kubang Kerian) dan YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Kota Raja) bertarikh 24 Jun, YB Tuan Azan bin Ismail (Indera Mahkota) bertarikh 29 Jun dan yang terakhir daripada YB Datuk Billy Abit Joo (Hulu Rajang) bertarikh 30 Jun 2009 kerana pertanyaan-pertanyaan ini adalah berkaitan di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Wabak Influenza A (H1N1) ini mula dikesan di Mexico dan Amerika Syarikat pada 24 April 2009 dan sehingga 11 Jun 2009, wabak ini telah menular ke 74 buah negara melibatkan sejumlah 27,824 kes dengan 141 kematian. Majoriti kes yang dilaporkan (95%) adalah dari benua Amerika. Daripada 74 negara tersebut, sejumlah 22 buah negara telah melaporkan kes jangkitan tempatan, dan di benua Asia pula, kes-kes tempatan telah dilaporkan di Singapura, Filipina, Australia, Jepun, China dan Korea Selatan.

Wabak Influenza A (H1N1) ini adalah disebabkan oleh virus influenza baru iaitu Influenza Virus A (California/04/2009), yang merupakan campuran daripada *North American swine*, *North American avian*, *North American human* dan *Eurasian swine*. Wabak ini tiada kaitan dengan *swine flu virus* pada haiwan ternakan babi dan pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 30 April 2009 telah menamakan virus baru ini sebagai Influenza A (H1N1) di mana sebelum ini ia disebut sebagai *Swine Flu virus*.

Penyakit Influenza A(H1N1) ini berjangkit melalui *droplet* cecair bersin dan batuk dan mereka yang *close contact* dalam lingkungan satu meter adalah berisiko mendapat jangkitan. Masa *incubation* adalah selama empat hingga tujuh hari dengan simptom utama adalah demam, batuk dan sakit badan. Cara pencegahan yang terbaik adalah penjagaan kebersihan diri seperti menutup mulut ketika batuk dan bersin serta mencuci tangan dengan sabun. Mereka yang sakit seharusnya tidak mengunjungi kawasan awam untuk mengelakkan penularan penyakit.

Di Malaysia, sehingga 11 Jun 2009, sejumlah 11 kes Influenza A(H1N1) telah dikesan, tiada kematian direkodkan dan semua adalah merupakan kes import iaitu 5 dari Amerika Syarikat, 3 dari Australia, 2 dari Jerman dan 1 kes dari Filipina. Lima daripada kes tersebut adalah warganegara Malaysia, di mana empat kes daripadanya adalah mereka yang kembali daripada belajar di Amerika Syarikat untuk bercuti di Malaysia sementara dua kes lagi bercuti di negara yang sedang dilanda wabak Influenza A(H1N1). Sementara lima kes di kalangan bukan warganegara adalah mereka daripada negara yang sedang dilanda wabak Influenza A(H1N1) dan datang ke Malaysia untuk bercuti.

Pandemik Influenza A(H1N1) ini adalah satu fenomena yang berlaku setiap 20 hingga 30 tahun dan yang terakhir adalah pada tahun 1968 yang dinamakan 'Hong Kong Flu' yang disebabkan oleh Influenza A(H3N2) yang menyebabkan lebih daripada satu juta kematian di seluruh dunia pada masa itu. Virus influenza mempunyai keupayaan untuk berubah (mutasi) dan menjadi virus baru di mana dengan keadaan ini ia mampu menyebabkan wabak kerana manusia tidak mempunyai imuniti kepada jangkitan virus ini.

Dalam menghadapi pandemik influenza ini, pihak *WHO* telah menyarankan agar setiap negara supaya dapat menyediakan pelan strategik sebagai persiapan bagi menghadapi pandemik influenza. Negara kita telah menyediakan pelan strategik tersebut yang dinamakan sebagai *National Influenza Pandemic Preparedness Plan (NIPP)* yang telah diluluskan pelaksanaannya oleh Jemaah Menteri pada tahun 2005 dan telah dilancarkan secara rasmi oleh YB Menteri Kesihatan pada 9 Januari 2006. Persediaan ini melibatkan pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan termasuk sektor swasta bagi memastikan impak pandemik dapat diminimumkan terutamanya kepada kesan sosioekonomi negara. Antara persediaan yang telah dilakukan sejak 3 tahun yang lepas adalah sebagaimana berikut :

- i. Setiap agensi yang terlibat akan menyediakan pelan operasi *NIPP* masing-masing.
- ii. Memperkukuhkan keupayaan negara dalam menghadapi pandemik dengan meningkatkan kemudahan rawatan kes (sebanyak 28 hospital telah dinaiktaraf kemudahan rawatan menyediakan rawatan pesakit dalam seramai 168 pesakit), *stockpile* ubat antiviral, *stockpile* alat perlindungan diri (PPE) dan pelalian untuk barisan hadapan.
- iii. Memperkukuhkan pengawasan penyakit influenza.
- iv. Mengadakan latihan tahunan (latihan simulasi) sebagai persiapan menghadapi influenza di semua peringkat.

Melalui pelan perancangan ini serta pengalaman daripada wabak SARS serta Nipah, negara telah dapat meningkatkan persediaan menghadapi pandemik influenza. Sejak pihak *WHO* mengisytiharkan pandemik Influenza A(H1N1) berada pada Tahap 5 pada 29 April 2009, berikut merupakan tindakan pencegahan dan kawalan yang sedang diambil oleh Kerajaan :

- i. Mengaktifkan Bilik Gerakan Kebangsaan dan hospital yang terlibat dengan rawatan kes Influenza A(H1N1) dengan perkhidmatan *hotline*.
- ii. Melakukan saringan di semua pintu masuk antarabangsa terutamanya kepada pelawat daripada negara yang mempunyai jangkitan tempatan Influenza A(H1N1). Sejumlah 20 unit alat pengesan suhu badan (demam) diletakkan di pintu masuk utama negara.
- iii. Semua penumpang diminta mengisi borang pengisytiharan kesihatan (*health declaration form*) untuk memantau mereka yang telah melawat negara yang terlibat dengan wabak Influenza A(H1N1). Mereka ini akan diberikan kad *Health Alert Card* bagi membantu mereka mengenal pasti tanda jangkitan influenza dan tempat untuk mendapatkan rawatan.
- iv. Memperluaskan aktiviti pengawasan dan pengesanan kes influenza di semua fasiliti kesihatan.
- v. Memastikan semua 28 hospital yang telah dilengkapi kemudahan merawat kes influenza sentiasa dalam keadaan bersiap sedia untuk menerima pesakit.
- vi. Memastikan makmal Influenza A(H1N1) di Institut Penyelidikan Perubatan dalam keadaan bersiap sedia untuk menyediakan khidmat ujian makmal pengesanan kes Influenza A(H1N1).
- vii. Menyemak dan memastikan bekalan *stockpile antiviral* dan alat perlindungan diri dalam keadaan siap sedia untuk digunakan.

- viii. Menyediakan bahan pendidikan kesihatan bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang awam terhadap penyakit Influenza A(H1N1) dan dihebahkan melalui semua media dan ini termasuklah penyediaan makluman melalui laman web Kementerian.
- ix. Mengemaskini garis panduan pengurusan wabak Influenza A(H1N1) sesuai dengan perkembangan semasa.
- x. Mengeluarkan kenyataan akhbar harian oleh Ketua Pengarah Kesihatan dan YB Menteri Kesihatan dan memaklumkan sebarang kes yang dikesan serta langkah-langkah kawalan dan pencegahan yang telah diambil untuk memaklumkan orang ramai.
- xi. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Influenza A(H1N1) telah diaktifkan sejak 29 April 2009 dan diadakan setiap dua minggu sekali untuk menyelaras aktiviti kawalan dan pencegahan yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Mesyuarat dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.
- xii. Sentiasa mengadakan kolaborasi dengan pihak *WHO* dan negara-negara jiran termasuk ASEAN bagi tujuan pertukaran maklumat dan perkongsian strategi pencegahan dan kawalan.

Pada masa ini, pihak *WHO* belum mengeluarkan sebarang larangan atau sekatan perjalanan, kesihatan atau ekonomik kepada negara-negara yang terlibat dengan wabak influenza A(H1N1). Kementerian Kesihatan yakin dengan kerjasama semua pihak termasuk rakyat di negara ini, tindakan dan langkah pencegahan ini akan dapat mengurangkan impak pandemik Influenza A(H1N1) sekiranya semua pihak mematuhi dan mengamalkan nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa.